



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 985]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 1033]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN:

- | | | |
|---|---|----------------|
| (1) Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1980 | } | [Ruangan 1034] |
| (2) Rang Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1980 | | |
| (3) Rang Undang-undang Akta Pencegah Rasuah (Pindaan) 1980 | | |
| (4) Rang Undang-undang Dadah Merbahaya (Pindaan) 1980 | | |

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) [Ruangan 1048]

Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan) [Ruangan 1052]

Rang Undang-undang Dagangan Komoditi [Ruangan 1090]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMED (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Star).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
 „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
 „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
 „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
 „ TUAN V. DAVID (Damansara).
 „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
 „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
 „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
 „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
 „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
 „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
 „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
 „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
 „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
 „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
 „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
 „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
 „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
 „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
 „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
 „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
 „ TUAN LEE KAW (Kluang).
 „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
 „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
 „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
 „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
 „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
 „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
 „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
 „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
 „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
 „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
 „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Star).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZE TU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ HAJJAH WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 27hb Mac, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MAJLIS FATWA NEGERI

1. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Negeri mengenai Perarakan Maulud Nabi yang melarang wanita-wanita mengambil bahagian sama dalam perarakan tersebut adalah tidak selaras dengan amalan yang dijalankan di ibu negara di mana pembesar-pembesar negeri serta isteri mereka masing-masing juga orang ramai mengambil bahagian sama. Sama ada beliau akan meminta Majlis Fatwa untuk membincangkan perkara ini dengan Mufti-mufti Negeri supaya apa juga fatwa yang dikeluarkan ada guidelinenya dan dengan demikian akan dapat diselaraskan di seluruh negara supaya orang ramai tidak terkeliru dengan fatwa yang dikeluarkan. Jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu mungkin sudah maklum mengikut Perlembagaan Persekutuan bahawa Kuasa Ugama adalah terletak di bawah bidangkuasa Negeri di mana DYMM Sultan adalah menjadi ketuanya. Pihak negeri melalui Majlis Fatwa berhak mengeluarkan fatwa mengikut ijthad kehendak masing-masing. Fatwa-fatwa Ugama yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri berkuatkuasa di seluruh negeri yang berkenaan.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang telah ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Ehwat Ugama Islam, Malaysia adalah memainkan peranan dalam usaha menyelaraskan fatwa seluruh negara. Fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja adalah berkuatkuasa di seluruh negeri-negeri yang menganggotai Majlis. Setakat ini masalah Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Negeri mengenai Perarakan Maulud Nabi yang melarang wanita-wanita mengambil bahagian sama dalam perarakan tersebut seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu belum lagi dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya belum ada lagi dikemukakan untuk dipanjangkan kepada Jawatankuasa Fatwa berhubung dengan masalah wanita-wanita ikut menyertai Perayaan Maulud Nabi, bilakah pihak Majlis Fatwa akan mengadakan satu Majlis Mesyuarat mengenai Mufti-mufti supaya dapat menyelaraskan hal ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dalam pertimbangan Kerajaan dan akan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mencabar Mufti Perak. Adakah pihak Menteri berhak mencabar Fatwa Mufti Perak itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ini mengikut di mana, mengikut surat khabarkah?

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Benar atau tidak benar dalam suratkhbar itu, soalan macam itu tidak boleh dikeluarkan mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (i).

PERJANJIAN KERJASAMA PERTANIAN MALAYSIA-THAILAND

2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pertanian menyafakan apakah hasil yang akan dinikmati oleh kedua-dua negara dari Perjanjian Kerjasama Pertanian dengan Negeri Thai yang berlangsung di Kuala Lumpur dan Bangkok baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, perjanjian kerjasama di bidang pertanian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand banyak mendatangkan munafaat dan faedah kepada Kerajaan Malaysia umumnya di dalam bidang pertanian, umpamanya:

- (i) di bidang perikanan, kerjasama ini telah membolehkan Malaysia menjalankan penyelidikan bersama di dalam projek-projek aquaculture yang telah mendedahkan teknik-teknik baru kepada Kerajaan Malaysia. Pakarpakar aquaculture dari Thailand telah sanggup memberi perkhidmatan di dalam usahasama penyelidikan ini. Di samping itu kerjasama ini juga membolehkan pertukaran maklumat dan data-data yang berfaedah serta membekalkan species-species ikan kepada Malaysia yang sudah tentu mendatangkan kebaikan di dalam kajian pengembangan perikanan di negara kita;
- (ii) bidang ternakan pula, hasil dari kerjasama ini, wabak penyakit kuku dan mulut telah dapat dikawal dengan jayanya dan hasilnya pada hujung bulan ini perdagangan ternakan antara kedua negara akan dimulakan setelah diberhentikan sejak berlakunya wabak penyakit kuku dan mulut tersebut;
- (iii) di bidang tanaman ladang dan kultu-
umbuhan (horticulture) kerjasama di antara kedua buah negara telah menghasilkan pertukaran bahan-bahan tanaman seperti koko, kelapa, kelapa sawit, lada hitam, cengkih dan orkid kepada

Kerajaan Thailand dan tanaman ladang sayur-sayuran, buah-buahan, cut-flowers dan sericulture kepada Kerajaan Malaysia. Untuk memudahkan eksport dan import bahan-bahan tanaman di antara kedua-dua buah negara, satu projek Kerantina Tanaman telah diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, Malaysia dan Kerajaan Thailand telah bersetuju untuk bekerjasama bagi pelaksanaan kajian Lembah Sungai Golok. Cadangan kajian ini pada mulanya hanya terhad kepada pengawalan banjir di Lembah tersebut yang menjadi masalah kepada rancangan pembangunan pertanian di kawasan itu. Walau bagaimanapun di mesyuarat Kedua Peringkat Menteri Kerajaan Pertanian Malaysia/Negeri Thai yang telah diadakan di Chiangmai pada 25hb Februari, 1980 yang lalu kedua pihak telah bersetuju untuk memperluaskan Garispanduan kajian ini untuk meliputi kajian mengenai pembangunan, ekonomi dan sosial di kawasan tersebut. Kajian ini adalah untuk mewujudkan kemudahan asas yang lengkap bagi pembangunan sosio-ekonomi penduduk-penduduk luarbandar di lembangan itu dalam usaha meninggikan taraf hidup mereka.

UNIT PEMBEDAHAN JANTUNG BERLUBANG

3. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah kes-kes jantung berlubang yang dihantar keluar negara untuk dibedah semenjak tahun 1977 dan berapakah kes-kes ini yang berjaya; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Unit Pembedahan Jantung Berlubang di negara kita. Jika tidak, mengapa.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 90 kes jantung berlubang telah dirujukkan oleh Kementerian Kesihatan untuk mendapat rawatan di luar negeri semenjak tahun 1977, yang mana 80 kes ini telah berjaya. Kementerian tidak mempunyai rekod-rekod mengenai pesakit-pesakit yang telah pergi ke luar negeri untuk mendapat rawatan dengan perbelanjaan persendirian.

(b) Sebagaimana yang saya telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada 21hb Mac tahun ini, Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan untuk menubuhkan sebuah pusat Cardio-Thoracic Kerajaan yang kedua. Tindakan sedang diambil untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan terhadap penubuhan pusat itu.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya oleh kerana perbelanjaan bagi rawatan ini adalah begitu tinggi di luar negeri, adakah perkhidmatan ini dapat diperolehi dengan percuma ataupun perbelanjaan yang lebih kurang dari apa yang dikehendaki di luar negeri?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita bandingkan perbelanjaan di Filipina misalnya adalah lebih kurang \$15,000 sekurang-kurangnya; di New Zealand ataupun Australia adalah \$20,000; di Amerika Syarikat \$30,000 seorang pesakit; dan di London \$20,000—\$40,000 seorang pesakit. Jikalau kita dapat rawatan di sini memanglah boleh kurangkan perbelanjaan.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan berkenaan dengan pesakit-pesakit jika berubat di luar negeri sekian banyak perbelanjaannya mengikut negeri masing-masing. Dengan cara yang sebegini ada sebahagian daripada pesakit-pesakit jantung ini yang lewat pergi berubat di luar negeri telah meninggal di negara tersebut dan ada sebahagian daripadanya pula bila balik beberapa hari meninggal di negara ini. Ini adalah kerana lewat menghantar pesakit-pesakit ini ke luar negeri oleh sebab mereka tidak ada kemampuan untuk mengeluarkan perbelanjaan yang begitu banyak di luar negeri.

Oleh itu, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang pada masa hadapan kes-kes besar seperti ini sebaik-baiknya hendaklah dihantar oleh Kerajaan dengan perbelanjaan Kerajaan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan ini adalah satu cadangan yang baik tetapi ada juga implikasi-implikasi yang lain oleh kerana jikalau Kerajaan menanggung perbelanjaan untuk menghantar pesakit-pesakit yang ada penyakit ber-

lubang jantung sahaja, ada juga lain-lain penyakit yang kadangkala memerlukan rawatan di luar negeri. Inilah satu implikasi yang besar walaupun cadangan ini sudahpun diteliti dan ada juga yayasan-yayasan swasta yang sanggup memberi bantuan kepada pesakit-pesakit ini.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Menteri Kesihatan adakah di negara kita ada facilities. Jikalau ada, tidakkah lebih baik kita jemput pakar-pakar melawat ke hospital kita dan membuat operation ke atas semua hole-in-the-heart cases yang boleh dikumpulkan sekali?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kemudahan-kemudahan di Universiti Hospital, Malaysia tetapi oleh kerana beban kerjanya sangat berat, kemudahan-kemudahan itu tidak mencukupi untuk memberi rawatan kepada semua pesakit yang menghendaki rawatan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa ada rancangan Kerajaan untuk menubuhkan sebuah pusat Cardio. Di sini saya suka bertanya bilakah agaknya pusat ini dapat disiapkan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ini satu ramalan sahaja tetapi jikalau dapat persetujuan Kerajaan, saya harap bahawa kita akan melaksanakan projek ini dalam Rancangan Malaysia Keempat, tertakluk kepada persetujuan Kerajaan.

KADAR FAEDAH PINJAMAN BANK

4. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat dua buah bank tempatan di negara ini telah menurunkan kadar faedah pinjaman dari 9 peratus kepada 8.75 peratus; adakah bank-bank asing di negara ini akan berbuat demikian. Jika tidak, mengapa?

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini tidak begitu jelas maksudnya. Seperti yang telah diumumkan di Dewan yang mulia ini pada 23hb Ogos, 1978, bahawa kadar faedah minima yang dikena-

kan ke atas pinjaman oleh bank-bank perdagangan dan juga kadar faedah maksima untuk deposit tidak lagi ditetapkan oleh Bank Negara dengan cara rundingan bersama dengan Ma lis Persatuan Bank-bank dalam Malaysia. Mulai pada tarikh tersebut tiap-tiap bank perdagangan bebas menentukan sendiri kadar faedah-faedah maksima untuk deposit dan kadar faedah minima yang dikenakan ke atas pinjaman.

Walau bagaimanapun, untuk tujuan membantu pihak-pihak yang tertentu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah menetapkan kadar faedah maksima pinjaman sebanyak 9% setahun bagi kumpulan-kumpulan seperti berikut:

- (1) Golongan bumiputra, bagi pinjaman yang tidak melebihi \$500,000 tiap-tiap satu.
- (2) Peminjam-peminjam kecil, sekiranya pinjaman itu tidak melebihi \$250,000 dan jumlah pelaburan tetap peminjam tidak melebihi \$500,000 tiap-tiap satu, dan
- (3) Orang perseorangan untuk membeli rumah, sekiranya harga tanah termasuk rumah tidak melebihi \$100,000.

Oleh itu, penurunan faedah pinjaman daripada 9% kepada 8.75% yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan ke atas pinjaman yang diberi untuk penusaha-pengusaha kecil iaitu golongan kedua yang saya sebutkan.

Kadar minima untuk pinjaman di negara ini sebanyak 7.5% adalah yang terendah di dunia sekiranya dibandingkan dengan kadar di Amerika Syarikat sebanyak 18.5%-19%, United Kingdom 18% dan di pasaran Eropah sebanyak 17.69%.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut peratus-peratus faedah daripada bank dalam negeri dan peratus-peratus daripada negara-negara lain daripada Malaysia.

Lebih kurang 2 minggu yang sudah, Gabenor Bank Negara ada menyatakan di Trengganu iaitu faedah yang dikenakan oleh Bank Bumiputra sebanyak 9% itu tidak patut: sepatutnya 7.5%. Oleh itu, saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak payah penjelasan. Penjelasan telah diberi oleh Gabenor Bank Negara sendiri. Salah benda ini—perkara ini tidak timbul.

KUARI DI BATU CAVES

5. Tuan Lee Kaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar Batu Caves ini sedang retak akibat kerja-kerja kuari yang dijalankan oleh kuari-kuari, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kementeriannya sedang ambil untuk menentukan Batu Caves itu tidak akan terjejas akibat aktiviti kerja-kerja kuari yang dijalankan itu dan sama ada Kerajaan akan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya membatalkan lesen yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat kuari berkenaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, ya, saya telah sedia maklum bahawa retak-retak telah dilaporkan berlaku di dalam gua gelap.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kuari-kuari tersebut dikenal-dalikan melalui lesen pajakan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor. Oleh yang demikian, hanya Kerajaan Negeri sahaja yang dapat mengambil tindakan yang sewajarnya, umpamanya menarik balik pajakan-pajakan yang tersebut itu, sesudah ianya dikaji dengan teliti terutama dari segi undang-undang.

Kementerian saya, melalui Bahagian Alam Sekitar, dari masa ke semasa terus mengawas keadaan ini bersama-sama Jabatan kajubumi dan Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, di samping badan-badan yang lain.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Menteri ada mengakui bahawa ada terdapat retak-retak di dalam gua gelap di Batu Caves, dan satu lagi beliau berkata bahawa soal pemberian lesen kuari di Batu Caves itu ialah hak Kerajaan Negeri Selangor.

Soalan saya adakah beliau bercadang hendak berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor setelah melihat keadaan retak-retak tersebut supaya ditimbang semula hak yang diberi kepada kontraktor untuk mengerjakan kuari di Batu Caves tersebut?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan sekarang sedang dalam kajian.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada benar bahawa salah satu daripada jabatan pihak Kerajaan sendiri yang telah menyumbang kepada retak-retak yang telah berlaku dalam gua gelap di Batu Caves ini adalah Jabatan Kerjaraya. Dan sekiranya benar, apakah pihak Kementerian beliau selama ini tidak sedar langsung tentang retak-retak yang berlaku di dalam gua-gua gelap?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tidak benar. Kami telah selama ini sedar ada retak-retak itu tetapi satu kajian yang menyeluruh baru dibuat oleh Jabatan Kajibumi dan berdasarkan daripada itu kita baru kemukakan kepada Kerajaan Negeri iaitu berapa pentingnya satu keputusan dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa bahagian gelap sahaja retak, yang terangnya tidak retak, Yang Berhormat? (*Ketawa*)

Tuan Lee Lam Thye: Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Kementerian beliau bercadang untuk mengisytiharkan kawasan Batu Caves sebagai satu kawasan larangan daripada semua aktiviti, misalnya kerja-kerja kuari demi kepentingan alam sekitar?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, kuasa itu tidaklah terletak kepada Kementerian saya.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri berkenaan mengatakan kuasa yang mengeluarkan lesen ialah Kerajaan Negeri Selangor. Jadi hanya Kerajaan Negeri Selangor sahaja yang boleh menarik balik lesen. Di sini saya kurang faham. Apa yang saya faham ialah Kerajaan Negeri Selangor boleh mengeluarkan lesen dan boleh menarik balik, tetapi apakah kuasa Kementerian ini sebagai Kementerian Alam Sekitar? Siapa lebih tinggi? Kalau misalnya Kementerian ini kata ada kecemasan alam, lesen tidak ditarik balik dan dia boleh terus, ataupun Kerajaan Negeri Selangor boleh kata

betul ada kecemasan alam tetapi lesen pada kami, sila, boleh jalan terus. Jadi macam mana perbezaan kuasa. Siapa lebih tinggi, siapa lebih berkuasa menahan?

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sedang dirundingkan dengan Kerajaan Negeri Selangor dan dalam pertimbangan Kerajaan Negeri. Jadi tidak payahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Sungguhpun perkara ini di bawah takluk Kerajaan Negeri tetapi oleh kerana di antara quarry operators ialah JKR dan JKR ialah satu jabatan Kerajaan Persekutuan, adakah Kerajaan Pusat membuat satu contoh bahawa untuk melindungi Batu Caves daripada kecemasan bahawa dengan sendiri dihentikan semua kegiatan-kegiatan kuari, atau adakah Kementerian Yang Berhormat membuat satu cadangan kepada Kabinet bahawa JKR sungguhpun bukan di bawah Kementerian Yang Berhormat Menteri dihentikan semua kegiatan-kegiatan kuari, lain daripada apa juga keputusan akan dibuat oleh Kerajaan Negeri?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita perhatikan soalan asalnya, soalnya bukan berkenaan dengan kecemasan tetapi berkenaan dengan retak-retak yang telah dilaporkan berlaku di gua gelap. Jadi soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata tentang akibat kerja kuari yang menyumbang kepada keretakan yang berlaku di gua gelap. Saya ingin mendapat satu jawapan tegas dalam soal ini, sama ada kuari-kuari JKR dengan kerja-kerjanya telah mengakibatkan retak di gua-gua gelap di Batu Caves? Sekiranya ada, bilakah ia didapati tahu dan, kedua, tadi Yang Berhormat sendiri ada berkata pihak kajibumi ada membuat kajian dan baru di laporkan kepada Kementerian bahawa ada retak. Saya ingin tahu tidakkah pihak Kementerian sedar bahawa perkara retak akibat kerja-kerja kuari ini bukan timbul pada bulan dahulu tetapi sudah bertahun-tahun dan retak tidak boleh berlaku dalam sejam, sehari atau dua hari, tentu bertahun-tahun oleh kerana gua-gua gelap di Batu Caves ini dikatakan berumur lebih 400 juta tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Bertanya, tanyalah jangan marah-marah kepada Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan daripada Jabatan Penyiasatan Kajibumi, kuari yang dijalankan oleh JKR tidak menimbulkan retak-retak itu. Retak-retak itu disebabkan oleh satu kuari yang lain.

BANDAR BARU JALAN BAGAN DATOH

6. Tuan Au How Cheong minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Negeri Perak untuk memajukan tanah 5,000 ekar luasnya di Batu 5 Jalan Bagan Datoh, Hilir Perak sebagai sebuah Bandar Baru.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tanah di Batu 5 Jalan Bagan Datoh itu yang dicadang untuk diambil balik oleh Kerajaan Negeri Perak hanyalah seluas 1,000 ekar dan bukannya 5,000 ekar sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pengumuman telah dibuat dalam *Warta* Kerajaan Negeri Perak mengenai pengambilan balik tanah itu dan tarikhnya telah luput pada bulan Disember, 1979 yang lalu. Cadangan pengambilan balik tanah tersebut adalah untuk menambah kawasan perbandaran baru Teluk Anson. Setakat ini Kerajaan Negeri belum lagi mengemukakan apa-apa permintaan bantuan kepada Kerajaan Pusat bagi membangunkan sebuah bandar baru di situ. Oleh itu Kerajaan Pusat belum lagi memberi apa-apa bantuan kepada projek yang dicadangkan itu.

KELAS BIMBINGAN

7. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada aktiviti yang dijalankan oleh beberapa Kementerian bercanggah di antara satu dengan lain, misalnya kelas bimbingan yang mana ada dianjurkan oleh KEMAS, PPPK, RISDA, Kementerian Kebajikan Am dan juga Lembaga Perpaduan Negara. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang menyelaraskan aktiviti-aktiviti seumpama ini di bawah satu Kementerian sahaja di masa akan datang.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada berlaku percanggahan di antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh beberapa Kementerian seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang berlaku ialah keadaan bertindih (duplication) di antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian itu. Walau bagaimanapun, sukacita saya nyatakan di sini bahawa di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan, misalnya kelas bimbingan yang dianjurkan oleh KEMAS, PPPK Risda, Kementerian Kebajikan Am dan juga Lembaga Perpaduan Negara, pada zahirnya memanglah sama tetapi tujuan dan matlamat tiap-tiap satu agensi yang menjalankan aktiviti tersebut adalah berlainan mengikut tugas dan tujuan agensi-agensi tersebut.

Kawasan-kawasan di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan adalah diselaraskan antara agensi-agensi tersebut dan penyertaan pun adalah berlainan mengikut tujuan agensi-agensi tertentu itu. Oleh yang demikian, Kerajaan tidaklah bercadang untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti serupa itu di bawah Kementerian tertentu di masa akan datang. Memadailah bagi Kerajaan untuk mengawasi agensi-agensi yang terlibat menjalankan kegiatan-kegiatan mereka tidak bertentangan dengan dasar-dasar Kerajaan atau tidak pula mengakibatkan kelambatan dan kelembapan projek-projek yang telah dirancang.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ada memberitahu bahawa tujuan-tujuan badan-badan yang menjalankan kelas-kelas ini adalah berlainan. Oleh kerana itu bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah tujuan-tujuan badan-badan ini di mana beliau boleh menunjukkan perbezaan tujuan itu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:

Tuan Yang di-Pertua, ini nampaknya memerlukan butir-butir yang terlalu panjang. Jadi saya minta notis.

KEMAJUAN BADAN-BADAN BERKANUN

8. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa Badan-badan Berkanun tidak berjalan dengan memuaskan oleh pegawai-pegawainya

dari segi pentadbiran, jika sedar tidakkah Kerajaan bercadang akan menggantikan pegawai-pegawai ini dengan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab seperti pensyarah-pensyarah Universiti untuk mengatasi masalah itu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ciri-ciri pentadbiran semakin lama semakin memerlukan kepakaran. Ini adalah ekoran daripada pergolakan dunia sains dan teknologi di mana pengetahuan dan kemodenan bertambah dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, pihak pengurusan bukan sahaja Badan-badan Berkanun tetapi juga di Jabatan-jabatan Kerajaan terpaksa menyediakan diri atau menambahkan pengetahuan mereka untuk menghadapi cabaran masa. Sistem pengurusan di peringkat agensi-agensinya ataupun di Kementerian boleh dipertingkatkan lagi mutunya dan dengan yang demikian di mana perlu, struktur sesuatu organisasi itu dikaji dan disusun semula selaras dengan matlamat agensi berkenaan.

Latihan adalah merupakan satu faktor yang penting di dalam usaha meningkatkan mutu seseorang pegawai itu. Oleh yang demikian, Kerajaan adalah sentiasa mengambil berat bagi mempertingkatkan keupayaan pegawai-pegawai di Badan-badan Berkanun dengan mengadakan berbagai latihan supaya prestasi yang lebih baik akan dapat dicapai.

Pada keseluruhannya Kerajaan adalah berpuas hati dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Badan-badan Berkanun kerana ianya telah memberi sumbangan yang amat besar terhadap pembangunan sosial ekonomi negara di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Sungguhpun begitu, saya percaya mungkin ada sebilangan kecil pegawai-pegawai di dalam Badan-badan Berkanun yang tidak menjalankan tugas dengan memuaskan. Kerajaan adalah mengambil tindakan tegas ke atas pegawai-pegawai tersebut setimpal dengan apa yang mereka lakukan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidaklah bercadang untuk membuat dasar bagi menggantikan pegawai-pegawai tersebut dengan pensyarah-pensyarah universiti.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tentang

usaha melatih pegawai-pegawai dan mengambil tindakan pegawai-pegawai yang tidak menjalankan tugas. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah beliau sedar bahawa adanya cara-cara berpindah dari satu agensi Kerajaan kepada agensi Kerajaan yang lain kerana pegawai-pegawai itu telah tidak menjalankan kerja dengan baik, tidak menjalankan tugasnya dengan sempurna dan kerana untuk mengelakkan perkara-perkara tersebut maka berpindahlah pegawai itu daripada satu badan agensi kepada agensi yang lain tanpa mendapat perhatian. Dan terjadilah perpindahan itu satu perpindahan yang kadang-kadang sesuka hati hingga menjadikan agensi-agensi Kerajaan tempat mereka berpindah-pindah.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, dasar kita untuk memindah pegawai daripada satu Jabatan ke satu Jabatan bukanlah berdasarkan kerana dia tidak baik. Dasar kita memindahkan pegawai Kerajaan daripada satu Jabatan ke satu jabatan adalah mengikut keperluan. Dan sebelum seseorang pegawai itu kita pindahkan daripada satu Jabatan ke satu Jabatan memanglah menjadi satu kebiasaan untuk mengkaji iaitu pegawai-pegawai itu benar-benar bersesuaian ataupun kena pada tempatnya dipindah dari satu Jabatan ke satu Jabatan dengan tidak mendatangkan apa-apa kesan yang buruk kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap apa yang telah berlaku. Dan soalan saya ialah adakah beliau sedar bahawa terdapat pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk mentadbir agensi-agensi itu memegang banyak ataupun beberapa tugas sebagai Pengerusi ataupun Director. Jadi, apakah tindakan untuk menentukan supaya pegawai itu jangan diberi sangat banyak tugas seperti yang telah dilakukan supaya mereka akan dapat menumpukan perhatian kepada tugas-tugas yang tertentu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahkan tugas-tugas yang lebih banyak kepada seseorang pegawai, tetapi ada tempat-tempat tertentu di mana tugas ataupun kepakaran seseorang

pegawai itu diperlukan untuk menjalankan tugas-tugas yang tertentu. Di dalam hal ini mereka telah berunding dengan pegawai berkenaan maka pegawai berkenaan bolehlah mengendalikan satu atau dua tugas selain daripada tugas yang ada pada dirinya.

Dalam hal ini yang menjadi perhatian Kerajaan ialah apabila Kerajaan memberi lebih satu tugas kepada pegawai itu, Kerajaan juga akan memastikan bahawa tugas yang ada pada pegawai itu pada dasarnya tidak akan menjadi lemah. Saya rasa dalam hal ini tidaklah perlu ditimbangkan kerana Kerajaan memang sentiasa mengambil kira apabila memberi tugasnya kepada seseorang itu, lebih-lebih lagi seorang pegawai yang memang sudah ada tugas yang sedia, kita mesti juga mengambil perhatian tugas yang baru itu tidak akan melerahkan tugas yang asal tadi.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu banyak pegawai-pegawai di agensi-agensi Kerajaan diberi tambahan dan tugas dan tanggungjawab di dalam Jabatan-jabatan atau tempat mereka bekerja. Soalan saya ialah sama ada apabila pegawai ini ditambah tanggungjawab dan tugas, adakah gajinya itu ditambah juga.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, bukannya terlalu banyak hanya saya katakan tadi memang ada kerana memandangkan kepada negara kita ini yang membangun begitu pesat dan kekurangan pakar masih terasa di dalam bidang-bidang tertentu maka seorang pegawai itu terpaksa kadang-kadang kita menggunakannya untuk dua atau tiga tugas. Apabila seseorang pegawai itu diberi tugas yang lebih tentulah dia itu diberi bayaran yang lebih dan ini mengikutlah kepada keadaan dan peraturan-peraturan di dalam perkhidmatan awam.

Tuan Lee Lam Thye: Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada menjadi dasar Kerajaan untuk melantik lebih ramai pakar-pakar dari pihak swasta untuk berkhidmat dalam Badan-badan Berkanun supaya mereka dapat menyumbangkan buah fikiran mereka yang begitu mahir di dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kerajaan sebagaimana Kerajaan sendiri tidak mempunyai pakar dan pihak swasta boleh membekalkan pakar itu maka Kerajaan juga akan bekerjasama untuk mendapatkan kepakaran dari pihak swasta.

ISTERI ASING WARGANEGARA MALAYSIA—TARAF PENDUDUK TETAP

9. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar arahan baru Jabatan Imigresen bahawa selepas Mac 6, perempuan-perempuan asing yang bernikah dengan rakyat Malaysia dan memohon untuk taraf penduduk tetap mestilah tinggal bersama dengan suami mereka untuk tempoh lima tahun secara terus-menerus bukan sahaja bertentangan dengan Jadual kepada Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963 tetapi ianya juga telah menjadikan lebih sukar untuk seorang isteri asing seorang rakyat Malaysia untuk menikmati taraf penduduk tetap dari menikmati taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15 Perlembagaan yang membenarkan beliau memohon untuk mendapatkan kewarganegaraan jika sekiranya di antara syarat-syarat lain beliau menetap di Malaysia selama dua tahun; dan sama ada Kementerianya akan membuat satu penjelasan untuk menghapuskan kekeliruan umum yang telah timbul atas perkara tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang telah diumumkan berkaitan dengan permit masuk (entry permit) bagi isteri-isteri asing kepada warganegara itu adalah syarat sebagai dasar dan tidaklah bertentangan dengan Jadual kepada Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963.

Tujuan utama pihak Kerajaan mengadakan peraturan tersebut adalah bagi memastikan bahawa sesungguhnya perkahwinan itu adalah benar-benar tulin dan bukan kahwin olok-olok atau kahwin sendiwara (marriage of convenience) untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan daripada negara kita. Sebelum sesuatu permohonan itu mendapatkan taraf Penduduk Tetap (Status of Permanent Resident) selepas dia mendapat

Entry Permit bukan Visit Pass, sebelum itu boleh ditimbang adalah menjadi syarat bahawa perkahwinan itu telah berlangsung sekurang-kurangnya selama 5 tahun. Perlulah saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa pemberian Taraf Penduduk Tetap bukanlah satu hak—Entry Permit itu bukan satu hak tetapi adalah sebagai satu keistimewaan.

Kelayakan menjadi warganegara di bawah Perkara 15 (1) di dalam Perlembagaan kita pula, itu adalah perkara lain—perkara asing daripada kelayakan untuk mendapat taraf Entry Permit atau Penduduk Tetap. Di antara syarat-syarat untuk menjadi warganegara di bawah Perkara 15 (1) adalah bahawa seseorang itu berniat untuk tinggal tetap di negara ini dan ini perlulah dibuktikan. Ini bermakna tempoh 2 tahun bagi seseorang isteri asing untuk menjadi warganegara di bawah Perkara 15 (1) bolehlah dipertimbangkan setelah mendapat Taraf Penduduk Tetap. Saya tidak bersetuju bahawa arahan tersebut telah mengelirukan orang ramai, yang mengelirukan ialah pihak yang tertentu yang tidak bersetuju bahawa negara kita dipelihara daripada gejala-gejala yang membawa kesulitan kepada pembentukan satu watak kewarganegaraan Malaysia (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah jelas dan setakat ini mengikut reaksinya sukacita saya mengatakan di dalam Dewan ini bahawa orang ramai khususnya kaum wanita dan dara-dara telah menerima dengan baik kerana mereka semua yakin bahawa pasaran dan bahan setempat adalah sangat baik mutunya dan lelaki tidak payah merayau mencari-cari di tempat-tempat lain (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya mengenai tuduhan-tuduhan dan motif yang tidak berasas. Soalan tambahan saya ialah bukannya Yang Berhormat sedar dengan interpretation tadi yang diberi bahawa seseorang yang akan memohon mendapatkan taraf permanent residence mesti dia berkahwin dengan seorang rakyat Malaysia selama 5 tahun dan lepas itu baharulah Perkara 15 timbul untuk memohon mendapat warganegara, selain daripada syarat-syarat lain ada menetap di Malaysia selama 2 tahun, ertinya ialah seorang mesti dalam golongan ini mesti ada 7 tahun sebelum boleh menggunakan Perkara 15 dalam Perlembagaan.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa interpretation ini sebenarnya satu cubaan untuk menukar Perlembagaan dengan melalui kuasa pentadbiran dan bukan melalui pindaan di dalam Parlimen. Bukankah Yang Berhormat sedar dalam Perlembagaan ada satu peruntukan bahawa seorang yang mendapat kewarganegaraan di bawah peruntukan ini ada menetap di Malaysia dan selepas itu sudah bercerai—berpisah lagi dan tidak kahwin lagi kewarganegaraannya boleh dilucutkan dan itu dengan jelas menunjukkan ada satu peruntukan untuk menjaga terhadap marriage of convenience.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas bahawa kekeliruannya iaitu kekeliruan bukan daripada pihak Kerajaan tetapi daripada mereka yang cuba meinterpretasikan Perlembagaan kita. Perlembagaan kita adalah terang dan nyata, iaitu seorang itu kalau dia hendak meminta menjadi warganegara sebagai seorang isteri daripada seorang warganegara dia dikehendaki mendapat permanent residence sekurang-kurangnya 2 tahun sesudah dia membuktikan bahawa niatnya hendak duduk tetap di negara ini. Ini bermakna seseorang itu sesudah dia kahwin dengan orang Malaysia dia terpaksa masuk dahulu ke negara Malaysia dan untuk masuk ke negara Malaysia ini dia terpaksa meminta Entry Permit.

Pengumuman Kerajaan itu mengatakan kita tidak akan memberi dia Entry Permit ini bukan hak, bukan ada di dalam Constitution. Kerajaan hanya mengatakan masalah di atas Visit Pass supaya dapat kami memerhatikan kamu dalam tempoh 5 tahun ini, sesudah itu baharu diberi Entry Permit. Bila diberi Entry Permit baharulah dia berhak 2 tahun kemudian daripada dia mengikut Undang-undang meminta menjadi warganegara atas alasan bahawa dia itu isteri warganegara.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang menghadapi masalah ini sebenarnya pada hemat saya sengaja mencari masalah, bak kata pepatah Melayu, “tidak ada beban batu digalas”. Sebab saya terdengar ada iklan-iklan dalam suratkhbar di India terutamanya di Madras iklan seperti, “A Malaysian doctor looking for a bride”—ini dalam suratkhbar di Madras.

Tuan Yang di-Pertua: Ada suratkhbar itu di hadapan Yang Berhormat?

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tidak ada tetapi perkara ini saya dengar dan ada kemungkinannya benar, jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada benar ataupun tidak. Kadangkala ada juga iklan yang mengatakan, "A Malaysian politician looking for a bride". Ini selalu keluar (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Politician, tidak semestinya Ahli Yang Berhormat semua di sini (*Ketawa*).

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Malaysian politician boleh jadi Wakil Rakyat Negeri ataupun Parlimen. Soalan yang kedua (Disampuk)—UMNO.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Bukan UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah. Apa soalan tambahannya?

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Soal yang keduanya, kalau Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan yang menghadapi masalah mohon kerakyatan ini ataupun Taraf Penduduk Tetap berapa peratuskah orang yang berasal daripada India dan berapa peratus pula yang berasal daripada Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: Soal bahagian yang pertama tadi kalau bertanya sama ada benar atau tidak benar saya tak boleh lepaskan, itu bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 23 (1) (i) sebagaimana saya sebutkan tadi tetapi kalau bertanya sama ada sedar atau tidak sedar, itu boleh saya lepaskan. Cara bertanya itu boleh lulus jadi tak lulus, tak lulus jadi lulus. Dan bahagian yang kedua tadi itu bermakna berkehendak notis barangkali oleh Yang Berhormat Menteri melainkan Yang Berhormat ada angka-angka itu. Sila.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar berkenaan soalan yang pertama tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sedar yang tertulis dalam suratkhbar itu? (*Ketawa*)

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Berkenaan bahagian yang kedua tadi terima kasih juga kerana mengizinkan saya menjawab walaupun tak ada angka pada saya tetapi teringat kepada saya yang ramai dalam permohonan ini datangnya daripada Singapura kalau dibandingkan daripada India.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa untuk 23 tahun selepas merdeka tahun 1957 sampai sekarang tahun 1980 interpretation mengenai fasal-fasal Article 15 dan Prohibition of Entry Order berbeza daripada dasar sekarang yang baru dan bukannya ini bererti satu pindaan kepada Perlembagaan melalui pintu belakang (back door) dan adakah Yang Berhormat Menteri akan memberi satu jawapan yang jelas kenapa untuk tempoh 23 tahun satu interpretation yang lain dan sekarang lagi satu interpretation yang berbeza melalui kuasa pentadbiran sahaja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perbezaan berkenaan dengan interpretation langsung. Kita sekarang melaksanakan satu dasar untuk menjaga kepentingan negara.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua selepas 23 tahun merdeka baru ingat mahu jaga negara kita (*Ketawa*). Ada lain-lain perkara mahu jaga negara kita tetapi ini satu soal yang bukan baru—lama. Arahan Kerajaan yang diikuti oleh Pegawai-pegawai Imigresen dahulu, biasanya kalau seseorang bernikah di luar negeri dia boleh bawa isterinya ke sini. Mengikut Perlembagaan kita selepas 2 tahun duduk di sini dia boleh minta menjadi warganegara. Itu bukan satu privilege, itu by right. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini sama ada ini right atau privilege. Saya sendiri tidak bersetuju ini satu privilege sebab bila kita menuntut kemerdekaan dengan Britain ini bukan satu soal yang boleh dikatakan privilege, it is a right.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soal itu sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sebelum Yang Berhormat sampai. Bila saya bercakap—duduk! Sebelum sampai ke sini beliau sudah terangkan yang entry permit itu satu keutamaan (privilege). Bahagian kedua itu sudah diterangkannya itu

entitled kalau dalam Perlembagaan ini, sudah dijelaskan tadi oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi hendak apa lagi?

Tuan V. David: Saya minta Yang Berhormat Menteri beri keterangan macam-mana mahu selesaikan perkara ini. Ada juga tersiar hari-hari dalam suratkhbar Bar Council mengambil tindakan. Bolehkah beri keterangan macammana Kerajaan bercadang mahu selesaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu boleh!

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, pengumuman yang dibuat itulah cara kita menyelesaikan. Kalau hendak kira kita menyekat kepada mereka yang sudah berkahwin itu Kerajaan boleh buat, tidak ada siapa boleh menggoyangkan Kerajaan kalau Kerajaan menahan orang-orang yang sudah kahwin dahulu itu tidak boleh bawa isteri masuk ke dalam negara ini. Oleh kerana hendak menyelesaikan perkara inilah maka pengumuman itu dibuat, diizinkan mereka itu diberi visit pass dahulu, bermakna dia boleh masuk dan bersama-sama dengan suaminya duduk di sini 5 tahun, kemudian baru dipertimbangkan untuk diberi entry permit supaya dalam tempoh 2 tahun lagi dia boleh meminta pula kedudukannya sebagai warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, Saya fikir sudah cukup jelas kepada orang hendak penjelasan. Ada lagi soalan tambahan? Ini yang akhir.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah taraf penduduk tetap kepada isteri-isteri warganegara asing yang akan membolehkan mereka dipertimbangkan menjadi warganegara selama 5 tahun bermastautin adalah merupakan penggalak kepada warganegara kita berkahwin dengan warganegara asing dan apakah langkah Kerajaan supaya tidak bertambahnya warganegara kita ini dan bercadang hanya memberi taraf penduduk tetap sahaja kepada mereka itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diumumkan oleh Kerajaan itu ialah hanya untuk menyelesaikan perkara itu iaitu perkara yang sudah dan tidak bermakna ini akan mendorong bilangan yang lain untuk menjalinkan perkahwinan, sebab pengumu-

man itu juga menyatakan daripada masa sekarang tidak diizinkan langsung melainkan Kerajaan akan menimbangkan sekiranya dapat dia membuktikan bahawa dia sudah berkahwin 5 tahun dan bersekedudukan di luar negeri, barulah Kerajaan timbangkan. Jadi ini tidaklah mengatakan bahawa ini adalah satu pengumuman untuk menggalakkan perkahwinan di luar.

ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN KE LUAR NEGERI

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah misi galakan pelaburan yang diketuai oleh beliau sejak beliau mengambilalih Kementerian berkenaan dan bagaimana misi-misi ini telah membawakan faedah kepada Malaysia dalam bentuk pelaburan sebenar oleh pelabur-pelabur luar negeri.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa semenjak Yang Amat Berhormat Menteri memulakan tugas sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam tahun 1978 sehingga hari ini beliau telahpun mengetuai 8 rombongan pelaburan keluar negeri iaitu sebanyak 3 rombongan dalam tahun 1978, 4 rombongan di dalam tahun 1979 dan 1 sampai masa sekarang, dalam tahun 1980.

Maklumat-maklumat lanjut mengenai rombongan-rombongan tersebut ialah seperti berikut:

Tahun 1978 rombongan galakan pelaburan ke Eropah (ke Bandar Birmingham, Paris, Frankfurt dan Copenhagen).

Rombongan galakan pelaburan ke Amerika Syarikat (ke Bandar Los Angeles, Houston, New York, Chicago dan Seattle).

Rombongan galakan pelaburan ke Jepun (ke Bandar Tokyo dan Osaka).

Pada tahun 1979 satu rombongan galakan pelaburan ke Eropah (ke Bandar Milan, Manchester dan Munich).

Rombongan galakan pelaburan ke Hongkong.

Rombongan galakan pelaburan ke Singapura.

Rombongan galakan pelaburan ke Eropah (ke Bandar Amsterdam, Zurich dan Stockholm).

Pada tahun 1980 rombongan galakan pelaburan ke Eropah;

- (i) untuk menyertai seminar pelaburan bersempena dengan Simposium Davos di Switzerland;
- (ii) majlis dialog dengan Kesatuan Pengeluar-pengeluar Jam di Switzerland; dan
- (iii) seminar pelaburan di Brussels, Belgium.

Saya suka memaklumkan bahawa rombongan galakan pelaburan yang telah Yang Amat Berhormat Menteri ketuai dari tahun 1978 hingga 1979 itu telah berjaya menarik sebanyak 107 projek baru yang telah diluluskan sehingga 31hb Disember, 1979. Jumlah modal yang dilaburkan bagi 107 projek yang diluluskan ini adalah lebih kurang \$624.4 juta.

Berkenaan dengan rombongan ke Eropah baru-baru pada awal tahun ini saya harap Ahli Yang Berhormat faham bahawa para pelabur asing akan mengambil masa sekurang-kurangnya 6 bulan bagi membuat keputusan sama ada untuk melaburkan modal mereka di satu-satu negeri. Oleh itu adalah masih awal untuk diberi sebarang gambaran mengenai hasil dari rombongan tersebut.

UJIAN MEMANDU

11. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk mengkaji semula cara-cara ujian memandu di negara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk mengkaji semua sistem ujian memandu 3 peringkat yang dijalankan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 12.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

BAYARAN KEPADA AHLI-AHLI PARLIMEN

12. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang memudahkan proses undang-undang untuk membolehkan pembayaran dibuat kepada Ahli-ahli Parlimen diubahsuai mengikut keadaan dengan mengemukakan undang-undang bagi kelulusan Dewan ini di mana Kabinet dalam sidanganya boleh menentukan perubahan-perubahan demikian tanpa memerlukan ianya diluluskan oleh Dewan ini seperti yang diamalkan sekarang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa proses undang-undang dan amalan pembayaran kepada Ahli-ahli Parlimen sebagaimana yang diamalkan sekarang adalah sentiasa berjalan dengan teratur dan memuaskan, maka Kerajaan tidak bercadang untuk membuat apa-apa perubahan kepada undang-undang dan amalan itu seperti mana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PEKERJA MENOREH GETAH

13. Tuan Alias bin Mohd. Ali bertanya Menteri Perusahaan Utama kiranya beliau sedar bahawa walaupun harga getah sekarang tinggi banyak kebun-kebun kecil kepunyaan pekebun-pekebun kecil di luar bandar tidak ditoreh oleh kerana belia-belia enggan menjadi penoreh getah. Kiranya sedar, apakah langkah-langkah yang diambil bagi memodenkan teknik pengeluaran susu getah. Apakah jenis-jenis kajian yang dibuat setakat ini dan bilakah kajian-kajian boleh digunakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa walaupun dalam keadaan harga getah yang tinggi, tetapi didapati adalah sukar untuk mendapatkan pekerja-pekerja bagi menoreh getah pekebun-pekebun kecil yang menyebabkan beberapa banyak kebun-kebun kecil tidak ditoreh. Kekurangan tenaga buruh terutamanya di kalangan belia-belia bukan sahaja dihadapi oleh sektor perusahaan getah tetapi juga dalam sektor pertanian keseluruhannya.

Dalam sektor perusahaan getah langkah-langkah sedang diambil bagi menyelesaikan masalah ini, terutama dari segi mengurangkan pengguna tenaga buruh. Dalam hal ini Instituti Penyelidikan Getah Malaysia (IPGM) telah melibatkan diri dalam bidang penyelidikan bagi memodenkan kaedah-kaedah pengeluaran susu getah. Berbagai-bagai kaedah yang menjimatkan tenaga buruh, seperti pendekatan sistem-sistem menoreh (tapping systems approach) dan torehan mikro (micro-tapping) atau torehan cucuk (puncture tapping) sedang diselidiki untuk diluaskan perlaksanaannya. Setakat ini sistem menggunakan penggalak susu dan mengurangkan kekerapan torehan sedang diamalkan berluasa di estet-estet. Langkah-langkah yang sedang diambil untuk menggalak dan meluaskan hasil-hasil kajian ini di kalangan sektor pekebun-pekebun kecil.

Mengenai kaedah torehan mikro, keadaan ini akan membolehkan lebih banyak pokok-pokok ditoreh dengan tidak memerlukan pekerja-pekerja yang mahir. Walaupun kaedah torehan ini sedang diamalkan secara kecil-kecilan beberapa buah estet, sistem ini belum diakui untuk digunakan di kebun-kebun kecil kerana ada beberapa masalah yang masih perlu diatasi bagi menjamin supaya tidak ada kesan yang buruk berlaku dalam perlaksanaannya. Dengan itu Instituti Penyelidikan Getah Malaysia akan terus membuat pemerhatian dan dijangka mengambil masa lebih kurang dua tahun lagi sebelum membuat perakuan atau syor muktamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menggesa Instituti Penyelidikan Getah Malaysia supaya memberi keutamaan penyelidikan ke arah penggunaan kaedah dan alat-alat ini berserta lain-lain langkah dalam teknologi menjimatkan tenaga buruh. Teknologi ini, apabila digunakan kelak akan memberi munafaat dari segi menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan pekerja-pekerja yang terlibat dalam perusahaan getah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Chow Poh Kheng.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 14.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

PENDATANG HARAM VIETNAM

14. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada semua pendatang-pendatang haram yang berada di Malaysia dapat dipindahkan pada bulan Julai, 1980 ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan baki pendatang haram daripada Vietnam yang masih di negara ini ialah lebihkurang berjumlah 23,000 orang, tetapi pada satu dua bulan ini angka yang mengurangkan bilangan itu adalah sebanyak lebihkurang 2,000 pada tiap-tiap sebulan. Angka ini kadang-kadang tinggi, kadang-kadang turun, tidaklah dapat saya menyatakan dengan tepat di sini bahawa akan selesailah perkara ini pada bulan Julai, 1980. Walaupun begitu, perkara ini adalah sangat menggalakkan kerana bilangan ini beransur-ansur kurang dan melibatkan keadaan pemindahan saya berasa yakin insya Allah perkara ini boleh diselesaikan. Kehendak saya kalau boleh perkara ini selesainya semalam lagi, tetapi ini bergantung-pula kepada negara-negara yang sanggup menerima mereka.

Kalau saya diizinkan mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1979 kita dapat mengeluarkan 67,690 orang, tahun ini sahaja kita sudah mengeluarkan 13,660 orang, yang tinggal sekarang seperti saya katakan tadi adalah lebihkurang 23,000. Insya Allah, berdoa, berilah segala restu saya mencuba sedaya upaya untuk menghabiskan pendatang haram ini daripada negara ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan khasnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah berusaha memindahkan pendatang-pendatang haram ini ke negara yang ketiga dan setakat ini langkah itu sangat berjaya. Pertanyaan saya ialah dalam sehari dua ini datang lagi pendatang-pendatang haram itu dari Vietnam mendarat di pantai Trengganu. Adakah kawalan-kawalan ketat yang kita

jalankan dalam tahun 1979 itu sekarang ini dilonggarkan maka membolehkan datang lagi pendatang-pendatang haram itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kawalan itu tidak dilonggarkan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah atas usaha-usaha Kementerian dan Yang Berhormat Menteri tadi memindahkan orang-orang ini ke negeri ketiga. Tetapi saya dapat tahu dan saya risau sedikit oleh kerana khabarnya bila beberapa pusat yang terdapat di beberapa negeri akan ditutup dan mereka yang ada di situ akan dipindahkan ke pulau di negeri saya, negeri Trengganu. Jadi, nampaknya negeri Trengganu terpaksa memikul masalah ini lebih panjang daripada negeri-negeri lain. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri mengapa semuanya hendak dipindahkan ke Trengganu dan tidak ditaburkan (scatter) di beberapa negeri seperti yang ada sekarang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah di dalam rancangan bahawa kita akan menaburkan mereka di tiap-tiap negeri kerana ini akan membuat kesulitan kepada kita kerana begitu banyak tempat yang kita mesti awasi dan juga beban yang kita mesti pikul. Tetapi adalah dasar kita pada masa itu, pada mulanya penyakit ini datang kita memulaukan mereka. Walaupun demikian, kita tidak dapat banyak pulau, hanya yang kita dapat dua pulau iaitu Pulau Bidong dan Pulau Tengah di Johor dan saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Trengganu dan Kerajaan Negeri Johor dan selain daripada pulau itu adalah juga khemah-khemah kita yang di Kelantan, juga di Pahang dan sama juga saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pahang dan Kerajaan Kelantan. Oleh kerana kita hendak memulaukan mereka ini maka terpaksa saya memikirkan hal yang ada ini iaitu pendatang-pendatang haram yang di tanah besar kita ini oleh kerana bilangannya sudah begitu lama surut dan bersurutan, alangkah eloknya

kalau kita bawa, kita pulaukan pula ke Pulau Bidong dan ke Pulau Tengah. Inilah maksudnya, bukanlah untuk hendak memberi beban kepada Kerajaan Trengganu atau Kerajaan Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 37 adalah diberi di bawah ini.)

PENANAM PADI—KERUGIAN SELEPAS MENUAI

15. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan anggaran kerugian tahunan selepas menuai padi di dalam Negeri Kedah ialah di lingkungan seratus juta ringgit (\$100 juta) hingga (\$200 juta), apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengurangkan kerugian-kerugian selepas menuai itu supaya dapat diperolehi pendapatan penanam-penanam padi.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Kementerian Pertanian memang sedar akan masalah kehilangan bijian selepas menuai yang dihadapi oleh negara ini. Kementerian Pertanian telah dan sedang mengambil beberapa langkah dalam usaha mengatasi masalah tersebut, antaranya ialah:

- (i) memperkenalkan sistem penanaman padi secara berperingkat-peringkat yang bertujuan menjimatkan penggunaan air di samping mengatasi masalah kekurangan tenaga manusia selepas menuai. Mengikut angkanya dianggarkan pembaziran musim menuai ialah kira-kira 12% seekar akibat dari kekurangan tenaga pekerja;
- (ii) menggalakkan penggunaan jentera penuai. Dari kajian yang telah dibuat, jentera penuai ini berupaya mengurangkan kehilangan padi selepas menuai dari 10% dengan cara tradisi kepada 3% sahaja;
- (iii) Kementerian Pertanian juga sedang menjalankan rancangan pemuliharaan kilang-kilang padi yang dikendalikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang. Dalam rancangan ini sebanyak 125 buah kilang padi akan dipulihkan termasuk 10 buah di Negeri Kedah.

Rancangan ini adalah bertujuan untuk meninggikan daya kecekapan dan mutu bagi kilang-kilang padi yang sedia ada. Dengan secara langsung kehilangan padi selepas menuai di peringkat memproses ini sedikit sebanyak dapat dikurangkan melalui rancangan ini;

- (iv) Di dalam rancangan Muda II yang dilaksanakan oleh pihak MADA, satu sistem pengembangan yang lebih berkesan akan dijalankan. Melalui sistem latihan dan lawatan ini ringkasnya sistem 2L, segala teknologi baru akan disebarikan. Petani-petani akan diberi kesedaran tentang peri mustahak di atas kehilangan padi selepas menuai ini. Kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan ladang untuk membolehkan petani-petani mengangkat hasil-hasil mereka dengan cepat dan selamat akan disediakan;
- (v) Kementerian Pertanian juga sedang menambahkan lagi pembinaan tempat-tempat menjemur (drying yards). Adalah difikirkan dengan pembinaan kemudahan itu ianya akan dapat mengurangkan berlakunya masalah padi bercambah atau menjadi masam. Selain dari itu Kementerian Pertanian juga akan memperkenalkan petani-petani kepada penggunaan "Flat bed dryers" iaitu satu alat untuk mengeringkan padi;
- (vi) di peringkat penyimpanan, satu kajian diadakan untuk menggunakan alat bagi mengelakkan tikus dari memasuki gudang-gudang beras;
- (vii) beberapa bengkel dan kursus masalah kehilangan padi selepas menuai telah juga diadakan oleh Kerajaan dengan kerjasama badan-badan luar. Adalah diharapkan dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil itu, masalah kerugian selepas menuai ini akan dapat diatasi dan secara tidak langsung pula akan menambahkan pendapatan petani-petani.

MINYAK TANAH/GAS/DISEL— KEKURANGAN

16. Datuk Haji Ashkar Hasbollah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah kekurangan minyak tanah, gas dan

disel di Sabah sekarang ini yang telah menyebabkan banyak kesukaran kepada rakyat tempatan.

Dato Lew Sip Hon: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah hampir sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam yang telahpun dijawabkan pada 18hb Mac, 1980 di Dewan ini. Oleh demikian, saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambahkan.

JALAN/PARIT DI KAMPUNG BARU PANDAMARAN

17. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar akan keadaan buruk jalan-jalan dan parit-parit di Kampung Baru Pandamaran dan apakah rancangan-rancangan beliau untuk memperbaiki keadaan rumah penghuni-penghuni di Kampung Baru ini.

Dato Dr Neo Yee Pan: Kementerian saya sedar akan keadaan buruk jalan-jalan dan parit-parit di Kampung Baru Pandamaran. Untuk makluman Yang Berhormat tindakan sertamerta telahpun diambil oleh Kementerian saya di mana baru-baru ini satu Waran Peruntukan sejumlah \$100,000 telahpun dihantar kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah perparitan di Kampung Baru Pandamaran.

Sebagai rancangan jangka panjang satu kajian mendalam oleh Kerajaan mengenai sistem perparitan akan dijalankan di kawasan Kelang dan Pelabuhan Kelang (termasuk Kg. Baru Pandamaran). Sekiranya perakuan-perakuan kajian ini diluluskan oleh Kerajaan, satu peruntukan untuk melaksanakan projek perparitan ini akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai keadaan rumah penghuni-penghuni di Kampung-kampung Baru sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya ada satu Skim Pinjaman Perumahan (SPP) untuk golongan berpendapatan rendah. Tujuan skim ini adalah untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah membina rumah khususnya bagi mereka yang mempunyai tanah sendiri. Skim ini adalah dibahagikan kepada empat jenis yang mana Sekim B adalah khas untuk penduduk-penduduk Kampung Baru.

Jelaslah dengan adanya skim-skim Pinjaman Perumahan ini Kerajaan sedang berusaha sedaya upaya mencari jalan menyelesaikan masalah perumahan bagi semua lapisan masyarakat di negara kita.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA— JUMLAH PERUNTUKAN

18. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berapakah lagi peruntukan di bawah Rancangan Kementerian ini yang masih belum dibelanja di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan apakah halangan-halangan besar yang menyebabkan projek-projek itu tergendala dan cara-cara Kerajaan mengatasinya.

Dato S. Samy Vellu: Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan sebanyak \$2,414,374,644 diluluskan di bawah Kementerian ini untuk pelaksanaan program-program pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam seperti jalan raya, bekalan air, bangunan-bangunan dan perumahan kerajaan. Di bawah kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan tambahan sebanyak \$558,201,425 diluluskan. Ini menjadikan jumlah peruntukan yang dipinda di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$2,972,576,069. Sehingga akhir tahun 1979 kira-kira \$1,768 juta telah dibelanjakan, atau 60% daripada peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah dijangkakan bahawa hingga akhir tahun 1980 kira-kira \$2,553 juta akan dapat dibelanjakan, atau 85% daripada peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga. Ini bermakna sejumlah lebih kurang \$420 juta tidak dapat dibelanjakan.

Pada keseluruhannya masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan adalah seperti berikut:

(i) *Kekurangan tenaga pekerja yang mahir*

Masalah kekurangan tenaga pekerja yang mahir ini berterusan dan dialami di peringkat professional dan separa-professional.

Tindakan telah diambil untuk mewujudkan jawatan-jawatan tambahan dan mengisikan kekosongan jawatan-jawatan yang ada bagi memenuhi keperluan guna tenaga yang dikehendaki.

Sungguhpun demikian, soal mendapatkan pegawai-pegawai mahir masih akan menjadi masalah buat beberapa tahun akan datang. Secara jangka panjang usaha untuk mengatasi masalah ini akan dijalankan menerusi sekolah latihan J.K.R. yang sedang dirancangkan.

(ii) *Masalah tanah*

Masalah ini menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Proses pengambilan balik tanah biasanya memakan masa yang panjang. Masalah ini bertambah buruk sekiranya terdapat setinggan-setinggan menduduki tanah-tanah tersebut.

Soal pengambilan balik tanah ini telah diberi perhatian besar dan diawasi oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan dengan kerjasama dari pihak-pihak berkuasa yang lain banyak masalah-masalah tanah telah diselesaikan.

(iii) *Kekurangan bahan-bahan binaan*

Kekurangan bahan-bahan binaan ini merupakan masalah yang besar dihadapi dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan khususnya yang terletak di kawasan-kawasan yang terpencil dan jauh dari pusat pembekalannya. Antara bahan-bahan binaan yang terlibat ialah seperti besi waja, simen, bitumin, minyak disel dan lain-lain.

Kerajaan telah mengambil perhatian berat atas masalah ini dan usaha-usaha diambil untuk mengatasinya.

(iv) *Keupayaan pembinaan yang terhad*

Dengan bertambahnya projek-projek pembangunan, terutamanya selepas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, perusahaan pembinaan menghadapi keadaan yang tegang disebabkan harga-harga tidak tetap. Ini dapat dilihat dari sambutan yang dingin oleh kontraktor-kontraktor untuk menender dan juga kelambatan dalam menyiapkan projek-projek. Lain-lain masalah yang dihadapi oleh

pemborong-pemborong ialah kekurangan tenaga mahir dan terutamanya mengenai pemborong-pemborong bumiputra masalah aliran kewangan (cash flow).

Langkah-langkah tertentu diambil oleh Kerajaan untuk membantu kontraktor-kontraktor menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

PEJABAT RIMV NEGERI KEDAH

19. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pejabat RIMV Negeri Kedah terlalu kecil serta sempit yang menyebabkan kesesakan begitu ramai sekali setiap hari, dan jika sedar, apakah tindakan Kementerian bagi mengurangkan kesesakan atau kesebakan itu.

Dato Lee San Choon: Saya sedar. Sebenarnya pembinaan pejabat tersebut telah mula dirancang dalam Rancangan Malaysia Kedua, tetapi disebabkan beberapa masalah yang dihadapi terutamanya soal mendapatkan tanah, maka ianya telah tergendala hampir 5 tahun. Dalam pada itu pula oleh sebab pembinaan bangunan itu dimulakan dalam lewat tempoh Rancangan Malaysia Kedua dan hanya siap dalam pertengahan tempoh Malaysia Ketiga, maka tidak terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kesesakan berlaku. Faktor yang nyata sekali ialah perkembangan kakitangan yang telah bertambah. Memang tidak dinafikan kesesakan berlaku kerana bangunan itu dirancang untuk menampung keperluan 5 tahun sahaja.

Walau bagaimanapun, bagi mengatasi keadaan tersebut, Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya telahpun diluluskan peruntukan di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga untuk memperbesarkan bangunan yang sedia ada dan menambah kawasannya. Tanah tambahan seluas lebihkurang 3.2 ekar berhadapan dengan pejabat itu akan diambil untuk menjadikan kawasan itu kepada 6 ekar.

SANDAKAN JIT POH/MERDEKA DAILY NEWS—PENAPISAN BERITA

20. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah

benar Sandakan Jit Poh dan Merdeka Daily News telah dikehendaki menyerahkan kepada Polis di Sandakan untuk penapisan laporan-laporan berita dan rencana-rencana mengenai perkara-perkara semasa di Sabah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak benar.

PERGOLAKAN DI KAMPUCHEA MENGENAI PELABURAN ASING

21. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada pergolakan Kampuchea mempunyai akibat buruk kepada suasana pelaburan Malaysia dan juga nyatakan jumlah pelaburan asing yang dilaburkan dalam Malaysia bagi tempoh enam bulan yang lalu.

Dato Lew Sip Hon: Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa isu Kemboja telah menarik perhatian dunia. Oleh itu, adalah satu perkara yang biasa sekiranya satu-satu perkara besar berlaku di dalam arena politik di rantau ini ianya akan menimbulkan keresahan kepada para pelabur, terutamanya kepada mereka yang tidak berapa mengetahui akan keadaan sebenar di rantau ini. Selain dari itu, membesar-besarkan isu Kemboja yang dilakukan oleh media asing juga telah menimbulkan rasa kerisauan di dalam fikiran para pelabur asing yang mencari peluang-peluang pelaburan di rantau Asia Tenggara.

Di dalam hal ini ingin saya menyatakan bahawa perkara ini telahpun dikemukakan semasa rombongan-rombongan galakan pelaburan ke luar negeri di masa yang lepas. Ini telah memberi kita peluang menerangkan kepada pelabur-pelabur asing akan keadaan sebenar dan meyakinkan mereka bahawa tidak ada perkara yang perlu ditakutkan kerana kita adalah sedar akan keadaan yang berlaku dan semuanya adalah terkawal.

Dalam tempoh 6 bulan dari September 1979 hingga Februari 1980, jumlah modal

asing yang dibayar (called-up capital) yang dilaburkan di dalam projek yang diluluskan adalah lebih kurang \$332.9 juta.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (T), SIMPANG AMPAT

22. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa SRJK (T), Simpang Ampat, Sitiawan tidak mempunyai bilik darjah yang sesuai bagi murid-murid dan nyatakan beberapa banyak sekolah di dalam negeri yang sekarang telah dijalankan sama dengan sekolah yang telah dirujuk dan langkah-langkah beliau ingin ambil untuk memberi bilik darjah yang lengkap bagi murid-murid di sekolah begini.

Dato' Musa bin Hitam: Dalam menjawab soalan Yang Berhormat ini, suka saya menjelaskan bahawa mengikut rekod-rekod di Kementerian saya tidak ada sekolah seperti yang disebutkan itu. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat ada sebuah sekolah bernama SRJK (T) Maha Ganesa Viddyalai, di Jalan Tok Perdana, Sitiawan yang mungkin merupakan sekolah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Sekolah tersebut adalah sebuah sekolah bantuan penuh (bukan milik Kerajaan) dan memohon Kementerian saya untuk mendapatkan bantuan modal bagi projek-projek tambahan. Kementerian saya telahpun meluluskan pemberian sebanyak \$8,500 dalam tahun 1976 dan tambahan sebanyak \$6,000 tahun 1977 untuk membina dua buah bilik darjah tambahan, sebuah kantin dan sebuah tandas. Setakat ini pihak sekolah belum lagi dapat melaksanakan projek itu kerana ia masih lagi menunggu kelulusan pelan bangunan dari pihak yang berkenaan.

Sebenarnya bilangan sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bilik darjah yang sempurna telah berkurangan dengan adanya program Kementerian mengganti serta menambah bilangan bilik darjah di sekolah-sekolah yang sedemikian. Untuk makluman Yang Berhormat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sahaja Kementerian saya menjalankan 2,132 projek di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Daripada jumlah itu 639 adalah projek tambahan yang melibatkan 4,092 buah bilik darjah manakala 59% projek lagi adalah projek tambahan bagi 2,823 buah bilik darjah.

SUBSIDI HARGA PADI KEPADA PESAWAH

23. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab-sebab mengapa subsidi kepada petani-petani diberi dalam bentuk kupon, padahal telah diketahui bahawa sistem tersebut membawa kesulitan kepada mereka.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Subsidi harga padi kepada pesawah-pesawah diberi melalui kupon untuk:

- (i) memastikan bahawa subsidi itu benar-benar sampai kepada pesawah-pesawah dengan sepenuhnya;
- (ii) mencegah penyelewengan ke atas pelaksanaan sistem tersebut kerana kupon-kupon itu tidak boleh diurusniakan atau ditukar milik.
- (iii) meluaskan peluang kepada pesawah-pesawah untuk memperolehi subsidi melalui kupon sungguhpun mereka menjual padi mereka di tempat-tempat yang telah dibuka sebagai Pusat Belian oleh L.P.N. dan bukan kepada kilang-kilang L.P.N.

Kesulitan kepada pesawah-pesawah mungkin berlaku semasa sistem itu mula-mula dilaksanakan dulu tetapi ini telahpun dapat diatasi setelah pesawah-pesawah faham dengan sistem tersebut dan mereka diberi pilihan untuk menukar kupon-kupon itu dengan wang tunai.

SKIM JAMINAN MARA—BAYARAN BALIK

24. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa MARA terpaksa memikul beban sebanyak \$65 juta disebabkan peminjam-peminjam yang dijamin oleh MARA enggan membayar hutang-hutang mereka di bank-bank swasta yang dipinjam oleh mereka, dan jika ya bolehkah pihak MARA mengumumkan nama-nama peminjam tersebut seperti yang dilakukan terhadap peminjam-peminjam Bank Rakyat dan nyatakan tindakan yang sedang atau akan diambil oleh MARA terhadap mereka itu.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Skim Jaminan MARA ini dimulakan pada bulan

April, 1972 dan diberhentikan pada bulan Mac, 1975. Dalam tempoh tersebut sebanyak 482 jaminan bernilai \$57.0 juta telah dikeluarkan oleh MARA.

Daripada jaminan tersebut \$32 juta telah diselesaikan dengan sendiri atau diambilalih oleh Bank. \$1 juta masih berjalan dan terkawal. Jaminan yang gagal yang mana telah tamat tempoh dan belum dijelas oleh peminjam hanya berjumlah \$24 juta.

Bagi mendapatkan balik wang yang telah dibayar kepada bank-bank bagi menunaikan tanggungjawab sebagai penjamin ini, MARA telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (a) Tindakan mahkamah yang bermula daripada "civil suit" dan seterusnya terhadap peminjam-peminjam, penjamin-penjamin dan pencagar-pencagar melalui 15 firma guaman yang dilantik.
- (b) Tindakan ke atas tanah-tanah cagaran, yang nilainya melebihi baki jaminan yang dituntut, melalui Pegawai-pegawai MARA Negeri.
- (c) Tindakan bankrup sekiranya usaha-usaha lain boleh kehabisan.

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN NG STRAS—BAHASA PENGANTAR

25. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menambah kelas-kelas bahasa pengantar China di Sekolah Rendah Kebangsaan Ng Stras, Binatang atau menubuhkan sebuah Sekolah Rendah dengan Bahasa Pengantar China di sana kerana penduduk-penduduk di kawasan tersebut telah memohonnya semenjak tahun 1974.

Dato' Musa bin Hitam: Sekolah Rendah Kebangsaan Kerajaan Ng Stras, Binatang ialah sebuah sekolah aliran Inggeris dan Bahasa Malaysia di mana murid-murid Darjah 1 hingga Darjah 4 adalah mengikuti pelajaran dalam Bahasa Malaysia. Murid-murid Darjah 5 dan 6 masih belajar dalam perantaraan Bahasa Inggeris.

Berhampiran dengan Sekolah Rendah Kebangsaan Ng Stras ada sebuah Sekolah Rendah Bantuan aliran Bahasa China dengan 303 murid. Tiga batu sekitar kawasan ini ada lagi 2 buah sekolah aliran Bahasa China.

Murid-murid yang ingin belajar dalam aliran Bahasa China boleh ditempatkan di salah satu dari 3 buah sekolah tersebut. Oleh itu, tidak timbul perkara hendak menambahkan bilangan kelas aliran Bahasa China di Sekolah Rendah Kebangsaan Ng Stras. Untuk mengadakan kelas aliran Bahasa China di Sekolah Rendah Kebangsaan Ng Stras juga tidak perlu oleh sebab ada sekolah-sekolah aliran Bahasa China yang berdekatan.

ROMBONGAN PELABURAN MENTERI PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI

26. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa sejak beliau memegang portfolio ini, berapa kalikah rombongan pelaburan telah diadakan; berapa buah negarakah yang telah dilawati; berapa buah negara asing yang telah menanam modalnya di Malaysia kerana hasil daripada rombongan pelaburan tersebut, dan nyatakan kapital yang dilaburkan, bilangan kilang/projek telah diadakan dan berapakah perbelanjaan telah ditelan daripada siri rombongan pelaburan tersebut.

Dato Lew Sip Hon: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah hampir sama dengan apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuala Lumpur yang telahpun dijawab pada hari ini iaitu 27-3-1980. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi mengadakan siri rombongan itu adalah \$1,058,983.

DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

27. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Menteri ingin mengeluarkan satu perintah kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen jangan menghantarkan anak-anak mereka ke luar negeri untuk pendidikan tetapi menghantarkan mereka ke sekolah-sekolah dan universiti-universiti tempatan supaya mereka benar-benar puas hati dengan sistem pelajaran dan polisi Kerajaan. Jika tidak meng-apa.

Dato' Musa bin Hitam: Maksud soalan ini tidak boleh dilihat sebagai sebahagian yang padu dari sistem pelajaran dan dasar Kerajaan, tetapi sebaliknya soalan ini perlu ditinjau sebagai suatu yang berasingan kerana

pada asasnya ia melibatkan unsur-unsur peribadi. Tegasnya soalan ini tidak ada kena mengena langsung dengan sistem pelajaran atau dasar Kerajaan.

Setiap dasar Kerajaan walau dalam apa bidang sekalipun adalah berpandukan kepada prinsip-prinsip demokrasi. Kita hanya mampu menyediakan suatu dasar yang berupa garis panduan agar kepentingan-kepentingan negara sentiasa terjamin dan tidak terjejas. Tetapi soal membuat pilihan ke atas suatu yang terkandung dalam rangka bidang yang ditetapkan itu adalah soal individu dan sebagai Kerajaan yang bercorak demokrasi, kita tidak bercadang untuk campurtangan apatah lagi cuba menghalang kebebasan memilih seseorang.

Samalah juga dalam sistem pelajaran kita, Kerajaan hanya boleh menyediakan satu dasar yang lengkap dan dibekalkan dengan segala kemudahan, tetapi jika masih ada ibu bapa atau sesiapa sahaja yang mampu dan memilih hendak menghantar anak-anak mereka belajar ke seberang laut, maka Kerajaan tidaklah bercadang hendak menyekatnya. Tambahan pula sekarang ini bilangan orang yang berkemampuan sudah bertambah ramai. Sebaliknya adalah menguntungkan pula bagi pihak Kerajaan kerana dengan adanya rakyat Malaysia yang pergi belajar ke luar negeri akan membantu mengurangkan kadar kemasukan ke sekolah-sekolah khasnya ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan dengan ini bolehlah mewujudkan lebih banyak tempat dan kemudahan belajar bagi mereka yang tidak mampu keluar negeri.

Pemergian ke luar negeri juga adalah selaras dengan ethika mencari ilmu pengetahuan yang sememangnya bersifat sarwajagat, iaitu dengan berbuat demikian mereka dapat meluaskan horison pendidikan mereka kerana mungkin apa yang tidak ada dalam sistem kita dapat diperolehi di luar negeri.

Kursus-kursus yang "highly specialised" yang tidak terdapat di negara kita itu mungkin sudah lama tertubuh di negara-negara lain dan telah mencapai taraf "sophistication" yang tinggi untuk mengadakan kursus-kursus seumpama ini di negara kita tentulah memerlukan perbelanjaan yang sangat besar dan kepakaran yang mungkin kita sendiri tidak dapat menyediakannya pada masa ini. Dengan yang demikian difikirkan

adalah menasabah serta lebih menguntungkan jika untuk keperluan tersebut kita hanya pergi menuntut di negara-negara berkenaan.

BUTA HURUF BAGI PELAJAR-PELAJAR

28. Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Menteri sedar mengenai berita-berita yang tersiar mengenai pelajar-pelajar lulusan tingkatan rendah tetapi masih buta huruf. Bolehkah diberi bilangan cara kasar mengikut Negeri. Apakah sebab utama tragedi ini boleh berlaku sedangkan nilai ekonomi guru-guru telah banyak dilaksanakan, rancangan kesihatan dan pemakanan telah dibuat. Apakah tindakan lanjut untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Musa bin Hitam: Kadar peratus murid-murid yang termasuk dalam golongan ini adalah lebih kurang 10%.

Di antara sebab-sebab berlakunya keadaan ini ialah seperti berikut:

- (a) Kadar peratus ketidakhadiran sekolah yang tinggi—ini mungkin disebabkan sakit, ponteng sekolah, menolong ibubapa dengan kerja-kerja sambilan di rumah serta sebab-sebab soalan ekonomi yang lain.
- (b) Kekurangan motivasi dan minat di kalangan murid-murid itu sendiri.
- (c) Kekurangan galakan untuk belajar di rumah termasuk masalah dan kesulitan yang dihadapi di rumah.
- (d) Kesihatan yang kurang baik dan ini menyebabkan murid-murid tidak boleh belajar dengan sempurna.
- (e) Terencat akal atas jasmani.

Kementerian saya telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengatasi serta mengurangkan bilangan kes-kes seperti ini. Langkah-langkah ini termasuk mengadakan guru-guru pemulihan untuk menolong dan membantu murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran dan mengadakan Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan. Walau bagaimanapun, proses ini akan mengambil masa yang panjang. Perlu juga ditugaskan bahawa memang sentiasa terdapat sebilangan kecil murid-murid di mana pencapaian akademik mereka adalah di bawah peringkat normal disebabkan

kan oleh kecacatan jasmani dan mental. Keadaan ini terdapat juga di mana-mana kumpulan kependudukan (population group).

LAPORAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN

29. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Rancangan jangka pendek dan panjang Kementerian beliau di dalam persediaannya memulakan sistem pensijilan terbuka seperti yang terkandung di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Dato' Musa bin Hitam: Sebuah Jawatankuasa petugas telah ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengkaji semua aspek Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Perlaksanaan Dasar Pelajaran dan ini termasuklah syor tentang sistem pensijilan terbuka dalam peperiksaan, implikasi-implikasinya serta jadual masa yang sesuai untuk pelaksanaan.

KAEDAH TERUS MEMBACA DI SEKOLAH-SEKOLAH

30. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kaedah "Terus Membaca" yang telah dicuba di beberapa buah sekolah rendah untuk membantu mengatasi masalah kanak-kanak yang tidak lancar membaca telah dijalankan. Jika sudah, adakah beliau bercadang untuk melaksanakan sepenuhnya di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Jika tidak, mengapa.

Dato' Musa bin Hitam: Pada masa ini Kementerian saya sedang mencuba kaedah Terus Membaca di beberapa buah sekolah untuk diteliti kesesuaian dan kesan penggunaannya di dalam berbagai situasi bilik darjah. Jika didapati kaedah ini sesuai untuk digunakan dalam pengajaran di sekolah-sekolah dan dapat membantu mengatasi masalah kanak-kanak yang tidak lancar membaca, Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

PEMBANTU HOSPITAL—KENAIKAN PANGKAT

31. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang kenaikan pangkat 35 orang pembantu-pembantu hospital ke superscale B dari Mei 1977 hingga sekarang dan dari 35 orang itu, 29 ialah bumiputra dan 6 orang sahaja yang bukan bumiputra. Jika ya, apakah asas dan tatacara yang digunakan untuk mengaji kes-kes naik pangkat; dan
- (b) sama ada beliau sedar dalam 'promotion exercise' ini, pegawai-pegawai baru dinaik pangkat dan pegawai-pegawai yang telah lama berkhidmat telah dinafikan kesempatan ini; jika ya, adakah beliau bersetuju kenaikan pangkat adalah berdasarkan atas warna kulit dan bukan atas kebolehan seseorang pegawai.

Tan Sri Chong Hon Nyan:

- (a) Saya sedar tentang kenaikan pangkat Pembantu-pembantu Hospital Tingkatan Khas ke Tingkatan Tertinggi 'B' seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Tetapi angka-angka yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tidaklah betul. Sebenarnya 36 orang pegawai telah dinaikkan pangkat ke Tingkatan Tertinggi B dan di antaranya ialah 26 orang pegawai bumiputra dan 10 orang pegawai bukan bumiputra. Seperti biasa kenaikan pangkat ini adalah berasaskan kepada kebolehan pegawai. Untuk tujuan ini, kebolehan seseorang pegawai itu akan ditentukan mengikut:

- (i) kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugas; dan
- (ii) sifat-sifat peribadi termasuk keuletahan, kelulusan-kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi.

Kekananan dalam perkhidmatan akan hanya diambil kira apabila dua atau lebih pegawai itu didapati mempunyai kebolehan yang sama.

- (b) Saya sedar bahawa ada pegawai-pegawai baru yang telah dinaikkan

pangkat dan yang telah lama berkhidmat tidak dinaikkan pangkat. Ini menunjukkan bahawa kenaikan pangkat itu adalah berdasarkan kepada kebolehan seperti yang saya telah jelaskan tadi. Kedudukan ini meliputi semua pegawai yang terlibat, yakni, ada pegawai bumiputra dan bukan bumiputra yang baru yang telah dinaikkan pangkat dan ada pegawai bumiputra dan bukan bumiputra yang lama berkhidmat yang gagal dinaikkan pangkat. Saya tidak bersetuju dan menafikan tuduhan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa kenaikan pangkat adalah berdasarkan atas warna kulit dan bukan atas kebolehan seseorang pegawai. Tuduhan ini adalah mengelirukan dan merbahaya.

BAYARAN SOCSO KEPADA PEKERJA

32. Tuan P. Patto minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bayaran SOCSO bagi seseorang pekerja bujang yang meninggal dunia adalah sangat rendah misalnya, dalam kes Encik Loo Yoong, 20 tahun, beralamat di 42, Jeram N/V, Kuala Dipang, Perak, yang meninggal dunia pada 3-3-78 (Rujukan Fail: IP. SOCSO 456/78 Acc. 824) bapanya dibayar dengan kadar 77.04 sen sehari dan faedah kebumian sebanyak \$100 sahaja, jika ya, adakah pihak Kementerian beliau bercadang menyemak semula bayaran yang dibuat di bawah rancangan SOCSO dengan tujuan meninggikan kadar bayaran yang boleh dikatakan lumayan kepada tanggungan-tanggungan mereka.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Adalah tidak benar bahawa di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, bayaran yang dibuat kepada seorang pekerja bujang adalah terlalu rendah. Di dalam sesuatu kemalangan, tidak ada perbezaan faedah di antara pekerja bujang dan pekerja yang telah berkahwin. Kedua-duanya adalah berhak mendapat faedah yang telah berbeza hanya dari segi jenis kecederaan yang menimpa dan gaji yang diterima.

Apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu faedah orang-orang tanggungan, iaitu faedah-faedah yang dibayar kepada saudara-mara seseorang pekerja

yang mengalami kemalangan maut. Di dalam hal ini saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya, bahawa tujuan utama mana-mana Skim Keselamatan Sosial adalah untuk melindungi pekerja-pekerja itu sendiri, tanpa mengira sama ada beliau berkahwin atau tidak. Di dalam kes kemalangan maut, tanggungjawab utama skim ini ialah terhadap keluarganya yang paling rapat sekali, iaitu balunya, anak-anaknya atau ibunya. Di bawah Akta ini saudara-mara seperti ini, adalah dipanggil orang-orang tanggungan utama. Saudaramara yang lain, iaitu bapa, abang, kakak, dan adalah dikelaskan sebagai orang-orang tanggungan kedua, dan yang demikian sudah tentulah hak-hak mereka untuk mendapat faedah tidak dapat diberi pertimbangan yang sama seperti ahli-ahli dari kumpulan yang utama. Di bawah Akta ini saudara-mara yang sedemikian adalah layak mendapat separuh dari kadar yang dibayar kepada orang-orang tanggungan utama.

Di dalam kes mendiang Encik Low Yoong (yang bekerja di sebuah Lombong di Kampar sebagai 'Pump Attendant' yang jatuh dan mati lemas di dalam Lombong), pada masa kemalangan itu berlaku beliau hanya dibayar gaji sebanyak \$130. Oleh kerana asas untuk mengira kadar faedah adalah bergantung kepada pendapatan yang diterima, maka yang demikian, kadar faedah yang dibayar sudah tentulah rendah. Kedua-dua faktor menyebabkan bayaran faedah yang rendah itu sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu hanya sebanyak 77.04 sen sehari.

Akan tetapi Ahli Yang Berhormat itu hanya memberikan sebahagian sahaja dari cerita yang sebenarnya. Beliau tidak menyatakan misalnya, bahawa PERKESO juga membayar lain-lain ahli keluarganya iaitu dua adik laki-laknya dan seorang adik perempuannya. Jumlah bayaran kepada keluarga tersebut hampir-hampir dua kali ganda jumlah yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu (iaitu \$1,284).

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada tahun lepas Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dipinda dan diluluskan oleh Parlimen. Di bawah pindaan itu, antara lain, faedah pengkebumian sebanyak \$100 telah dinaikkan kepada \$500. Kementerian saya akan terus mengkaji semula sama kadar bayaran yang dibuat di bawah PERKESO

dari semasa ke semasa, dan jika keadaan mengizinkan, kenaikan seterusnya akan diperbuat.

PENEROKA KESEDAR

33. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapakah keluasan tanah yang terlibat dalam usaha awal Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan berapa ramai peneroka yang telah dipilih menyertai rancangan tanah yang tersebut. Nyatakan syarat-syarat dan cara pemilihan peneroka-peneroka.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusuf: Keluasan tanah yang terlibat dalam usaha-ucaha awal Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR ialah 15,000 ekar pada tahun 1979. Seluas lebih kurang 20,000 ekar lagi sedang dirancang untuk dibuka pada tahun 1980.

Jumlah peneroka yang telah dipilih menyertai Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR ialah 1,350 orang. Manakala jumlah yang telah dipanggil masuk ialah 1,043 orang.

3. (i) Syarat-syarat Pemilihan Peneroka

Peneroka-peneroka mestilah:

- (a) Berumur di antara 18 hingga 45 tahun
- (b) Mempunyai tanah luar bandar tidak melebihi dua ekar ataupun satu lot tanah bandar yang digunakan khusus untuk tempat tinggal atau kedua-dua jenis tanah yang tersebut (Seksyen 19 (1) dan (2) Akta Penempatan Beramai-ramai Tanah No. 13 Tahun 1969).
- (c) Mempunyai kelakuan yang baik.

3. (ii) Cara-cara Pemilihan Peneroka

- (a) KESEDAR membuat satu pengu-uman menjemput permohonan dari orangramai yang mempunyai syarat-syarat yang ditetapkan.
- (b) Pemohon-pemohon dikehendaki memohon dengan menggunakan borang-borang permohonan rasmi KESEDAR. Borang-borang yang diisi oleh pemohon adalah dikehendaki dikemukakan kepada KESEDAR dalam tempoh yang ditetapkan.

(c) Pemohon-pemohon ditemuduga oleh satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh—

- (1) YB Dato' Haji Hussein bin Ahmad, Timbalan Menteri Besar, Kelantan selaku Pengerusi.
- (2) YB Tuan Haji Mohammad bin Haji Ali, Ahli Parlimen Kawasan Nilarn Puri, selaku Timbalan Pengerusi KESEDAR.
- (3) YB Encik Abdul Samad bin Haji Osman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Jeli, wakil Kerajaan Negeri.
- (4) YB Encik Mustapha bin Yaakub, Ahli Dewan Negeri Kawasan Gual Ipoh, Wakil Kerajaan Negeri.
- (5) Encik Ariffin bin Said, Pengerus Besar KESEDAR selaku Setiausaha.

LAPORAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN

34. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah masanya beliau bercadang untuk melaksanakan syor-syor yang dikemukakan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran.

Dato' Musa bin Hitam: Perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berjumlah sebanyak 173 kesemuanya itu adalah merangkumi aspek-aspek pelajaran yang sangat luas. Selain daripada itu pelaksanaan perakuan-perakuan tersebut tentulah tidak terkecuali daripada wujudnya berbagai implikasi terutamanya implikasi kewangan.

Dalam Laporan itu sendiri, iaitu pada para terakhir halaman 228 telah dinyatakan dengan sejelas-jelasnya bahawa '... ada di antara perakuan-perakuan ini yang memerlukan tindakan sertamerta. Ada pula yang mudah dilaksanakan dan ada yang lainnya memerlukan perhatian yang lebih rapi dan teliti'.

Dari kenyataan di atas ini adalah jelas kepada kita bahawa usaha pelaksanaan

perakuan-perakuan tersebut akan berlaku secara jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang. Sukacita saya sebutkan di sini sudah ada beberapa perakuan yang telahpun dilaksanakan dan di antaranya yang boleh dipetik sebagai contoh ialah seperti penubuhan Instituti Latihan Kakitangan Pendidikan Negara, penyemakan semula kurikulum dan pendidikan Moral dan Ethika.

Di samping itu tidak kurang pula bahawa sebahagian besar daripada perakuan Laporan ini telahpun dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-4. Kemasukan ini mungkin dilakukan menerusi projek-projek lanjutan dari Rancangan Malaysia Ke-3 ataupun dilaksanakan sebagai program dan projek pelajaran yang sama sekali baru.

Bagi maksud pengkajian pelaksanaan, sebuah Jawatankuasa Pelaksanaan di peringkat Kementerian Pelajaran telahpun ditubuhkan bagi mengkaji dasar, kaedah dan jangka masa pelaksanaan. Jawatankuasa ini juga telah mengarahkan tiap-tiap Bahagian di bawah Kementerian Pelajaran agar memilih perakuan-perakuan yang berkenaan serta menentukan keutamaan masing-masing.

BANTUAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR DI UNITED KINGDOM

35. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesusahan teruk yang dialami oleh pelajar-pelajar kita yang sungguh dahsyat di United Kingdom. Memandang kepada hakikat ini, adakah Kerajaan bercadang mengiktirafkan lebih lagi ijazah-ijazah dari negara-negara lain serta menubuhkan lebih banyak lagi universiti-universiti dan kolej di negara ini.

Dato' Musa bin Hitam: Untuk makluman Yang Berhormat, penjelasan berhubung dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesusahan teruk yang dialami oleh pelajar-pelajar kita di United Kingdom telahpun saya terangkan semasa menjawab soalan yang sama dari Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 20-3-1980 iaitu dengan menubuhkan satu tabung di bawah Kumpulan Wang Kemudahan dan Kebajikan Pelajar-pelajar di United Kingdom dan Eire.

Persoalan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengiktiraf lebih banyak lagi ijazah-ijazah dari luar negeri adalah bergantung

kepada keperluan perkhidmatan Kerajaan. Ini adalah kerana pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan ke atas ijazah-ijazah luar negeri adalah bertujuan untuk perlantikan ke dalam perkhidmatan Kerajaan sahaja. Untuk tujuan ini, Kerajaan telahpun mempunyai sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan, yang bertanggungjawab untuk mengkaji, memberi pertimbangan serta membuat keputusan mengenai penilaian serta pengiktirafan kelayakan. Melalui Jawatankuasa tersebut ini, secara langsung atau tidak langsung ada menambahkan pengiktirafan ijazah-ijazah dari luar negeri.

Memandangkan universiti-universiti yang sedia ada masih dalam peringkat perkembangan dan pembangunan, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan lebih banyak universiti dan kolej pada ketika ini.

KENDERAAN BAS MARA—JUMLAH KEMALANGAN

36. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah kenderaan bas MARA yang terlibat dengan berbagai jenis kemalangan jalanraya semenjak memulakan operasinya dan jumlah kerugian yang ditanggung akibat dari kemalangan ini. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kejadian ini berlaku di masa-masa akan datang.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Bas-bas kenderaan MARA telah mengalami 256 kemalangan semuanya dari tahun 1975 hingga 1979. Kemalangan-kemalangan ini tidaklah disebabkan oleh pemandu-pemandu dan keadaan bas MARA semata-mata.

Jumlah kerugian yang tepat dari kemalangan itu tidak dapat ditentukan kerana data-data perakaunan yang ada tidak membuat pengasingan data yang lengkap untuk tiap-tiap kemalangan tersebut dan ini memerlukan masa yang panjang untuk menentukannya.

Untuk mengurangkan kemalangan langkah-langkah berikut telah diambil:

- (a) Menjalankan pemilihan pemandu dengan lebih teliti.
- (b) Memberi latihan yang cukup sebelum pemandu menjalankan tugasnya dan juga mengadakan kursus dari semasa ke

semasa berkenaan dengan cara-cara memandu dengan cermat lagi selamat.

- (c) Membuat pemeriksaan yang teliti ke atas bas-bas sebelum perjalanan dimulakan.
- (d) Mengambil tindakan tatatertib yang lebih tegas terhadap pemandu-pemandu yang cuai dan lalai.

PAKAIAN SERAGAM JURURAWAT

37. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian-nya bercadang untuk mengubah bentuk pakaian seragam Jururawat Islam di Negara ini sesuai dengan kehendak Islam dan iklim tempatan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakaian seragam bagi semua kategori kejururawatan di bawah Kementerian Kesihatan telahpun diubah daripada rupabentuk gaun kepada rupabentuk gaun labuh dan "pantsuit". Pertukaran ini adalah berkuatkuasa mulai 24hb November, 1978 bagi Ketua Jururawat dan Jururawat Terlatih, manakala bagi lain-lain kategori kejururawatan iaitu Penolong Jururawat, Jururawat Desa dan Bidan, tarikh kuatkuasanya ialah 22hb November, 1979.

Dalam menentukan rupabentuk baru ini, faktor-faktor iklim, kesesuaiannya dari segi ugama Islam, kemudahan bergerak dan suasana kerja telah dipertimbangkan. Dengan itu pakaian ini adalah dianggap sesuai bagi Jururawat Islam.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG FILEM WAYANG GAMBAR (PENAPISAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan), 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

- (1) Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1980
- (2) Rang Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1980
- (3) Rang Undang-undang Akta Pencegah Rasuah (Pindaan) 1980
- (4) Rang Undang-undang Dadah Merbahaya (Pindaan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini ada empat Usul atas nama Ahli Yang Berhormat dari Jelutong di bawah Peraturan Mesyuarat 49 dan saya telah kumpulkan keempat-empat itu pada satu hari ini, kerana saya dapati walaupun Aktanya adalah berlainan dan undang-undangnya berlainan di antara tempat itu, tetapi maksudnya satu sahaja. Dengan sebab itu saya buat keempat-empat daripada seorang Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Tuan Karpal Singh pada satu hari. Ini belum ada lagi di dalam sejarah Parlimen ini iaitu Usul mengemukakan Rang Undang-undang daripada Ahli yang bukan Kerajaan itu dijalankan empat-empat pada satu hari.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, bukan 4 usul tetapi 5 usul yang ada terkandung dalam agenda ini, Dua di bawah . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu dikira betul, tetapi usulnya satu.

Tuan Karpal Singh: 4 serupa, satu tidak serupa, ada dua di bawah Ordinan Dadah Berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menceritakan sahaja. Apabila saya bercakap tolong duduk. Tidak dengar kerana pembesar suara itu level duduk, kalau berdiri, tidak dengar. Itu satu daripadanya. Saya menceritakan sahaja berkenaan usul yang satu itu ada mengandungi dua, tetapi satu daripada dua itu ialah berkenaan dengan tandatangan, itu juga. Jadi

dengan sebab itu saya lepaskan keempat-empat itu pada satu hari. Walau bagaimanapun, saya akan putuskan satu demi satu.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya bangun memohon izin Dewan yang mulia ini di bawah Perintah 49 (1) di bawah Perintah Tetap untuk mengemukakan Rang Undang-undang yang bertajuk seperti berikut:

- (1) *Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1980*, yang bertujuan meminda Akta Rahsia Rasmi, 1972 dengan memasukkan pindaan yang berikut kepada seksyen 21:

“Untuk menghendaki semua kenyataan-kenyataan yang direkodkan di bawah seksyen 21 ditandatangani oleh orang-orang yang memberikannya.”

- (2) *Rang Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1980*, yang bertujuan meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dengan memasukkan pindaan yang berikut kepada seksyen 75:

“Untuk menghendaki semua kenyataan yang direkodkan di bawah seksyen 75 ditandatangani oleh orang-orang yang memberikannya.”

Tuan Yang di-Pertua: Maaf—Ahli Yang Berhormat, satu usul sahaja dahulu, saya akan kemukakan satu lepas satu usul.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang saya beri semua serupa oleh kerana itu bolehkah saya ucapkan semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau itu saya benarkan, tetapi saya akan kemukakan satu demi satu untuk diputuskan. Baiklah, saya benarkan.

Tuan Karpal Singh:

- (3) *Rang Undang-undang Pencegah Rasuah (Pindaan) 1980* yang bertujuan meminda memasukkan pindaan yang berikut kepada seksyen 15:

“Semua kenyataan-kenyataan yang diberikan kepada pegawai-pegawai polis di bawah seksyen 15 hendaklah

ditandatangani oleh orang-orang yang memberikannya.”

- (4) *Rang Undang-undang Dadah Merbahaya (Pindaan) 1980*, yang bertujuan meminda Ordinan Dadah Merbahaya 1952 dengan memasukkan pindaan yang berikut kepada seksyen 37A:

“Untuk menghendaki semua kenyataan-kenyataan yang direkodkan di bawah seksyen 37A ditandatangani oleh orang-orang yang memberikannya.”

- (5) *Rang Undang-undang Dadah Merbahaya (Pindaan) 1980*, yang bertujuan meminda Ordinan Dadah Merbahaya, 1952 dengan memasukkan pindaan kepada seksyen 41B:

“Untuk memberikan Mahkamah budibicara untuk membenarkan jamin dalam kes-kes tertentu.”

Tuan Speaker, Mahkamah Persekutuan pada 26hb Februari, 1980 di Kuala Lumpur di dalam kes (1) Abdul Ghani bin Jusoh (2) Minah bte. Ariffin v. Pendakwaraya sewaktu membenarkan rayuan kedua-dua mereka tersebut yang telah didapati salah kerana “manslaughter” yang mengakibatkan kematian suami Minah, Ngai Mohamed, 61 tahun, seorang jaga dengan sebulat suara memutuskan bahawa sesuatu kenyataan yang dibuat oleh seseorang itu di bawah Seksyen 112(5) Kanun Acara Jenayah hendaklah mempunyai tandatangannya untuk memastikan yang ianya dibuat secara sukarela. Keputusan ini adalah sangat penting.

Seksyen 112(5) Kanun Acara Jenayah yang telah dikuatkuasakan pada 26hb Oktober, 1976 berbunyi: (*Dengan izin*)

“A statement made by any person under this section whether or not a caution has been administered under Section 113 (1) shall, whenever possible, be taken down in writing and signed by the person making it or affixed with his thumb print as the case may be after it has been read to him in the language in which he made it and after he has been given an opportunity to make corrections he may wish.”

Walaupun sekarang terdapat keperluan bagi kenyataan-kenyataan yang direkodkan di bawah Kanun Acara Jenayah hendaklah di-

tandatangan untuk memastikan bahawa kenyataan tersebut telah dibuat dengan sukarela, namun tidak terdapat sebarang peruntukan yang sama mengenai kenyataan-kenyataan yang dicatat di bawah Akta Rahsia Rasmi, 1972, Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, Akta Pencegah Rasuah, 1961 dan Ordinan Dadah Merbahaya, 1952. Sepatutnya tidak terdapat sebarang perbezaan berhubung dengan ini oleh kerana Kanun Acara Jenayah dan lain-lain undang-undang tersebut berkaitan dengan perbicaraan jenayah.

Asalnya hanya seorang Magistret sahaja boleh mencatat pengakuan dari orang-orang yang dituduh di bawah peruntukan seksyen 115 Ordinan Acara Jenayah. Dengan adanya pindaan kepada seksyen 113 Kanun Acara Jenayah yang berkuatkuasa pada 7hb Januari, 1976 hanya seorang Inspektor biasa sahaja telah diberikan kuasa untuk mencatat kenyataan-kenyataan asalkan peringatan berikut diberitahu terlebih dahulu: Jika saya izin berucap bahasa Inggeris. "It is my duty"

Tuan Yang di-Pertua: Sabar—hendak sebut quotation?

Tuan Karpal Singh: Quotation.

Tuan Yang di-Pertua: Quotation daripada siapa?

Tuan Karpal Singh: Bukan quotation, ini "caution" dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Itu boleh.

Tuan Karpal Singh:

"It is my duty to warn you that you are not obliged to say anything or to answer any question, but anything you say, whether in answer to a question or not, may be given in evidence."

Satu lagi yang syarat adalah tidak boleh menggunakan pujikan, ancaman atau janji sewaktu mencatat kenyataan. Kedudukannya adalah sama berhubung dengan mencatat kenyataan-kenyataan di bawah seksyen 21 Akta Rahsia Rasmi, 1972; seksyen 37A Ordinan Dadah Merbahaya, 1952; seksyen

75 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960; seksyen 15 Akta Mencegah Rasuah, 1961 dan seksyen 15 Akta Menculik, 1961. Walau bagaimanapun, tidak ada peruntukan bagi seseorang menurunkan tandatangannya pada kenyataan yang dibuat itu. Ini adalah tidak seperti seksyen 112(5) Kanun Acara Jenayah. Takdir seseorang yang dituduh terletak pada pihak polis yang boleh memberikan keterangan tentang kononnya ada pengakuan lisan dibuat oleh seseorang yang dituduh itu di bawah seksyen 113 Kanun Acara Jenayah dan ini mungkin cukup untuk menghukum seseorang, apatah lagi atas tuduhan "Capital" di mana ada peruntukan hukuman mati yang "Mandatory" seperti terdapat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 kerana memiliki senjata secara haram ataupun tuduhan membunuh. Inilah kuasa-kuasa yang diberi kepada seseorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih tinggi daripadanya. Kita dapati beberapa kes di mana pegawai-pegawai polis didapati salah kerana "Manslaughter" semasa mereka menjalankan "Interrogation" ataupun memperolehi pengakuan. Pegawai-pegawai polis tidak sepatutnya dibenarkan mencatat kenyataan-kenyataan daripada orang-orang yang dituduh kerana mereka adalah daripada badan yang juga dikehendaki membuktikan kesalahan orang itu dalam sebuah Mahkamah Undang-undang. Kita tidak boleh membenarkan satu keadaan di mana pegawai-pegawai polis serentak menjadi Pendakwaraya, hakim dan juri. Sepatutnya, Majistret-majistret hendaklah mencatat kenyataan-kenyataan orang-orang yang dituduh sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 115 Kanun Acara Jenayah yang belum lagi dimansuhkan. Selepas pindaan kepada seksyen 113 Kanun Acara Jenayah dalam bulan Januari 1976, penggunaan seksyen 115 Kanun Acara Jenayah hampir-hampir sudah berhenti.

Sebelum pindaan ini, segala kenyataan yang dibuat kepada pegawai-pegawai polis semasa penyiasatan polis tidak diterima oleh Mahkamah. Jalan yang hanya satu ada untuk mencatat sesuatu kenyataan adalah di bawah seksyen 115 Kanun Acara Jenayah dan Majistret-majistret diketahui tidak mencatat kenyataan-kenyataan daripada orang-orang yang dituduh di mana ada sebab untuk mempercayai orang-orang ini telah dipukul atau ditakluk kepada "inducement, threat or promise".

Namun demikian, adalah penting kenyataan-kenyataan yang dicatit undang-undang yang telah saya sebut tadi, hendaklah ditanatangani untuk memastikan ianya dibuat secara sukarela sepertimana telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes yang saya telah sebut dalam ucapan saya awal-awal tadi.

Orang ramai hendaklah diperlindungi daripada pegawai-pegawai yang "overenthusiastic" dan yang cenderung kepada penggunaan kekerasan dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Sebenarnya dalam kes Pendakwaraya melawan Zakaria bin Isa (1978) 2 MLJ di muka surat 36, keputusan Ketua Hakim Negara, Tun Suffian menyertakan, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin jikalau saya boleh quote?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Karpal Singh:

"Then in 1976 Parliament by Act A324 repealed the old section 113 of the Criminal Procedure Code and by the new one expressly allows a caution statement made by the accused to a police officer, which satisfies the condition set out therein, to be used in evidence at his trial. This applies to all persons charged with any offence under any law. Clearly it also covers offences under ISA and under any law specified in its Second Schedule and all offences under the Prevention of Corruption law. So section 75(1) of ISA and the corresponding provision in the Prevention of Corruption law are now superfluous. It would make for simplicity if these overlapping laws were replaced by a single law."

Mengenai peruntukan tentang jaminan dalam kes-kes tertentu di bawah Ordinan Dadah Merbahaya 1952, seksyen 41B memperuntukkan seperti berikut:

Jikalau boleh dengan izin Tuan Yang di-Pertua, quote dalam bahasa Inggeris.

"(1) Bail shall not be granted to an accused person charged with an offence under this Ordinance:

(a) where the offence is punishable with death; or

(b) where the offence is punishable with imprisonment for more than five years; or

(c) where the offence is punishable with imprisonment for five years or less and the Public Prosecutor certifies in writing that it is not in the public interest to grant bail to the accused person.

"(2) the provisions of subsection (1) shall have effect notwithstanding any other written law or any other law to the contrary."

Sudahlah jelas bahawa di mana kesalahan itu menyebabkan hukuman mati atau di mana kesalahan itu menyebabkan hukuman penjara yang melebihi lima tahun, jaminan tidak diberi. Pindaan ini telah berkuatkuasa sejak 10hb Mac, 1978. Undan-undang hendaklah tidak boleh menjadi "rigid". Mungkin terdapat kes-kes di mana jaminan patut diberi namun dalam kategori-kategori ini. Pada 18hb November, 1979, Mahkamah Tinggi Alor Star terpaksa menolak jaminan dalam kes seorang wanita, Mariam binti Haron yang telah dituduh mengedar dadah dalam bulan April, 1979. Pada 18hb Ogos, 1979, wanita ini telah melahirkan seorang bayi perempuan bernama Hasimah binti Nordin, Tuan Hakim Yang Arif tidak ada pilihan lain kecuali menolak jaminan kerana undang-undang tidak membenarkan jaminan dalam kes seumpama ini.

Tetapi, ini tentu membawa ketidakadilan. Ibu dan anak itu masih merana di dalam penjara. Oleh kerana ibu dan anak itu terhad kepada bahagian wanita dalam kawasan penjara, perkembangan sosial dan saikoji normal kanak-kanak itu akan terganggu nanti.

Kanak-kanak itu sudah menjadi mangsa kerana keadaan ini. Kita tidak boleh membenarkan keadaan seperti ini wujud. Mahkamah hendaklah diberi kuasa budibicara untuk membenarkan jaminan dalam kes-kes yang melibatkan orang-orang yang berumur kurang daripada 16 tahun umur atau seorang perempuan atau seorang pesakit atau seorang yang lemah anggota yang dituduh dengan kesalahan di bawah Ordinan Dadah Merbahaya sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 388 Kanun Acara Jenayah. Hendaklah diperintahkan bahawa seseorang yang

diduduh mungkin akan dibukti tidak bersalah dalam perbicaraannya dan undang-undang kita tidak memperuntukkan gantirugi dalam keadaan seperti ini. Dalam sistem undang-undang kita, seseorang itu dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah melainkan peruntukan-peruntukan dalam Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) Perlu (Pindaan) 1975 yang bersifat "draconian" dan "repressive".

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawabnya, Yang Berhormat Menteri boleh memilih untuk menjawab keseluruhannya keempat-empat usul atau satu-satu, itu terserah kepada Yang Berhormat.

3.56 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab satu usul yang ada dua bahagian iaitu berkenaan dengan meminda Ordinan Dadah Berbahaya, kerana itu ada dua; bahagian satu perkara yang sama seperti yang ketiga dan keempat yang lain, dan bahagian yang kedua pada usul itu khas bagi Dadah Berbahaya. Walau apapun jawapan dan penerangan saya pada usul yang pertama adalah serupa pada usul-usul yang lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong tadi.

Tuan Yang di-Pertuan, usul-usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong itu ialah bagi mendapat izin Mesyuarat ini untuk mengemukakan Rang Undang-undang Ahli Persendirian meminda seksyen 37A dan 41B Ordinan Dadah Berbahaya tahun 1952 dengan maksud kesemua kenyataan-kenyataan yang direkodkan di bawah seksyen 37A hendaklah ditandatangani oleh orang-orang yang memberikan dan untuk memberikan mahkamah budibicara di bawah seksyen 41B dan membenarkan jamin dalam kes-kes tertentu—itu ada dua bahagian.

Pertamanya, peruntukan yang seumpama yang dicadangkan kepada seksyen 37A terdapat dalam seksyen kecil 5 Seksyen 112 Kanun Acara Jenayah yang Yang Berhormat telah bacakan tadi yang bermaksud bahawa:

"Tiap-tiap kenyataan yang dibuat oleh sesiapa di bawah seksyen tersebut sama ada atau tidak amaran telah diberi kepadanya hendaklah di mana keadaan mengizinkan ditulis dan ditandatangani atau dibubuh cap jari oleh orang-orang yang membuatnya, selepas ianya telah dibaca kepada orang itu dalam bahasa yang kenyataan itu dibuat dan selepas ia diberi peluang membuat apa-apa pindaan kepadanya atau pembetulan kepadanya."

Jadi maknanya mestilah ditandatangani seberapa yang boleh jika keadaan mengizinkan, ada masanya tidak boleh ditandatangani, misalnya orang kudong, takkanlah hendak gesel hujungnya—tidak boleh. Orang kudong atau dua belah tangan terbakar tidak boleh tandatangan maknanya boleh juga diterima.

Saya bacakan di sini seksyen 3 Kanun tersebut pula disebut peruntukan bahawa semua kesalahan jenayah jatuh di bawah bidangkuasa Kanun tersebut melainkan jika ada undang-undang khas yang lain ada peruntukan yang serupa mengenainya, dengan tidak adanya peruntukan seperti Seksyen 112 dalam Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 atau mana-mana undang-undang lain yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, maka Seksyen 112 hendaklah dipakai bagi kenyataan yang dibuat di bawah ordinan tersebut.

Pada pandangan saya pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 37A dalam usul ini adalah tidak perlu. Saya bacakan di sini Aturan Perbicaraan Jenayah (Criminal Procedure Code), izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, membaca Seksyen 3 itu:

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof:

"All offences under the Penal Code shall be inquired into and tried according to the provisions hereinafter contained, and all offences under any written law shall be inquired into and tried according to the same provisions: subject however to any written law for the time being in force regulating the manner or place or inquiry into of trying such offences".

Ini bermakna bukan sahaja undang-undang jenayah di bawah Penal Code, tetapi semua undang-undang jenayah yang diluluskan

dalam Parlimen ini apakala dibicarakan hendaklah mengikut apa yang terkandung dalam Criminal Procedure Code, ini peraturan jenayah.

Tuan Karpal Singh: Untuk penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, kalau hendak penjelasan.

Tuan Karpal Singh: Barangkali Yang Berhormat Menteri Undang-undang tidak faham Seksyen 41B (2) Ordinan Dadah Berbahaya.

(Dengan izin): "The provisions of sub-section (i) shall have effect notwithstanding any other written law or any rule of law to the contrary."

Maknanya Seksyen 3 tidak boleh dipakai. Itu makna Seksyen 41B (2)—The provisions of sub-section (i) itu bersangkutan dengan jaminan—" . . . shall have effect notwithstanding any other written law." Ini Criminal Procedure Code jadi any other written law. Oleh kerana itu, ini tidak boleh digunakan.

The provisions of sub-section (i) shall have effect notwithstanding any other written law"—

which includes the Criminal Procedure Code. Therefore Section 3 cannot apply.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat Menteri tadi menggunakan Seksyen 3 ialah mengenai dengan Seksyen 37 (a) iaitu memberikan tandatangan. Yang Berhormat Menteri belum lagi menyentuh berkenaan dengan membenarkan jaminan di bawah Seksyen 41B. Sila teruskan.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Saya belum sampai lagi kepada perkara itu. Saya menyebutkan berkenaan dengan kenyataan yang diambil oleh saksi-saksi yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu mesti semua ditandatangani dan saya menyatakan di sini semua statement ataupun kenyataan yang diambil oleh polis mesti ditandatangani melainkan kalau ada pula dalam undang-undang mengatakan tidak payah ditandatangani. Itu ada sebab lain. Itu yang saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat, saya belum tiba kepada bab yang kedua tadi.

Dia menyebut juga berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan dalam perbicaraan yang saya telah lupa. Dalam perbicaraan itu

kita sedar kenyataan saksi yang diambil oleh Inspektor dalam masa menyiasat kes itu dengan lalainya tidak mengikut sebagaimana kehendak peruntukan (provision) yang ada tercatat dalam Seksyen 112 (5) tadi dan tidak ditandatangani. Maka sebab itu segala keterangan oleh saksi itu tidak boleh dipakai dan kes itu ditolak oleh Mahkamah Persekutuan. Ini betul, kalau tidak ditandatangani statement tidak boleh dipakai sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kita telah beri arahan pada masa yang akan datang semua pegawai-pegawai polis yang menyiasat hendaklah mengikut betul-betul sebagaimana peruntukan yang ada dalam Seksyen 112 (5) iaitu semua saksi-saksi seberapa yang boleh; melainkan yang kudung, diambil tandatangan mereka itu. Tetapi yang disebutkan tadi dalam Seksyen 113 berkenaan dengan statement yang diambil oleh pegawai polis semasa menyiasat, kemudian orang itu semasa disiasat belum tahu sama ada dia dituduh atau tidak, sebab kadang-kadang kita ambil siasat semua ada saksi, ada yang salah dan ada yang tidak bersalah. Setelah selesai semua sekali didapati dia rupanya boleh dituduh di mahkamah, maka bolehkah statement itu dipakai? Statement itu boleh dipakai kerana impeach his credit ataupun hendak mengatakan apa statement itu pembongkah. Itu lain maknanya. Tetapi cadangan Yang Berhormat untuk mengatakan statement daripada polis itu tidak betul, tidak percaya kepada Inspektor, pegawai-pegawai polis, hendaklah dicatat oleh Majistret-majistret. Ini saya fikir amat berat kehendaknya kerana memandangkan practicalitynya di mana semua statement itu hendak dibawa kepada Mahkamah. Majistret hendak menulisnya kalau kita tidak percaya kepada pegawai-pegawai polis.

Saya bersetuju bukan semua 100% pegawai polis yang demikian. Ada di antaranya, orang-orang seperti Yang Berhormat sekalipun ada seorang berdua "black sheep". Begitu juga pegawai-pegawai polis ini. Tetapi terulang dalam perbicaraan di mahkamah didapati boleh jadi apa yang ditandatangani itu adalah tidak benar. Saya mengakui, bukan 100%. Walau bagaimanapun, kita puas hati atas acara undang-undang yang ada ini iaitu diberi kuasa kepada pihak polis dan diberi training yang cukup supaya dengan amanahnya mereka itu mesti mengambil statements daripada saksi-saksi dan lain-lain orang dengan cara yang betul kerana kalau

didapati perkara ini tidak betul mereka boleh dituduh di mahkamah atau kalau kita tidak tahu, kalau dia seorang Islam, bertanggungjawablah di akhirat kelak kerana dengan penipuannya itu seseorang yang tidak bersalah menadi salah—saya mengaku. Oleh sebab itulah saya mengatakan peruntukan telah ada dan tidak payahlah kita pinda.

Berkenaan dengan usul yang kedua Yang Berhormat dari Jelutong, ingin saya memberitahu Dewan ini bahawa pindaan kepada Ordinan tersebut telah dibuat dan diluluskan dalam Dewan ini melalui Akta A426 dalam Persidangan Belanjawan tahun 1977. Ordinan telah dipinda dengan memasukkan Seksyen 41B baru yang bermaksud bahawa jaminan tidak boleh diberi untuk semua kesalahan di bawah Ordinan tersebut yang melibatkan hukuman mati atau hukuman penjara lebih daripada 5 tahun. Bagi kesalahan yang melibatkan hukuman penjara kurang dari 5 tahun, pihak Pendakwa Raya sahaja yang boleh membuat pengakuan yang jaminan seharusnya boleh dibenarkan.

Pindaan ini juga menyatakan bahawa peruntukan ini mengatasi apa-apa peruntukan di bawah mana-mana undang-undang lain termasuk yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu Kanun Acara Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu pindaan itu ada maksud dan tujuannya, masa itu kita telah terangkan di Dewan ini, kita tahu seseorang itu dihukum mati atau penjara tidak kurang dari 5 tahun memang biasa dalam semua undang-undang tidak dibenarkan jamin. Walau bagaimanapun, terpulang kepada hakim boleh memikirkannya dengan sebab-sebab tertentu, misalnya, orang yang sudah tua sangat atau orang sakit kuat boleh diberi jaminan. Tetapi di sini kalau di bawah 5 tahun boleh dijamin kalau Pendakwa Raya boleh buat pengakuan yang dia itu boleh dibenarkan jamin. Apa sebab itu berlainan daripada undang-undang lain? Kita mesti ingat ini adalah Undang-undang Dadah Berbahaya. Nyatalah dari pindaan tersebut Dewan yang mulia ini sedar akan betapa pentingnya dimasukkan peruntukan yang saya sebutkan tadi mengandungi pertambahan kes-kes di bawah Ordinan tersebut dan juga kesukaran menangkap balik orang-orang yang kena tuduh yang telah melarikan diri kerana telah diberi jamin oleh mahkamah. Ini bermakna yang tahu ialah pegawai polis yang menyiasat dan yang

merepotkan kepada Pendakwa Raya. Walaupun kes yang dituduh itu boleh dijatuhkan hukuman kurang dari 5 tahun tetapi kita tahu mereka itu bukan sahaja mempunyai sedikit dadah, tetapi pengedar dadah dan kalau mengikut undang-undang biasa dihukum kurang dari 5 tahun diberi jaminan, maka mereka pun bebaslah menjual dadah semula. Selepas itu pula kadang-kadang hendak menangkap mereka, tidak jumpa lagi—entah ke mana perginya. Ini bukan jenayah biasa seperti yang lain-lain. Kita menahannya bukan sahaja kerana hendakkan keadilan tetapi adalah dibimbangkan kalau dibiarkan dia dijamin walaupun dihukum kurang dari 5 tahun, mereka akan menjalankan penjualan dadah, pengedaran dadah dan dengan sebab itulah Dewan ini telah diterangkan dan bersetuju semasa undang-undang itu dibuat dahulu.

Sekarang Yang Berhormat dari Jelutong itu minta pula dipinda supaya biarlah orang yang dihukum kurang dari 5 tahun terus dijamin. Boleh jadi setengah daripada yang dijamin itu Ahli Yang Berhormat tidak sedar boleh pula mengedar dadah ke sana ke mari, hendak cari pun tidak jumpa lagi. Bukan kerana tujuan lain. Kalau ada di antara mereka penagih dadah tetapi bukan pengedar, maka boleh Timbalan Pendakwa Raya menyatakan supaya mahkamah membenarkan jamin walaupun kurang dari 5 tahun, but not all, bukan semua begini tetapi sebahagian daripadanya.

Keadaan ini selalunya terjadi dalam kes-kes yang lebih berat dan boleh memberi kesalahan-kesalahan yang melibatkan hukuman penjara kurang dari 5 tahun. Pihak Pendakwa Raya melalui peruntukan ini tidak akan membantah terhadap jaminan melainkan keadaan memaksa. Dalam setengah-setengah kes kita tidak membantah, dibiarkan dia dijamin, tetapi ada setengah-setengah kes walaupun dihukum kurang dari 5 tahun kita tahu dia itu pengedar, memang merbahaya kepada masyarakat kita maka kita bantah supaya Tuan Hakim pun ada tanggungjawabnya dan saya percaya Peguam yang membela pun sedar akan tanggungjawabnya, bersetuju dengan apa kehendak Pendakwa Raya itu kerana niatnya bersih, bukan hendak menganiayai seseorang.

Oleh itu, saya menyeru Dewan ini supaya menolak kedua-dua usul ini. Tetapi usul yang pertama kalau Yang Berhormat bersetuju, kalau dibawanya juga, jawapan saya adalah

serupa dan saya mintalah sama ada usul yang lain itu ditarik balik atau dibawa satu persatu sebagaimana Tuan Yang di-Pertua cadangkan tadi tetapi saya tidak akan menjawabnya kerana jawapan bagi usul yang pertama memadailah pada usul yang berikutan daripada usul yang pertama itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan bagi dikeputusan usul-usul yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Yang pertama usul di atas nama Yang Berhormat Tuan Karpal Singh:

“Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1) mengizinkan Y. B. Karpal Singh mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli Persendirian yang bernama Rang Undang-undang Dadah Merbahaya (Pindaan) 1980 yang bertujuan meminda Ordinan Dadah Merbahaya 1952 dengan memasukkan pindaan-pindaan yang berikut kepada seksyen 37A dan seksyen 41B:

Seksyen 37A “untuk menghendaki semua kenyataan-kenyataan yang direkodkan di bawah seksyen 37A ditandatangani oleh orang-orang yang memberikannya.”

Seksyen 41B “Untuk memberikan Mahkamah budibicara untuk membenarkan jamin dalam kes-kes tertentu.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Usul kedua juga atas nama Yang Berhormat Tuan Karpal Singh:

“Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1), mengizinkan Y.B. Karpal Singh mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli Persendirian yang bernama Rang Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1980 yang bertujuan meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dengan memasukkan pindaan yang berikut kepada seksyen 75:

“Untuk menghendaki semua kenyataan yang direkodkan di bawah seksyen 75 ditandatangani oleh orang-orang yang memberikannya.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Yang ketiga Usul atas nama Yang Berhormat Tuan Karpal Singh:

“Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1), mengizinkan Y.B. Karpal Singh mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli Persendirian yang bernama Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan), 1980 yang bertujuan meminda Akta Rahsia Rasmi, 1972 dengan memasukkan pindaan yang berikut kepada seksyen 21:

“Untuk menghendaki semua kenyataan-kenyataan yang direkodkan di bawah seksyen 21 ditandatangani oleh orang-orang yang memberikannya.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir Usul atas nama Tuan Karpal Singh juga:

“Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (1) mengizinkan Y.B. Karpal Singh mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli Persendirian yang bernama Rang Undang-undang Pencegah Rasuah (Pindaan) 1980 yang bertujuan meminda Akta Pencegah Rasuah 1961 dengan memasukkan pindaan yang berikut kepada seksyen 15:

“Semua kenyataan-kenyataan yang diberikan kepada pegawai-pegawai polis di bawah seksyen 15 hendaklah ditandatangani oleh orang-orang yang memberikannya.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (26hb Mac 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sudah hendak sampai kepada akhir jawapannya kepada hujah-hujah yang

dikemukakan di dalam perbahasan Rang Undang-undang yang ada di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung atau meneruskan ucapannya.

4.14 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambung ucapan untuk menggulung perbahasan tentang Rang Undang-undang Akta Perubatan (Pindaan), saya minta izin sedikit untuk membuat sedikit pembetulan, oleh kerana pada hari semalam saya mendengar dalam berita TV yang akhir bahawa satu Pasukan Petugas yang saya sebutkan di dalam menggulung perbahasan semalam, saya dengan tidak sengaja telah menyebutkan Menteri Kewangan sebagai Pengerusi. Yang sebenarnya saya maksudkan ialah Menteri Dalam Negeri, bahkan dalam nota saya di sini saya ada catitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh dibetulkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sebenarnya Pengerusi itu iaitu Menteri Dalam Negeri dan saya menuntut maaf kepada Dewan dan kedua-dua Yang Berhormat Menteri dan juga saya minta sedikit pembetulan daripada pihak sedemikian Straits Times dan TV.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menjawab serba sedikit tentang keraguan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar iaitu keraguan daripada pihak Majlis Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council) yang mengatakan bahawa dengan pindaan keahlian Majlis Perubatan Malaysia ini dengan kelebihan ahli-ahli yang dilantik daripada yang dipilih maka kebebasan Majlis ini mungkin tergugat dan semalam saya telah memberi jaminan kepada beliau bahawa bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadi diktator ataupun memaksa Majlis ini di atas perkara-perkara yang menyentuh profession perubatan. Sebenarnya perhubungan di antara Kementerian Kesihatan dengan Malaysian Medical Council ini adalah baik dan ada juga daripada pandangan-pandangan yang dibuat oleh Malaysian Medical Council ini dimasukkan ke dalam cadangan yang kita kemukakan. Yang penting sekali bahawa Council ini akan menentukan bahawa standard profession ini dan juga perkhidmatannya adalah terjamin

kepada satu standard yang sekurang-kurangnya standard yang minima. Kerajaan memanglah mempunyai satu tanggungjawab bukan sahaja terhadap perkhidmatan bahkan juga kepada professional standard amalan perubatan. Oleh itu untuk menjamin perkara ini, Kerajaan mestilah mempunyai satu tindakan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyentuh tentang pakar-pakar/doktor-doktor yang berkhidmat dengan cara sukarela dan ini merupakan satu langkah yang pendek dan mencadangkan supaya pihak Kerajaan mencari jalan yang lebih baik lagi supaya dapat mengekalkan pakar-pakar atau doktor-doktor dalam jawatan Kerajaan dan telah membuat beberapa cadangan terutama sekali mengenai struktur perkhidmatan, prospek naik pangkat, syarat perkhidmatan yang lebih baik. Juga beliau mencadangkan supaya mereka diberi kursus lanjutan menghadiri conference di seberang laut dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah disedari oleh pihak Kerajaan. Pihak Kerajaan penuh sedar dengan aspirasi para professional terutama sekali di kalangan doktor untuk mendapat peluang naik ke taraf yang tinggi seperti juga di dalam comparative services dan dalam usaha mencapai aspirasi ini maka pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tertentu. Saya telah difahamkan bahawa pihak Kerajaan sedang mengkaji aspirasi para professional ini dengan teliti dan kajian ini terpaksa mengambil masa yang lebih sedikit kerana sebagai satu Kerajaan tidaklah dapat ianya hanya memikirkan satu profession sahaja bahkan para professional yang lain juga. Oleh itu saya minta terutama sekali para doktor supaya bersabar sedikit dan menunggu keputusan yang dibuat oleh Kerajaan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ayer Hitam telah membayangkan kebimbangan beliau terhadap mutu latihan di kalangan penuntut perubatan di Universiti Kebangsaan oleh kerana menurut beliau universiti itu mengambil banyak penuntut-penuntut perubatan sungguhpun ianya merupakan universiti yang masih muda lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa universiti ini memang menyedari tentang kemungkinan

merosotnya darjah latihan di universiti tersebut. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah memang diambil untuk menentukan supaya latihan (training) yang diadakan di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia sama juga tarafnya dengan universiti-universiti lain dan dengan mengadakan external examiners atau pemeriksa-pemeriksa dari luar negeri maka standardnya dapat dipastikan setaraf dengan standard universiti-universiti lain.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada laporan-laporan di dalam suratkhbar bahawa kumpulan yang mula-mula sekali lulus daripada Universiti Kebangsaan iaitu doktor-doktor yang kelulusan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada kali pertamanya telah mendapat satu pandangan atau komen yang baik tentang darjah latihan yang diberi oleh universiti itu.

Begitu juga dalam Rang Undang-undang ini kita telah menubuhkan satu Lembaga iaitu Lembaga Kelayakan Perubatan (Medical Qualifying Board) yang terdiri daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan sebagai Pengerusi dan tiga orang daripada tiap-tiap Fakulti Perubatan daripada universiti-universiti tempatan. Ini dengan sendirinya akan dapat menjamin standard latihan di Universiti Kebangsaan nanti.

Begitu juga pihak Kementerian Kesihatan akan meneliti dan menentukan supaya taraf latihan itu setanding dengan taraf latihan penuntut-penuntut yang keluar daripada universiti-universiti yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang saya dapat komenkan daripada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh tiga orang Ahli tadi, dan sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak terima kasih kepada mereka iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah memberi beberapa pandangan yang baik, begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam dan Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Sekian, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JURURAWAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.25 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Jururawat 1950 yang dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Jururawat 1950 memperuntukkan pendaftaran bagi Jururawat. Akta tersebut telah berkuatkuasa di Sarawak pada 1hb November, 1969 dan di Sabah pada 1hb Januari, 1978. Dengan itu semua pengamal dalam bidang kejururawatan termasuk mereka di peringkat auxiliary umpamanya di Semenanjung Malaysia adalah ditakluk kepada satu undang-undang sahaja iaitu Akta Jururawat 1950. Kementerian ini telah mendapati bahawa pindaan-pindaan pada beberapa seksyen Jururawat 1950 ini perlu kerana:

- (a) Amalan-amalan dalam peruntukan-peruntukan yang pada waktu ini difikirkan tidak perlu;
- (b) Pemakaian atau keperluan Akta tersebut di negeri Sabah; dan
- (c) Keperluan memperuntukkan pendaftaran bagi kategori-kategori baru kaki-tangan Jururawat.

Seksyen 4 (1) Akta Jururawat 1950 ini memerlukan nama-nama semua orang yang disenaraikan dalam daftar Jururawat disiarkan setiap tahun menerusi *Warta Kerajaan*. Ianya didapati membebankan dan tidak berfaedah. Oleh itu pindaan kepada seksyen ini dicadangkan dengan tujuan menghapuskan keperluan tersebut.

Seksyen 4 (2) memerlukan supaya Akta Jururawat mengandungi beberapa bahagian iaitu satu bahagian umum dan beberapa bahagian-bahagian tambahan dengan tiap-tiap bahagian mengandungi nama orang-orang yang terlibat dalam bidang kejururawatan umum dan bidang kejururawatan yang lain. Ada beberapa pindaan yang dicadangkan kepada bahagian-bahagian tambahan di bawah seksyen ini seperti dalam huraian Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 4 (3) memerlukan supaya dalam perbicaraan-perbicaraan salinan *Warta Kerajaan* yang mengandungi senarai nama-nama jururawat dalam Akta Jururawat dijadikan sebagai bukti pendaftaran. Oleh kerana peruntukan penyiaran Daftar Jururawat dalam *Warta Kerajaan* tiap-tiap tahun dicadang supaya dihapuskan seperti yang saya sebutkan tadi maka peruntukan tersebut dalam seksyen ini dicadangkan supaya dihapuskan juga. Adalah memadai perakuan di bawah tandatangan Pengerusi Lembaga Jururawat dijadikan bukti pendaftaran.

Seksyen 5 (2) (b) memerlukan supaya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mengandungi peruntukan yang memerlukan latihan yang bertujuan untuk membolehkan seseorang itu didaftarkan dalam Jururawat dijalankan di sebuah institusi yang diakui atau dalam perkhidmatan kejururawatan Angkatan Bersenjata United Kingdom. Pindaan yang dicadangkan ke atas peruntukan ini ialah menghapuskan alternatif menjalani latihan dalam perkhidmatan Kejururawatan Angkatan Bersenjata United Kingdom dan memasukkan satu peruntukan tambahan untuk menetapkan:

- (a) kelayakan untuk memasuki sebuah institusi yang diakui; dan
- (b) kursus pengajaran yang diberi dalam institusi itu.

Seksyen 5 (2) (c) memperuntukkan pendaftaran di Sarawak bagi orang-orang yang ditakrifkan "existing nurses" selepas 2 tahun peraturan ini berkuatkuasa di Sarawak. Peruntukan ini akan dihapuskan kerana ianya tidak perlu lagi.

Seksyen 6 (1) memperuntukkan hak bagi jururawat yang berdaftar dengan Majlis Pendaftaran Jururawat United Kingdom dan Irish Republic untuk mendaftarkan diri di bawah Akta Jururawat. Peruntukan ini akan

dihapuskan untuk memansuhkan hak tersebut. Walau bagaimanapun, pemansuhan peruntukan ini tidak akan menghalang mereka yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Jururawat untuk memohon supaya didaftarkan di bawah Akta ini. Mereka boleh berbuat demikian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 (2).

Seksyen 10 memperuntukkan hukuman-hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen tersebut. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah untuk menambahkan denda-denda yang dikenakan supaya ianya selaras dengan keadaan sara hidup sekarang.

Memandangkan keadaan sekarang dan sebab-sebab yang dihuraikan di atas maka adalah perlu seksyen-seksyen berkenaan dalam Akta Jururawat 1950 itu dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan) supaya diluluskan.

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Jururawat 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Telok Anson.

4.31 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang baharu dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kerajaan supaya mengadakan insentif-insentif ataupun cara-cara tertentu untuk menggalakkan kaum lelaki dilatih sebagai jururawat. Buat masa ini majoriti atau kebanyakan jururawat-jururawat kita adalah terdiri daripada kaum perempuan atau wanita, ini menjadikan saya bertanya, tidakkah lebih tepat bagi Akta ini dikenali sebagai Akta Jururawati jika kedudukannya tidak dapat diubah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat lebih ramai jururawat dari kaum lelaki patut diterima khususnya di bidang psychiatric nursing atau rawatan bagi orang-orang yang

dianggap gila ataupun bingung. Sungguhpun terdapat beribu-ribu orang yang dapat rawatan di Hospital Bahagia, Hospital Tampoi dan lain-lain, ramai lagi orang-orang yang otaknya kurang sihat itu masih dapat dijumpai merayau di jalan-jalan ataupun merata-rata bercakap kepada dinding atau langit, menghadiri jamuan-jamuan ataupun majlis-majlis tanpa jemputan dan seterusnya. Ini mencerminkan perubahan psychiatric dalam negara kita adalah amat mundur lagi dan haruslah diperbaiki. Di negara-negara maju seorang jururawat hanya menjaga atau memberi nasihat (counselling) bagi tidak lebih daripada 3 orang pesakit otak bahkan kadangkala seorang jururawat bagi seorang pesakit sahaja. Dalam negara kita nisbah jururawat dan orang sakit adalah besar mungkin seorang jururawat harus atau terpaksa memberi perkhidmatan perubatan kepada lebih daripada 100 orang pesakit. Kebanyakan orang-orang yang otaknya kurang sihat itu adalah orang-orang yang kekerasan (violent) dan tidak tahu apakah maksud sopan-santun seperti membuang kerusi meja ataupun membuka pakaian mereka di mana-mana sahaja. Oleh yang demikian, dalam perkhidmatan pemulihan ini jururawat dari kaum lelaki adalah lebih sesuai dan saya berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan dan kaum lelaki dapat digalakkan untuk menerima latihan yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Dewan ini maklum ramai jururawat yang telah dilatih di luar negeri dapat kembali ke tanahair kita dan berkhidmat di hospital-hospital kita sekarang. Ini bermakna negara kita tidak mempunyai kemudahan latihan yang mencukupi untuk tujuan ini. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan supaya memperkembangkan kemudahan latihan jururawat yang ada sekarang supaya rakyat kita tidak payah memperolehi latihan di seberang laut. Adalah benar pada keseluruhannya mutu dan kualiti jururawat-jururawat yang dilatih di seberang laut itu adalah sama dengan mutu yang dicapai oleh jururawat-jururawat tempatan. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil peluang ini merayu kepada Kerajaan supaya tanggagaji mereka dapat diperbaiki seimbang dengan tanggagaji jururawat tempatan apabila syarat tertentu ditunaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

4.36 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Bil yang ada di hadapan kita ini dan saya juga mohon menyokong syor yang dikemukakan oleh rakan saya dari Telok Anson tadi yang meminta supaya ditambah jururawat lelaki supaya janganlah profesion jururawat ini menjadi monopoli kepada kaum wanita semata-mata. Bagaimanapun, alasan yang diberikannya tadi agak berbeza dengan alasan yang hendak saya berikan iaitu saya ingin melihat lebih banyak jururawat lelaki diambil oleh kerana memandangkan ratio anak-anak muda yang tidak bekerja sekarang ini lebih banyak terdapat pada kaum lelaki dibandingkan dengan kaum wanita. Saya mendapat tahu kaum wanita lebih senang mendapat kerja-kerja di bandar terutama dalam kilang-kilang elektronik dan sebagainya dan juga lebih senang mendapat kerja menjadi kerani oleh kerana pejabat-pejabat lebih suka mengambil kaum wanita bekerja kerana sebab-sebab yang saya sendiri tidak tahu. Oleh yang demikian, kalau sekiranya bidang profesion kejururawatan ini dibuka lebih luas kepada kaum lelaki maka kita akan dapat mengurangkan jumlah pengangguran di kalangan belia-belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh perkara yang telahpun disentuh sedikit tadi oleh rakan saya dari Telok Anson iaitu tentang perkara latihan. Saya juga bersetuju dengannya bahawa kita patutlah mempunyai lebih banyak institusi-institusi latihan kejururawatan dan saya tahu setakat ini kita ada 3 pusat latihan kalau tidak salah saya iaitu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru, mungkin ada di tempat lain yang saya tidak tahu. Saya fikirkan adalah mustahak kita juga mempunyai suatu pusat latihan jururawat untuk Pantai Timur bagi negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang dan saya syorkan kalau pusat seumpama itu hendak didirikan di Pantai Timur saya ingin menawarkannya di negeri saya, Negeri Trengganu untuk dijadikan tapak pusat latihan tersebut kerana negeri Trengganu itu lebih agak centralised kedudukannya.

Selain daripada itu kita juga perlu menambahkan capacity di tempat-tempat latihan yang terdapat sekarang yang 3 saya sebutkan tadi oleh kerana banyak daripada anak-anak gadis sekarang terpaksa pergi keluar negeri untuk menerima latihan dalam bidang kejururawatan dengan memakan belanja yang

besar. Oleh yang demikian, patutlah kita memperluaskan lagi institusi-institusi yang ada sekarang ini supaya dapat ditampung lebih ramai anak-anak gadis kita berlatih dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi jangka panjangnya saya juga ingin mengesyorkan supaya kita mengadakan suatu institusi jururawat yang dapat memberi latihan-latihan dalam bidang-bidang yang khusus yang barangkali tidak terdapat di negeri ini pada masa ini dan saya dapat tahu kita masih lagi mengirim jururawat-jururawat kita untuk menerima latihan khusus dalam bidang-bidang tertentu ke luar negeri yang tentulah akan memakan belanja yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang perlu saya sebutkan di sini ialah apabila kita bercakap tentang latihan, kalau saya salah saya minta dibetulkan, saya nampak pihak yang berkenaan agak tidak memberi perhatian yang berat kepada latihan sopan-santun kepada jururawat kita, yang ditekankan ialah latihan dalam bidang profesional. Memang itulah objektif sebenarnya kita melatih jururawat kita supaya mereka cekap dalam bidang profesion mereka, namun demikian sopan-santun adalah sebahagian daripada sifat seseorang jururawat itu. Kalau seseorang jururawat itu tidak dapat mengamalkan sikap sopan-santun kepada pesakit-pesakitnya, saya percaya orang yang hanya sakit sedikit akan bertambah tenat sakitnya dan orang yang sudah tenat sakitnya langsung tidak ada harapan. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan supaya pihak yang bertanggungjawab memasukkan suatu matapelajaran sopan-santun di dalam kurikulum kursus yang diambil oleh para jururawat kita.

Saya sedih menyatakan di sini bahawa walaupun kita telah menjalankan berbagai-bagai kempen untuk meningkatkan mutu sopan-santun kepada jururawat kita tetapi daripada pengalaman-pengalaman saya sendiri saya lihat mereka masih lagi berkisar dengan pesakit-pesakit, bahkan juga dengan orang ramai yang melawat ke hospital. Keadaan ini amat jelas kelihatan di dalam Wad-wad Kelas 3, kelihatan agak kurang di dalam Wad-wad Kelas 2 dan kalau Wad-wad Kelas 1 dan Wad VIP maka layanan mereka amat baik sekali. Inilah perbezaan yang saya tidak ingin lihat.

Saya sendiri selalu ke hospital dan kalau saya ke hospital saya tidak pernah mengidentifikasi diri saya sebagai seorang Ahli Parlimen supaya dapat saya lihat sendiri bagaimana mereka melayan orang ramai. Hanya baru beberapa bulan ini saya telah seolah-olah ditengking oleh salah seorang daripada jururawat di Hospital Besar Kuala Lumpur dan saya telah bertanyakan sesuatu dan beliau itu menjawab sambil lewa sambil berjalan, tak berhenti pun menerangkan sesuatu kepada saya dan apa yang diterangkan itu tidak jelas kepada saya dan saya terpaksa memanggilnya balik. Saya terpaksa berkata kepada dia: Saudari (begitulah maksudnya), kalau saudara hendak bercakap dengan orang ramai biarlah bercakap secara baik, janganlah bercakap sambil berjalan dengan tak tentu pangkal apa yang dicakapkannya. Dia telah menunjukkan muka yang marah kepada saya tetapi tak apalah, saya berharap beliau akan insaf apabila ditegur begitu selalu oleh orang ramai. Jadi inilah satu daripada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kempen-kempen yang telah kita jalankan selama ini ada kesannya tetapi barangkali tidak begitu berkesan. Itulah sebabnya saya rasa kita mustahak mengadakan matapelajaran sopan-santun di dalam kurikulum kursus mereka itu. Kalau mereka tidak lulus sopan-santun kita jangan beri dia certificate.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahulah di sini memberi lecture panjang lebar tentang virtue sopan-santun ini iaitu satu sifat ketimuran yang amat kita sanjungkan tinggi yang sekarang ini sudah mulai hilang di dalam diri orang-orang kita sendiri. Tetapi kerana kekurangan sopan-santun di kalangan para jururawat kita ini maka kedapatan ramai orang-orang lebih suka pergi berubat, menerima rawatan ke hospital-hospital prebet atau klinik-klinik prebet walaupun mereka terpaksa membayar dengan bayaran yang lebih tinggi. Mungkin dari satu segi ini baik oleh kerana ini boleh mengurangkan kesesakan di hospital-hospital Kerajaan, namun demikian oleh kerana mereka pergi itu ada sebabnya iaitu sebab tidak puas hati dengan layanan yang diberi, bukan layanan

perubatan, tetapi maksud saya layanan dari segi bukan perubatan yang diberi oleh hospital-hospital Kerajaan. Jadi sebab yang mereka beri itu ialah sebab mereka tidak senang dengan layanan ini, layanan ini lebih baik terdapat di kalangan hospital-hospital prebet.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tahu bahawa sopan-santun ini susah hendak ditanamkan di kalangan orang-orang yang sifat semula jadinya kasar dan tidak lemah-lembut, akan tetapi saya juga percaya bahawa seseorang itu boleh dilentur sifatnya kalau pihak yang bertanggungjawab misalnya menapis orang-orang ini daripada mula-mula lagi sebelum kita beri mereka itu certificate, kita pastikan mereka ini sudah cukup dengan sopan-santunnya dan sudah cukup dengan persiapannya untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang jururawat yang melayani orang-orang yang sakit.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.48 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, saya ada beberapa perkara perlu disentuh.

Yang pertama saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan sebab-musabab satu pindaan telah diadakan terhadap seksyen-kecil (1) seksyen 6 yang berkaitan dengan satu peruntukan untuk melayakkan orang-orang yang didaftarkan dalam maktab-maktab tertentu di United Kingdom dan Republic Ireland untuk didaftarkan di bawah Akta ini. Seksyen-kecil ini akan dipotong untuk menamatkan kelayakannya. Saya harap nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu sebab-musabab pindaan ini telah diadakan untuk menamatkan

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, seksyen berapa?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Seksyen berapa Yang Berhormat?

Tuan Chan Teck Chan: Menurut Huraian ialah seksyen 6, seksyen-kecil (1).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terang Yang Berhormat?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Ya.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, perkara yang saya akan sentuh ialah mengenai standard dan kecekapan perkhidmatan di bidang kejururawatan. Tadi kita ada dengar pandangan-pandangan yang diutarakan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh segelintir jururawat yang mungkin kelalaian tanggungjawab mereka. Mungkin mereka tidak faham apakah ertinya jururawat. Kalau kita menganalisis dari semantik, jururawat ertinya ahli. Ertinya seorang yang berkeahlian untuk merawat pesakit. Ini boleh dikatakan jururawat juga memikul tanggungjawab untuk merawat pesakit-pesakit secara perubatan walaupun dia bukan seorang pegawai perubatan yang berkelayakan. Saya tidak tahu adakah konsep ini mengenai jururawat sudah disemai, ditanamkan pada saat mereka menjalani kursus-kursus latihan. Saya fikir sikap ini perlu diorientasikan supaya mereka boleh menganggap mereka juga adalah seorang yang berkepakaran dalam bidang perubatan dan perawatan khasnya.

Dari pengalaman saya yang ada di hospital sepanjang dua bulan, saya boleh merasai bahawa sebahagian jururawat memang sangat bersikap kasar. Yang selalu membawakan salah faham, yang selalu membawa satu reaksi tidak baik terhadap imej perkhidmatan perubatan kita kerana jururawat adalah orang yang pertama yang selalu dihubungi oleh pesakit sebelum ianya dirawat dan diperiksa oleh seseorang pegawai perubatan. Maka peranan (role) dan tanggungjawab yang dipermainkan oleh jururawat ini adalah sangat mustahak.

Di sini saya menitikberatkan perkara ini kerana saya sendiri juga ada melihat dan menyaksikan kes-kes umpamanya di Ward Bersalin (Maternity Ward) di mana saya dapati bagaimana pesakit yang akan bersalin ini bila dia menteriak-teriak dia dimarahi dengan kata-kata yang sangat kasar sekali, tidak boleh didengar, Tuan Speaker. Saya merasa malu untuk menceritakan bagaimana pesakit-pesakit kaum ibu yang

akan bersalin itu dimarahi kerana kesakitan untuk melahirkan anak itu, bukan dia sendiri mahu (*Ketawa*) tetapi sebahagian jururawat yang tidak sabar untuk mendengar suara itu atau dipanggil berkali-kali, maka perkataan-perkataan yang sangat-sangat malu itu dikeluarkan. Ini telah mencetuskan kadang-kadang pergaduhan di antara pesakit dan jururawat. Saya harap Yang Berhormat Menteri bolehlah memberikan perhatian atas perkara ini. Saya tidak menuduh semua jururawat, hanya segelintir sahaja. Jangan seorang dua maka keseluruhan perkhidmatan kejururawatan itu dijejaskan.

Di sini juga saya perlu menegaskan betapa mustahaknya latihan lebih lanjut perlu diadakan untuk jururawat-jururawat selepas mereka tamat daripada latihannya dan bila mereka berkhidmat di rumah-rumah sakit. Ini adalah sangat mustahak kerana tidak adil atau tidak baik bagi Kementerian Kesihatan hanya memberikan mereka satu tugas untuk menjalankan perkhidmatan kejururawatan mereka seumur hidup tanpa memberikan apa-apa peluang untuk melanjutkan pengetahuan mereka mengenai hal-hal yang moden yang ada berkaitan dengan perawatan dan perubatan.

Saya jarang nampak jururawat-jururawat umpamanya dua atau tiga tahun sekali dihantar balik untuk menjalani latihan lagi supaya mereka boleh diperlengkapkan tentang pengetahuan-pengetahuan rawatan dan perubatan yang lebih moden kerana itu sangat mustahak khasnya jururawat-jururawat yang ditempatkan di kawasan luar bandar, umpamanya kita lihat ada klinik. Saya dapati hanya seorang bidan sahaja ada di sana. Tetapi adakah Kementerian Kesihatan sedari kadang-kadang di kampung, di pekan, komunikasi atau masalah pengangkutan, bila berlakunya hal-hal emergency yang perlu dilayani tetapi jururawat ini tidak tahu bagaimana memberikan rawatan kecemasan. Jika sekiranya Kementerian Kesihatan boleh mengkaji dasarnya menempatkan jururawat-jururawat yang berkelayakan lebih tinggi di klinik-klinik di luar bandar adalah mustahak kerana kalau hendak menunggu bila seorang doktor datang mungkin nyawa orang ini sudah terancam. Kalaulah ada seorang jururawat yang berpengalaman dan berkelayakan tinggi mungkin dia boleh melayani atau memberikan rawatan perubatan secara

emergency, mungkin nyawa ini akan dapat diselamatkan. Tidak guna pada namanya sahaja ada seorang bidan atau jururawat ditempatkan pada tiap-tiap klinik untuk 24 jam tetapi itu cadangan saya hanya semata-mata berasaskan pada kepentingan rakyat di masyarakat luar bandar khususnya di kawasan pendalaman yang mengalami masalah pengangkutan.

Tuan Speaker, perkara yang ketiga yang saya akan sentuhkan ialah mengenai tanggungjawab dan bidang kuasa Lembaga Jururawat itu. Saya memang bersetuju bahawa sebuah Lembaga perlu diadakan untuk mengkordinasikan segala perkhidmatan kejururawatan yang ada di Malaysia hari ini baik di Semenanjung Malaysia Timur atau di Semenanjung Malaysia Barat atau di mana-mana pun tetapi Lembaga ini tidak seharusnya dijadikan satu barang yang mengamalkan satu dasar perlindungan untuk membeza-bezakan. Umpamanya, kalaulah jururawat-jururawat yang dilatihkan dan dilayakkan di negara kita maka mereka akan didaftarkan sebagai jururawat yang sah atau yang berkelayakan tetapi jururawat-jururawat yang menjalani latihan di seberang laut biasanya mengalami satu masalah atau kadang-kadang mempunyai satu perasaan putus asa.

Saya pernah menimbulkan perkara itu iaitu mereka tidak diperakui dan mereka tidak diiktirafkan dan mereka tidak diterima untuk berkhidmat kepada Kerajaan kerana sekatan-sekatan yang ada dalam negara kita. Biarlah kita berealistik untuk menghadapi satu kenyataan iaitu Malaysia sekarang sedang menghadapi satu masalah kekurangan jururawat yang berkelayakan tetapi apakah sebabnya dan apakah salahnya bagi Kementerian Kesihatan, bagi Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengubahsuai dasarnya supaya jururawat-jururawat yang dilatihkan di overseas ini boleh diterima dan berkhidmat di negara kita. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh memberikan pandangan berat terhadap perkara ini kerana ini adalah merupakan satu pembaziran tenaga manusia yang sangat berguna.

Saya pernah menghadapi masalah-masalah itu, umpamanya, jururawat-jururawat yang menjalani training di United Kingdom bila balik ke Malaysia dan memohon pekerjaan

dengan Kerajaan tidak dapat apa-apa jawapan sehingga satu tahun dan mereka putus asa dan terpaksa balik ke U.K. untuk berkhidmat di sana. Apakah sebabnya Kerajaan sanggup dan sampai hati untuk rakyat Malaysia yang berkemahiran, yang boleh menyumbangkan perkhidmatan kepada negara kita itu disia-siakan. Ini adalah tidak baik dan saya harap dasar diskriminasi atau perlindungan bagi bidang kejururawatan ini bolehlah dihabiskan hanya demi kepentingan negara kita, demi kepentingan pembinaan nation building di negara kita. Ini adalah sangat mustahak.

Saya tidak ada perangkaan tentang berapakah tiap tahun jururawat-jururawat yang terlatih di luar negeri ini terpaksa pulang ke negara masing-masing untuk berkhidmat kerana mereka tidak dapat mencari kerja di negara kita. Malahan Malaysia sendiri menghadapi masalah kekurangan jururawat. Apa sebab dasar ciptaan manusia ini tidak boleh diubahsuai-kan supaya memberikan peluang mereka berlatih di Malaysia, khasnya kalau masyarakat luar bandar sangat kekurangan jururawat-jururawat yang berqualification tinggi itu maka orang itu boleh diterima dan ditempatkan di masyarakat luar bandar supaya sekurang-kurangnya rakyat kita di luar bandar bolehlah menikmati perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap satu perkara mungkin yang berpunca daripada sikap sopan-santun jururawat di general hospital yang saya akan timbulkan ialah mengenai sensitivity dari segi perkataan-perkataan dan bahasa yang digunakan dalam hospital itu, kadang-kadang disebabkan oleh communication problem, maka menimbulkan banyak masalah yang ada berkaitan dengan secara tidak langsung dengan perkauman. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berkata atau menuduh di dalam general hospital ada dasar perkauman atau tidak kerana kadang-kadang disebabkan Malaysia adalah sebuah masyarakat yang berbilang bangsa, saya sendiri ada saksikan bagaimana seorang tua nyanyuk yang tidak tahu cakap dalam Bahasa Malaysia nampaknya seolah-olah dia dianiayai, disiksa dengan teriak atau perkataan-perkataan yang tidak senang didengar. Saya harap masalah communication ini boleh di atasi, umpamanya, kalaulah boleh bilangan komposisi jururawat boleh mencerminkan

komposisi kaum yang ada di Malaysia mungkin masalah ini boleh diatasi. Saya memang tahu pesakit dari keturunan Cina memang suka makan daging babi kalau makanan itu atau sudu dan garpu sampai kepada jururawat yang beragama Islam, mereka akan berasa sangat sensitif untuk mengangkat piring atau mangkuk itu. Ini adalah sangat sensitif. Kalau boleh dibuat arrangement jururawat dari keturunan Cina untuk melayani pesakit dari bangsa Cina supaya perkara sensitif itu dapat dielakkan. Kita juga tidak mahu melihat perkara ini akan menjadi satu masalah yang disalahfaham menjadi masalah perkauman.

Akhirnya, saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah tindakan telah diambil untuk mengawal atau mengatasi perkhidmatan jururawat di klinik perebet dan juga di kilang-kilang. Biasanya kilang-kilang ada mempunyai klinik dan juga mereka ada mempunyai jururawat sendiri. Maka apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menjamin dan memperindungi kepentingan orang ramai supaya jururawat yang digunakan oleh klinik perebet itu adalah merupakan jururawat yang pernah menjalani latihan yang sewajarnya tetapi bukanlah sebarang orang digaji kemudian diberikan nama sebagai jururawat kerana mungkin mereka itu akan memberikan ubat yang salah kepada pesakit.

Saya sendiri pernah bekerja di kilang, saya tahu, di kilang yang besar itu mempunyai kliniknya sendiri, mereka akan menggaji jururawat kadang-kadang yang mempunyai kelayakan dan pengalaman tetapi ada yang kurang kerana mereka susah mendapat tenaga yang berkemahiran itu. Maka saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah tindakan atau langkah-langkah yang telah diambil untuk memeriksa perkhidmatan private clinic itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.03 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Jururawat 1950. Saya tertarik hati berkenaan dengan Seksyen

Kecil (1) yang menghendaki nama-nama semua orang yang termasuk dalam Daftar Jururawat yang disiarkan pada tiap-tiap tahun dalam *Warta*.

Selain dari itu saya ingin menarik perhatian Timbalan Menteri berkenaan seorang jururawat di kawasan saya, di Hospital Daerah Tapah yang mana seorang jururawat telah berhenti sebelum 1972 kemudian dia bekerja semula memohon sebagai seorang penolong jururawat tetapi sehingga hari ini masih belum dapat lagi menjadi seorang jururawat yang tetap. Jadi malanglah sungguh kalau sekiranya seorang jururawat itu terumbang ambing tidak dapat menggunakan kebolehannya sebagaimana rakan-rakannya yang lain. Selain daripada itu, saya harap pihak Kementerian Kesihatan mengambil daya usaha kalau boleh beri balik seniority beliau itu kerana ini adalah satu kecuaiannya saya anggap daripada Kementerian Kesihatan.

Yang kedua, bidang jururawat ini patutlah sangat diadakan latihan psikologi kerana nampaknya jururawat itu kebanyakannya tidak memahami psikologi dengan sebab saya melihat kurang sopan-santun dan adat tata tertib mereka, setengahnya tak berapa seronok kita lihat contohnya, apabila mereka melayani orang-orang tua. Tetapi saya tak setuju ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi mengatakan jururawat Melayu memandang jijik kepada seorang yang tua nyanyuk iaitu pesakit tua bangsa Cina. Jadi perkara ini saya tak setuju sama sekali kerana beliau itu maklumlah trend Pembangkang memang tidak suka sangat apa yang kita buat. Pendek kata, Kementerian Kesihatan beliau hendak menentukan orang-orang Cina sahaja kena siksa

Tuan Chan Teck Chan: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan berkenaan masalah yang berlaku itu kerana itu saya rasa adalah masalah communication yang akan menimbulkan satu salah faham perkauman. Saya hanya memberikan satu contoh. Saya tidak kata haruslah setiap pesakit Cina dilayani oleh jururawat bangsa Cina, saya tidaklah kata begini. Kadang-kadang orang-orang tua yang tidak tahu Bahasa Malaysia mungkin akan berasa satu masalah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan apa yang dikehendaki.

Tuan Chan Teck Chan: Penjelasan saya ialah bukan saya menuduh—tidak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat bersetuju beri penjelasan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Saya tak setuju beliau memberi penjelasan (*Ketawa*)—tetapi penjelasan sudah diberinya tak mengapalah. Saya hendak membetulkan kedudukan yang sebenarnya. Pendek kata jururawat yang mana dia tidak mempunyai pelajaran psikologi ataupun pelajaran dakwah sama ada orang Cina, Melayu atau India. Pada orang Melayu kurang pelajaran dakwah. Orang-orang Cina dan India kurang cara psikologi melayani pesakit, kadang-kadang kita tengok mereka menggunakan bahasa Cina waktu orang tua Melayu datang ke hospital.

Pada keseluruhannya jururawat itu tidak menggunakan psikologi macam mana menyambut orang sakit, bagaimana melayani orang sakit, tetapi apa yang dapat mereka tahu tegur dengan cara kasar. Itulah yang saya harap Kementerian Kesihatan di institusi latihan jururawat hendaklah diadakan matapelajaran sopan-santun sebagaimana cadangan Ahli dari Ulu Trengganu tadi. Apabila mereka tak lulus dalam pelajaran akhlak, psikologi ataupun sopan-santun itu tak usah diberi sesuatu kelulusan kepada mereka. Pesakit-pesakit yang hendak masuk ke hospital itu untuk mendapat rawatan tetapi setengahnya itu lari dan setengahnya tak seronok. Apabila saudara pesakit itu bertanya: Bagaimana sakit saudara saya di dalam wad itu? Jawab jururawat: Entahlah, kata doktor mungkin tak lama lagi. Eloklah maccik bersiap-siap di rumah. Ini bukan suatu jawapan yang baik. Orang tua dan saudara mara yang datang itu sepatutnya berasa lega, tetapi sebaliknya dengan kata-kata itu kalau dia mengidap penyakit darah tinggi, mungkin dia akan mati serta-merta. Inilah yang kita tidak kehendaki.

Selain daripada itu kalau dapat di dalam masa belajar di institusi ini hendaklah diajar pelajaran ugama dan cara-cara mereka bang, waktu anak lelaki dilahirkan, "kamat" hendaklah dibisikkan kepada anak perempuan, ini adalah mustahak dan mengucapkan "kalimah syahadat" di telinga orang yang hampir mati itu. Jadi nampaknya keadaan yang ada hari ini sudahlah setengah jururawat pakai seluar, setengah pakai gown

lagi, itu sudah tidak ada tertib dalam agama. Kemudian bila orang hendak mati, tunggu-lah tengah ternganga-nganga sedikit lagi habiskan, itu sahaja. Jadi alangkah malangnya negara yang berperlembagaan yang menentukan agama Islam sebagai agama Persekutuan ada anak orang Islam, ada anak bumiputra di situ menengokkan orang Islam yang menunggu mautnya dengan cara menunggu sahaja, macam menunggu anak ayam mati. Jadi inilah yang menyedihkan dan saya tidaklah hendak bercakap panjang lagi cuma dari segi sopan-santun. Oleh kerana tiada sopan-santun bukan sahaja pesakit-pesakit itu sahaja dimarahinya tetapi dia rasa dia lebih besar, termasuklah atenden-atenden marah semuanya dengan caranya sendiri. Kemudian di mana jururawat-jururawat yang sebagai isteri kepada pegawai Division Satu dia lebih lagi, Division Satu itu dibawanya ke sana. "Doktor besarkah atau suami saya besar"? Jadi dengan perasaan macam itu habis orang dilantangnya dalam hospital itu.

Itulah sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan) 1980.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan.

5.12 ptg.

Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan di sidang ini petang ini dan menyokong tindakan pihak Kerajaan atas usahanya mengambil berat tentang keadaan sistem jururawat yang ada di negeri kita pada masa ini. Ini ialah satu bukti pandangan berat pihak Kerajaan ataupun satu manifestasi pandangan berat pihak Kerajaan terhadap keadaan hidup setiap orang dalam masyarakat negara ini. Kita mengucapkan syabas atas tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang ini izinkanlah saya mengemukakan beberapa masalah yang saya ingin diselesaikan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Pertama, ialah masalah transfer jururawat-jururawat. Saya timbulkan masalah ini kerana

transfer ialah pengedaran tempat bekerja, saya timbulkan perkara ini kerana saya telah mengalami dari seorang kawan yang bekerja sebagai seorang guru di sebuah sekolah di luar bandar yang kebetulan telah berkahwin dengan seorang jururawat. Jadi kebetulan juga nasib tidak baik jururawat yang dikahwininya itu bekerja di Bahagian Ketiga di Sarawak dan dia sendiri bekerja di Bahagian Pertama. Permohonan selalu dikemukakan supaya si isterinya itu dapat memohon untuk transfer ke Kuching untuk bersama-sama bekerja di mana guru itu bekerja, tetapi selama dua tahun belum lagi masalah ini diselesaikan. Mungkin saya menimbulkan masalah ini hanya melibatkan perseorangan yang tertentu, tetapi ini ialah satu contoh bila mana masalah transfer, di kalangan jururawat adalah satu masalah yang rumit, yang perlu pandangan berat dari pihak Kementerian yang tertentu.

Saya mencadangkan cara untuk kita menyelesaikan masalah ini ialah tidak lain dan tidak bukan ialah untuk mewujudkan setidak-tidaknya di tiap-tiap daerah sebuah Hospital Daerah supaya dengan cara tidak langsung kita akan menyediakan tempat untuk lebih ramai jururawat bertugas dan mungkin si isteri kepada guru ini tadi dapat ditempatkan atau ditugaskan di Hospital Daerah di mana dia sedang bertugas.

Cara yang kedua ialah saya rasa Tuan Yang di-Pertua, untuk pihak Kementerian memikirkan cara-cara untuk melepaskan ataupun membenarkan mereka ini transfer akan dapat ditinggalkan sedikit.

Perkara yang ketiga yang ingin saya timbulkan ialah masalah yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi iaitu masalah sopan-santun. Lebih kurang dua bulan yang lepas anak saya tiba-tiba diserang satu penyakit di rumah saya iaitu di kawasan saya 60 batu jauhnya dari Kuching. Jadi oleh kerana penyakit itu tidak diubati oleh seorang doktor di daerah terpaksa saya bawa ke Kuching. Semasa datang ke Hospital Besar di Kuching saya berjumpa dengan seorang jururawat yang bertugas di kaunter, saya memberitahu anak saya sakit dan minta kalau dapat diadmit, beliau menyatakan supaya saya pergi ke Poly Klinik dahulu untuk diperiksa kerana mereka memerlukan

laporan dari Poly Klinik, Saya berkata macam mana hendak ke Poly Klinik kerana saya ini datang dari Simunjan 60 batu jauhnya, jadi saya minta kalau dapat diperiksa di sini. Dia tidak setuju juga dan menyuruh saya pergi ke Senior Service Clinic. Masa itu sudah pukul 11.00 pagi, saya pun pergi ke Senior Service Clinic membawa anak, tetapi jururawat di Senior Service Clinic menyatakan tidak dapat hendak diperiksa kerana masa sudah lepas iaitu pukul 10.00 pagi ialah masa yang ditetapkan untuk laporan yang terakhir. Saya terpaksa balik ke kaunter Hospital Besar memohon untuk diperiksa dan disiasat sama ada anak itu layak untuk dimasukkan di hospital atau tidak. Dengan desakan itu barulah si jururawat itu memeriksa dan menerima di masa itu didapati suhu anak saya itu ialah 103.5 darjah. Dia sokong supaya anak saya diadmit ke hospital.

Saya bersyukur kepada Tuhan masa itu, jadi ini satu bukti juga menunjukkan bahawa sifat sopan-santun itu perlu dititikberatkan yang harus dibuat dan dilakukan oleh pihak Kementerian yang tertentu ialah supaya dalam melatih jururawat itu semua aspek-aspek yang penting untuk seorang jururawat harus diajar—sopan-santun, aspek kerohanian, psikologi dan sebagainya.

Cara yang kedua ialah supaya amalan yang tegas, saya setuju dengan Yang Berhormat yang telah bercakap tadi, amalan tegas hendaklah diberikan kepada mereka yang tidak menjalankan tugas sebagaimana dikehendaki kepada dan oleh seorang jururawat. Seorang jururawat seharusnya sopan-santun, lemah-lembut, senyum selalu dan sebagainya. Kadang-kadang pesakit ini apabila tengok senyum dia terus boleh baik dan boleh balik ke rumah, boleh main football terus.

Yang ketiga, saya rasa kalau dapat pihak pentadbiran sesebuah hospital ataupun mana-mana tempat di mana ramai jururawat harus mewujudkan satu sistem supaya tiap-tiap bulan satu penilaian dilakukan terhadap tingkah laku jururawat ini. Kadang-kadang jururawat ini ada mood dia, kalau dia berkelahi dengan boyfriend mungkin tidak tentu fasal dia selalu marah. Kalau dia sudah ber-suami apabila berkelahi dengan suaminya di rumah ia juga marah begitu, jadi kalau ada satu sistem diwujudkan oleh pihak pentadbir untuk mengkaji tingkah laku, mood jururawat ini. Maka saya rasa kita boleh dapati

kalau seorang jururawat itu moodnya seminggu itu tidak baik suruhlah cuti satu minggu dan sebagainya, mungkin pihak Kementerian tidak bersetuju tetapi itu saya cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya cadangkan ialah oleh kerana kita sekarang kekurangan jururawat adalah baiknya saya rasa untuk mempercepatkan proses memperbanyakkan bilangan jururawat terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar di mana kita tidak boleh menghantar jururawat secara spontan ke tempat-tempat yang jauh dari kota dan bandar, saya rasa kita harus melatih, memberi ceramah dan sebagainya kepada bidan-bidan kampung, tukang-tukang ubat kampung ataupun dukun-dukun kampung untuk menolong jururawat dalam menjalankan tugasnya. Kerana mereka ini telah mempunyai pengalaman dan kita harus mengutilisasikan, menyuaigunakan segala pengalaman yang sudah ada pada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi yang ingin saya kemukakan ialah bersabit dengan kekurangan jururawat tadi. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Perak yang menyatakan bahawa jururawat kita begitu kekurangan. Ini memang benar. Di tempat kita ini kadang-kadang seorang jururawat ditugaskan untuk menjaga 50 orang ataupun 10 orang pesakit tetapi di tempat-tempat seperti di Amerika dan negara-negara lain yang telah maju seorang jururawat menjaga seorang pesakit. Memanglah saya sedari bahawa Kerajaan belum dapat memuaskan kehendak ini kerana kekurangan kemudahan, kewangan dan sebagainya untuk memberi gaji kepada mereka ini tetapi saya rasa tindakan harus diambil untuk mendekatkan kita kepada sistem yang lebih tepat, yang lebih baik untuk pesakit-pesakit kita.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan tempat tinggal. Saya juga memohon kepada pihak Kementerian untuk menyediakan tempat tinggal yang sesuai untuk jururawat-jururawat yang ditugaskan terutama sekali di luar bandar supaya mereka ini dapat menjalankan tugas dengan selesa

sekiranya tempat tinggal untuk mereka ini disediakan supaya mereka tidak berasa tidak senang hati.

Saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan di sidang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

5.22 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong pindaan yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Di samping itu saya juga menyokong pendapat yang telah dikemukakan oleh seorang kawan saya dan ada di antara pendapat saya berlainan sedikit. Pertama ialah apa yang dikatakan tadi di segi tidak ditulis kesemua nama supaya dihapuskan. Tetapi walau bagaimanapun, saya berpendapat tentang nama-nama pada baju-baju jururawat itu patutlah dikekalkan juga dan dimestikan semua jururawat-jururawat memakai nama pada baju masing-masing kerana saya dapati ada jururawat-jururawat yang memakai nama pada bajunya dan kadangkala kadang ada di antaranya tidak memakai nama.

Tuan Yang di-Pertua, jururawat adalah satu perkara yang paling membaikkan rakyat. Pada pendapat saya mereka adalah lebih penting daripada doktor, walaupun doktor itu berkebolehan. Sebab saya kata begitu ialah walaupun yang akan memeriksa sekali gus ialah doktor tetapi jururawat menghadapi dan dimestikan duduk dalam wad menjaga orang sakit selama 24 jam dengan bergilir-gilir. Sebab saya kata demikian, walaupun Timbalan Menteri ketawa dengan apa yang saya kata; katakanlah doktor memeriksa dan menulis satu ubat tetapi kalau jururawat silap memberi ubat yang ditulis oleh doktor tadi maka ubat yang baik itu jadi tidak baik. Sebab itulah saya kata jururawat adalah sungguh penting kepada orang sakit. Doktor cuma akan tulis, kalau tersilap beri ubat, silap campurnya apatah lagi silap beri, yang baik sudah jadi tidak baik.

Yang kedua, sebagaimana saya katakan tadi jururawat menggunakan masanya amat banyak untuk mengubati, melayani orang

sakit dan sebagainya. Maka dengan sebab itulah jururawat ini amatlah perlu bagi orang sakit dan saya tegaskan sekali lagi kebaikan kesihatan untuk membaikkan orang yang sakit boleh dikatakan 60% berada di tangan jururawat selain daripada berada di tangan doktor.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya tidak bersetuju tadi ialah pendapat kawan saya. Bukanlah saya hendak berbahas dalam Dewan ini baik dengan Yang Berhormat dari Teluk Anson atau Ulu Trengganu yang mencadangkan patutlah lelaki juga menjadi jururawat, kononnya ramai lelaki yang tidak ada kerja. Tetapi kalau kita kaji semula, di segi kerja saya yakin kebanyakan askar dan polis jarang sangat yang diambil dari orang perempuan. Jadi elok sangat kalau dipandang dari segi menganggur, biarlah jururawat ini dipegang oleh orang perempuan sahaja. Lagi pun melayan orang sakit ini tidak sama dengan orang perempuan, tidak payah kata perempuan tua atau perempuan muda. Kita sebagai seorang anak, saya sendiri kalau semasa saya sakit, walaupun ibu dan bapa keduanya saya kasih tetapi layanan dari ibu, tangan ibu yang memicit dan sebagainya, apatah lagi waktu kita sakit, mesranya lebih. Walaupun kita takut kepada bapa, kasih kepada bapa tetapi masa sakit kita berkehendakkan ibu yang melayani lebih kerana layanan daripada seorang perempuan kita tahulah apatah lagi kepada yang sakit.

Oleh sebab itu saya berpendapat jururawat ini hendaklah dikekalkan semua perempuan. Biarlah atendan daripada lelaki, tentang jururawat tidak payahlah ambil lelaki. Menjadi jururawat adalah sangat bersesuaian dengan kerja perempuan. Lagi pula kalau hendak dikira banyak penganggur, perempuan tidak boleh kerja askar. Kalau hendak kerja pun hanya sebagai jururawat juga, tukang masak dan sebagainya. Kalau hendak menembak dan sebagainya itu adalah hak lelaki yang menjalankannya. Maka perkara ini khaskanlah kepada perempuan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju juga dan saya haraplah Timbalan Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang serius tentang perkara ini. Semua orang kata di segi sopan santun amat penting. Ini betul, baik di Hospital Kangar, Hospital Tapah atau di hospital mana sekalipun tetapi saya hendak tambah sedikit supaya bersopan santun dan berperni kemanusiaan dengan tidak memilih

bulu. Sebab saya kata begitu, jururawat ini bukan tidak ada sopan santun, kadang-kadang lebih daripada bersopan santun tetapi dia memilih orang; kalau orang itu agak bergaya sedikit bukan setakat dia layan tetapi terus dijadikan suaminya. Ini biasa berlaku di hospital manapun. Ada pula yang jadikan kekasih sehingga tidak boleh lupa sampai ke hari ini. Kalau Yang Berhormat ingin tahu saya boleh beritahu di luar, sebab hendak beritahu dalam Dewan ini pelik sangat (*Ketawa*).

Kerana jururawat ini manusia, dia juga ada perasaan jijik. Maklumlah orang-orang yang sakit ini, ada setengah lukanya berbau dan sebagainya, ada yang tua dan tidak larat bangkit, jadi datang perasaan jijik jururawat ini kepada orang sakit itu. Ini yang saya harap tadi, biar ada sopan santun dan berperilaku kemanusiaan dengan tidak memilih bulu, diutamakan kepada yang daif dan sakit.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kalau kita hendak kata jururawat tidak bersopan santun, orang-orang yang duduk di Kelas Satu di mana orang-orang kenamaan diasingkan, tidak pernah didengar jururawat tidak bersopan santun. Yang tidak bersopan santun ini kita dengar seperti kata Yang Berhormat dari Ulu Trengganu tadi ialah kepada manusia yang duduk di Kelas Tiga apatah lagi yang daif; ini kerap kali berlaku. Saya akui jururawat bersopan santun bahkan bukan setakat itu sahaja.

Saya berharaplah kepada jururawat yang kita harap untuk membaikkkan orang sakit dan saya ucapkan terima kasih kerana Kerajaan telah memberi pertimbangan yang sewajarnya, menaikkan gaji mereka dan sebagainya; dalam rumah sakit atau di masa mereka merawat orang sakit dan juga di masa mereka berada dalam latihan di tempat masing-masing. Saya berharaplah apa yang saya kata tadi akan diberi perhatian yang sewajarnya supaya bersopan santun, berperilaku kemanusiaan yang sepenuhnya. Itu harapan saya.

Tentang sopan santun dan timbang rasa seperti saya katakan tadi, dua orang pesakit di Hospital Kangar—saya boleh beritahu namanya tetapi hendak beritahu di sini

kurang manis tetapi kalau Yang Berhormat ingin tahu juga saya boleh beritahu—sudah berkahwin dengan jururawat kerana layanan, rawatan yang begitu baik, tertarik pada pesakit itu dan berkahwin terus. Ini berlaku di Hospital Kangar. Seorang lagi ialah sahabat saya sendiri, kerana dia seorang yang menjaga kesihatannya, jaga badan, handsome dan cantik pula orangnya, dia lekat jadi kekasih dengan jururawat itu sampai ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa ada kenamengena dengan pindaan ini? (*Ketawa*). Apa hubungan dengan pindaan kepada Akta ibu ini?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, pindaannya berkenaan dengan jururawat. Jururawat yang merawat di hospital kata kawan-kawan saya tidak bertimbang-rasa. Saya kata bertimbang-rasa tetapi kepada orang-orang tertentu sahaja. Ada yang bertimbang-rasa hingga kahwin terus. Itu punca-nya yang saya cakapkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Jadi dengan itu saya berharap kepada Timbalan Menteri yang berkenaan supaya memandang serius terhadap apa yang saya katakan tadi. Ini saya berharap sangat kerana bila semua sudah tumpu sebulat suara, pendek kata saya yakin yang enam orang bercakap pada petang ini yang keenam-enam menyentuh tentang sopan santun, mengambil timbang rasa, boleh dikatakan sekata. Dengan sebab itu saya harap diambil perhatian serius atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jururawat ini mereka banyak yang baik, sebab itu Kerajaan mengambil tindakan yang sewajar, walaupun ada yang tidak bertimbang rasa tetapi banyak yang baik. Mereka ini pada pendapat saya seperti mana saya katakan tadi walaupun mereka tiada kelulusan kedokteran tetapi kalau alang-alang doktor dari segi kepakaran, di segi kemahiran, mereka ini lebih baik daripada setengah-setengah doktor. Sebab itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ayer Hitam kelmarin katanya ada setengah doktor itu amat muda, iaitu cara kemahiran itu kurang. Dengan sebab itu, beranilah saya kata dengan terus terang, ada di antara jururawat itu yang sudah mahir, bertahun-tahun mereka bekerja, boleh kata mereka sudah

cam, ia sudah tahu ini ubat, apa yang patut dibubuh ubat untuk pesakit itu. Bila seorang itu sakit sebelum doktor periksa, boleh kata dia sudah tahu sakit ini, ini ubat dia; penyakit ini, ini ubatnya. Cuma tiada degree, tiada surat kenyataan yang dia ini ada kelulusan ke-doktoran.

Saya mencadangkan selain daripada mem-banyakan pusat latihan sebagaimana di-cadangkan oleh kawan-kawan saya tadi, di-berikan satu keistimewaan kepada jururawat-jururawat yang sedikit sebanyak ada kelulusan Senior Cambridge dan ditambah pula dengan STP dan sebagainya, diberi satu keistimewaan untuk mereka ini mendapat kelulusan kedok-toran sebagaimana guru-guru hari ini di-utamakan guru-guru sudah mengajar diberi kelulusan dan sebagainya. Kalau perkara ini sudah ada, saya ucapkan terima kasih. Kalau tiada lagi, saya pun tidak tahu, seperti yang dibangkitkan oleh wakil dari Ayer Hitam bahawa doktor-doktor ini muda sangat.

Kita jarang dapat doktor sekarang ini yang sudah tua baru lulus jadi doktor. Saya harap kalau boleh, kepada jururawat-jururawat yang sudah lama terutama yang telah ber-pangkat suster dan sebagainya diadakan satu course supaya mereka ini mendapat kelulusan sebagai doktor dan dengan itu kita boleh mengiktiraf mereka sebagai doktor yang mempunyai kemahiran, buat kata orang: alah bisa tegal biasa. Dari segi biasa maka ini amatlah lama. Saya berharap patut di-adakan satu peruntukan atau diadakan satu syarat dengan Kementerian Kesihatan diberi keutamaan kepada jururawat yang dipandang baik, ada kebolehan sedikit sebanyak untuk mengambil kelulusan doktor dengan cara istimewa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya berharap supaya jururawat ini seperti kita dapati hari ini yang kita telah mengada-kan berbagai-bagai kelulusan, mereka ini kadang-kadang payah hendak pergi ke tempat-tempat yang terpencil, umpamanya di Perlis ada dua tiga tempat yang kadang-kadang tidak begitu seronok kerana keadaan kampung itu tidak begitu baik. Saya harap biarlah ada kawalan yang ketat, kita tempat-kan mereka di depan-depan rumah polis atau-pun kalau tiada rumah polis biasa di tempat-tempat yang selamat.

Yang kedua, saya berpendapat kalau pihak Kerajaan telah meletakkan askar di luar dari-pada kawasan, diberi selain daripada elaun yang khas ataupun gaji khas, saya harap juga jururawat yang kita tempatkan yang lain dari-pada bandar atau tempat ini kita agak terpencil sedikit yang keadaannya susah hendak pergi ke bandar dan sebagainya, kita beri elaun yang berlebihan sebagai elaun kepayahan. Kalau Kerajaan boleh adakan elaun barang mahal dan sebagainya, patutlah kita menimbangkan kepada tempat yang kita letakkan yang jauh sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengesyor-kan kepada Kerajaan supaya jururawat khas-nya jururawat di kelinik, misalnya kelinik gigi di sekolah-sekolah patut ditambahkan lagi ataupun dijadikan tiga sekolah satu kelinik pergigian dan ditambahkan dengan jururawat dan juga kalau di tempat-tempat yang besar, patutlah ditempatkan sebuah kelinik khas untuk jururawat merawat orang yang sakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya menyokong syor yang dibawa oleh kawan saya dari Semenanjung berkenaan dengan penempatan ataupun pertukaran. Hari ini kita dapat tahu banyak jururawat yang sudah berkahwin asalnya tidak berkahwin, kemudian berkahwin, tidaklah ia akan meng-ikut suaminya. Maklumlah, Tuan Yang di-Pertua, tabiat yang ada pada manusia, itu tabiat semula jadi yang kita terpaksa ber-kahwin baik lelaki atau perempuan, jadi bila berkahwin yang suaminya di tempat lain dan isterinya di tempat lain, apatah lagi mereka yang muda remaja, sedangkan kita inipun kadang-kadang kalau lebih daripada dua minggu sudah terasa lain, apatah yang muda rumaja yang suami di Kuala Lumpur isterinya di Sarawak, tentulah kita berasa tidak seronok, yang kukuh iman, bersyukur kepada Tuhan, macam manapun perbuatan yang curang yang kadang-kadang biasa kita dengar. Dengan sebab itu, saya berharap untuk menjadi kebaikan, kadang-kadang manusia ini bila tiada sopan santun, seperti kata kawan saya

tadi, dia "frust". Biasanya dia frust di rumah, dia membuat kerja di sekolah tidak baik, kadang-kadang di kalangan guru-guru pun sentiasa berlaku kerana dia frust dengan suaminya atau isterinya di rumah, maka tempat melepaskan geramnya ialah kepada anak-anak muridnya, kadang-kadang murid-murid itu tidak bersalah kena hentam. Apatah lagi kalau pesakit dengan jururawat. Kalau hamba Allah jururawat itu dibebankan di rumah, dia lepas geram dengan orang yang sakit, akhirnya orang sakit itu lagi bertambah teruk.

Tuan Yang di-Pertua: Ini mendalam sangat pengetahuan Yang Berhormat dalam perkara ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Dengan sebab itu, saya harap diberi satu keistimewaan juga kepada jururawat ini. Kalau dia hendak minta tukar terutama yang hendak mengikut suaminya, beri keutamaan supaya jangan ada penyakit "frust" tadi.

Yang kedua, saya berharap ditukarkan untuk tempat dia sendiri, kerana perasaan manusia ini, kalaulah dikatakan dia merawat di tempatnya sendiri, manusia ini ada perasaan juga, bila dia lihat yang merawat itu orang kenalannya, orang yang merawat itu pun ada berasa lain, kerana dia hendak merawat keluarga dia sendiri, maka si yang hendak dirawat itupun, orang yang sakit itu, apabila dia tahu orang yang hendak merawatnya itu adalah orang yang dia kenal, dia berperasaan lain, seolah-olah dia berasa lapang kerana tempat yang dia datang ini kenalan dia, orang sekampung dia. Jadi seboleh-bolehnya kalau tidak menjejaskan sangat Kementerian ini, cuma dari segi tadbir sahaja, iktiarlah sedaya upaya menempatkan misalnya bukanlah saya katakan kedaerahan, walau macam manapun semangat kedaerahan pada manusia tidak boleh kita nafi, semangat kenegaraan, ketempatan ini ada pada tiap-tiap manusia yang kita tidak boleh nafi. Jikalau perkara ini tidak payah sangat, dua perkara ini saya harap utamakanlah. Tempatkanlah jururawat-jururawat ini yang agak sesuai terutama sekali

yang saya katakan tadi dengan suaminya, yang kedua seboleh-bolehnya tempatkan kepada tempat-tempat dari mana dia berada. Dengan jalan ini, saya berpendapat mengurangkan sedikit beban orang yang sakit, kadang-kadang yang kita dapati setengah-setengah jururawat yang dicadangkan oleh rakan-rakan saya tadi tidak sopan-santun.

Pada petang ini banyak dicakapkan oleh kawan-kawan saya termasuk saya ialah di segi sopan-santun, peri kemanusiaan, ini yang banyak. Bila kita beri tahu kepada Menteri, Menteri kata hantar report. Kadang-kadang kita beritahu kepada Pengarah Perubatan, dia kata hantar report. Jadi dengan sebab itu saya ulangi apa yang saya katakan tadi mesti dituliskan nama-nama pada baju mereka, kemudian diadakan satu kotak khas baik di hospital ataupun di mana, bila satu-satu pegawai atau jururawat menjalankan kerja yang tidak begitu menyenangkan orang yang sakit, ini berlaku di tiap-tiap hospital. Saya harap perkara ini diambil tindakan yang sewajarnya kepada sesiapa yang bersalah, patutlah diambil tindakan dan saya syorkan sekali lagi seperti saya kata kepada siapa yang telah memberi perkhidmatan yang baik, ada sedikit sebanyak kelulusan, ini amat patut bukan setakat memberi gaji yang lebih, diberi kelebihan dengan kita syorkan secara istimewa hingga mendapat kedoktoran.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya dengan sesungguhnya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Panti.

5.40 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Jururawat 1950.

Saya di sini menyentuh sedikit sahaja iaitu yang ada kaitan dengan pindaan Akta itu menurut Seksyen 5 yang menghendaki bahawa latihan yang ditetapkan hendaklah dijalankan di sesuatu institusi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana dalam usahanya selama ini melayan pesakit-pesakit sama ada di dalam bandar lebih-lebih lagi di luar-luar bandar. Dan saya dapati perkhidmatan jururawat ini semakin sehari adalah semakin cemerlang. Ini saya percaya adalah dengan inisiatif yang lebih daripada Kementerian Kesihatan. Cuma ada beberapa perkara yang saya fikirkan perlu umumnya kita ceritakan mengenai latihan memang mustahak sangat. Kerana lebih-lebih lagi kalau jururawat-jururawat yang mendapat latihan dan pelajaran di luar negeri umpamanya di United Kingdom. Apabila jururawat kita mendapat latihan di United Kingdom terutama sekali kepada jururawat Islam sudah tentu masyarakat dan juga cara hidup masyarakat di England tidak sama dengan cara hidup masyarakat kita di Malaysia lebih-lebih lagi di segi agama. Dengan sebab itu sekalipun mereka lulus latihan di mana-mana di luar negeri terutama negeri yang bukan Islam hendaklah diberi latihan akhlak, latihan agama oleh kerana kebanyakan jururawat-jururawat kita selama ini saya percaya kurang mendapat latihan agama.

Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana kadang-kadang terdapat pesakit-pesakit di dalam hospital ada kalanya sudah sampai waktu nazak umpamanya. Kalau pesakit itu sudah sampai waktu nazak terutama pesakit Islam yang saya maksudkan kebetulan pada waktu itu tidak ada dihadiri oleh kaum keluarga, maka sekiranya ada jururawat Islam yang mendapat latihan cara akhlak dan agama, maka jururawat itu boleh membantu dan menolong pesakit yang sedang nazak itu dengan membisikkan dua kalimah syahadah ke telinganya dan ini memberi kesan dan mengikut ajaran agama menolong pesakit tadi. Kerana pesakit tadi waktu nazak itulah masa yang terlalu critical kerana masa itulah akan berhimpun semua iblis hendak menggodanya pesakit tadi dan menyelewengkan akidahnya supaya mengikut jejak iblis. Dengan adanya pertolongan daripada saudara-saudaranya

sesama Islam membisikkan dua kalimah syahadah sehingga akhir nafasnya maka ini akan mendapat pertolongan kepada pesakit itu untuk terus mendapat rahmat daripada Allah (s.w.t.). Jadi, dengan adanya latihan keagamaan kepada jururawat-jururawat ini nanti akan dapat membantu pesakit-pesakit Islam.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perlunya latihan ini juga. Selama ini pihak Kementerian Kesihatan terdapat menghantar jururawat-jururawat yang terlalu muda. Kalau jururawat-jururawat yang muda lebih-lebih lagi jururawat yang belum berumah tangga, maksud saya yang belum berkahwin jikalau ditempatkan di dalam hospital di dalam bandar saya rasa itu tidaklah menjadi perkara sangat tetapi sebagaimana yang ada sekarang ini terdapat banyak jururawat-jururawat muda dihantar ke kampung-kampung ataupun ke luar-luar bandar. Implikasinya ialah, kadang-kadang kalau jururawat terlalu muda sangat orang yang tidak sakit menjadi sakit. Pemuda-pemuda yang tidak sakit jadi sakit kepala. Itulah sebab Ahli Yang Berhormat saudara kita tadi kata ada yang menyambar jururawat itu, terus dijadikan isterinya. Jadi cadangan saya supaya jururawat yang dihantar ke luar-luar bandar jangan terlalu muda sangat dan jangan terlalu tua sangat hantarlah orang-orang yang sedang kerana pernah kejadian, seorang jururawat muda dihantar ke luar bandar dan suami kepada isteri yang hendak bersalin itu terpaksa memanggil jururawat tadi naik motosikal berdua. Ini mendatangkan kesangsian kepada masyarakat bila orang menengok orang muda bawa nurse muda entah-entah bukan pergi membidankan, entah-entah pergi ke mana-mana. Macam-macam tuduhan yang kita dengar. Kalau dihantar jururawat yang agak berumur sedikit tidaklah mendatangkan fitnah kepada masyarakat di situ.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin menyentuh oleh kerana terdapat teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya dengar tadi dan ini berlaku terutama sekali dari segi layanan oleh jururawat-jururawat di dalam hospital-hospital tambahan lagi kalau pesakit itu orang-orang kampung, orang-orang luar bandar yang memang tidak memahami keadaan-keadaan di bandar, dia biasanya di kampung, jadi keadaan ini terbawa-bawa ke

dalam hospital dan ini merunsingkan jururawat-jururawat yang ada di dalam hospital. Jadi tidak hairanlah kalau terkeluar perkataan-perkataan menengking, perkataan-perkataan yang boleh menyedih, menyakitkan dan menambahkan sakit pesakit-pesakit yang ada. Ini perlu dan sebagaimana yang saya faham ada ditubuhkan Lembaga Pelawat untuk melawat hospital-hospital yang tertentu yang Lembaga Pelawat ini terdiri daripada beberapa orang kenamaan di dalam daerah itu. Saya berharap Lembaga Pelawat ini perlu diaktifkan kerana yang biasanya memang ada, tinggal bagi apa juga catitan, apa juga sungutan yang kita tulis dalam buku pelawat itu dari semasa ke semasa tidak mendapat layanan, tidak mendapat perubahan. Sungutan yang serupa masih lagi terdapat.

Saya berharap pihak Kementerian Kesihatan akan dapat mengarahkan kepada semua Hospital-hospital Daerah supaya Lembaga Pelawat ini benar-benar dihidupkan supaya Lembaga Pelawat ini benar-benar menjalankan tugasnya memerhatikan keadaan yang ada di dalam hospital itu dan meneliti serta mendengar sendiri apakah kerumitan, kesulitan dan sungutan-sungutan pesakit-pesakit dan juga tidak lupa kita untuk mendengar sendiri apakah pula kesulitan di pihak jururawat yang mereka hadapi. Dengan keadaan begitu kita adil dan barangkali Lembaga Pelawat tadi akan dapat menolong sesuatu ataupun memberikan sesuatu pandangan, cadangan dan sebagainya.

Sekian sahaja yang dapat saya lafazkan, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya menyokong Akta pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.46 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan

memberi pandangan dalam membahaskan Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan) 1980 ini.

Mungkin saya tidak dapat menjawab ataupun memberi penjelasan satu persatu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa segala teguran-teguran yang telah disarankan tadi akan diambil perhatian dan di mana ianya difikir perlu akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini tertumpu sangat kepada masalah sopan santun, tatatertib dan gerak geri para jururawat. Saya memang mengakui bahawa jururawat itu bukan merupakan manusia yang perfect. Mereka adalah manusia biasa juga dan tertakluk kepada sikap, tertakluk kepada tabiat dan lain-lain lagi. Gambaran yang telah diberi pada petang ini daripada beberapa Ahli Yang Berhormat, kecuali satu dua orang, bahawa jururawat itu merupakan satu kumpulan yang tidak begitu bersopan santun terhadap pesakit-pesakit. Saya dukacita sedikit atas masalah ini kerana memang sudah diakui bahawa jururawat-jururawat kita juga bersifat baik bahkan Yang Berhormat Menteri dalam menggulungkan perbahasan beberapa minggu yang lepas telah menyatakan pada keseluruhannya khidmat jururawat kita bolehlah dikatakan baik, sungguhpun memang ada kata kita "black sheep" di dalam satu-satu kumpulan itu.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa teguran-teguran yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan teguran-teguran yang ikhlas dengan tujuan supaya Kementerian ini mengambil perhatian yang lebih berat lagi khususnya terhadap latihan perhubungan manusia supaya jururawat-jururawat ini mendapat latihan yang lebih lagi tentang masalah-masalah public relation dan lain-lain lagi.

Suka saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, dalam latihan jururawat kita di negara ini memang ada dimasukkan subject yang merupakan human dan public relation dan education of the public semasa mereka menjalani latihan iaitu selama tiga tahun itu.

Selain dari itu ada juga kita mengadakan refresher course atau kursus ulangan dan juga seminar selain daripada ingatan-ingatan yang diberi oleh Ketua Jururawat dan oleh Pengarah-pengarah dan lain-lain. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ada kes-kes tertentu di mana jururawat atau kakitangan Kementerian ini berkelakuan kurang baik, Tuan Yang di-Pertua, kita minta kerjasama daripada pihak orangramai supaya membuat pengaduan, janganlah pakai jala rambang, susah sedikit. Berikan satu-satu kes yang tertentu sepertimana Yang Berhormat dari Simunjan tadi sebutkan. Dan dalam hal ini saya minta beliau supaya memberitahu saya haribulan di mana perkara itu berlaku dan jam berapa supaya saya dapat menyiasat perkara ini dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Begitu juga dalam kes yang lain. Jadi bermakna kita minta kerjasama daripada pihak orangramai atas masalah ini. Kalau kita tidak berbuat begini, Tuan Yang di-Pertua, pihak jururawat sendiri akan merasa keciwa kerana tidak ada appreciation atau penghargaan atas perkhidmatan dan usaha mereka; hanya dapat kecaman sahaja. Ini bukan saya hendak membela jururawat. Ini merupakan keadaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Telok Anson telah merayu supaya banyak incentive diberi kepada kaum lelaki menjadi jururawat. Tuan Yang di-Pertua, memang ada kursus untuk Hospital Assistant ataupun Pembantu Hospital bahkan kita mempunyai satu sekolah Hospital Assistant (Pembantu Hospital) di Negeri Sembilan dan satu sekolah baharu untuk Pembantu Hospital yang memakan belanja beratus ribu ringgit akan dibangunkan di sana bagi memberi latihan kepada kaum lelaki yang ingin hendak menjadi jururawat ataupun Pembantu Hospital. Memang ada tempat dan ketikanya di mana kita menghendaki jururawat lelaki ataupun Pembantu Hospital ditempatkan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, kawasan terpencil di mana kita dapati kesukaran untuk meletakkan jururawat-jururawat perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, latihan kepada jururawat lelaki juga diberi di negeri-negeri seperti Sarawak, di Sabah dan beberapa tempat lain lagi, jadi mereka tidaklah ketinggalan dalam bidang ini.

Beliau juga telah meminta supaya kita menambahkan pusat latihan ataupun Sekolah Latihan Jururawat. Sukalah saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, memang ada banyak Sekolah Latihan jururawat di negara kita ini. Kementerian Kesihatan ada mempunyai 8 buah sekolah untuk melatih jururawat. Di Semenanjung Malaysia ada 6, di Sabah satu, di Sarawak satu. Universiti Hospital mempunyai satu sekolah latihan jururawat begitu jua di Assunta Hospital dan untuk Pembantu Hospital kita mempunyai satu sekolah di Seremban. Bagi Pembantu Jururawat dan juga jururawat desa kita ada mempunyai sekolah di Rembau dan di Jitra. Dan untuk jururawat masyarakat ada dua di Sarawak dan satu di Sabah dan latihan ini ataupun kemudahan-kemudahan latihan ini akan dipertimbangkan dari semasa ke semasa bagi menampung keperluan tenaga para medical untuk Kementerian kita.

Masalah tanggagaji saya rasa Yang Berhormat pun mungkin ada membaca dalam suratkhbar keputusan Tribunal bulan yang lepas. Kalau tidak salah ingatan saya, para jururawat telah dinaikkan gajinya sebanyak \$30.00.

Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah meminta supaya Pusat Latihan diadakan juga di Pantai Timur, sukalah saya mengumumkan bahawa sebuah sekolah jururawat memang telah ditubuhkan di Kota Bahru pada tahun 1977 bahkan ada juga sekolah latihan untuk Pembantu-pembantu Jururawat yang akan didirikan di Trengganu dan beberapa negeri lain.

Mengenai latihan sopan-santun, saya telah sebutkan tadi dan begitu juga masalah latihan kepada jururawat yang beragama Islam seperti mana yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pant, dari Ulu Trengganu dan juga dari Batang Padang. Sukalah saya menyatakan dan mengumumkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, memang ada latihan, bahkan saya sendiri telah memberi arahan kepada Pengarah Latihan pada masa itu supaya pengajaran dan latihan tentang ugama Islam, terutama sekali tentang

memberi dua kalimah syahadah kepada mereka yang nazak, masukkan ke dalam kurikulum latihan kepada jururawat-jururawat dan Pembantu-pembantu Hospital yang beragama Islam.

Yang Berhormat dari Ulu Trengganu juga telah menyatakan satu kes di mana beliau telah tidak menerima layanan yang begitu baik dan telah ditengking oleh seorang daripada jururawat. Saya ingin mendapat maklumat yang lebih specific lagi atas masalah ini dengan tujuan supaya ianya dapat disiasat dan tindakan diambil. Yang Berhormat dapat menolong Kementerian ini dan menolong orang ramai dalam mengatasi berlakunya masalah seperti ini lagi.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyuarakan sebab musababnya kita memotong Seksyen 6 (1) dalam Akta Jururawat ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca bahagian 6 (1), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: 6 (1) dalam Akta Jururawat 1950 berbunyi:

“Any person whose name is registered in any part of the register kept by the General Nursing Council for England and Wales or of the register kept by the General Nursing Council kept by Scotland or the register kept by the Joint Nursing and Midwives Council of Northern Ireland or of the register kept by the General Nursing Council kept by the Irish Republic and who produces a certificate under the seal of the said Council for England and Wales or of Scotland or Northern Ireland or of the Irish Republic as the case may be certifying that his or her name is so registered as a nurse shall upon making an application in the prescribed manner and upon satisfying the Board of his or her identity and good character and upon paying the fee prescribed for ordinary application for registration under this Act be entitled to be registered in a corresponding manner under this Act.”

Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, adalah mandatory atau terpaksa bagi kita menerima dan mendaftar mereka pada hal jururawat latihan tempatan tidak ada menerima

reciprocal arrangement daripada Council-council tersebut. Jadi ini bukan bermakna kita tidak akan menerima jururawat-jururawat kita yang berlatih di negeri ataupun negara-negara yang saya sebutkan tadi. Peruntukannya memang ada di dalam peruntukan 6 (2) di mana jururawat-jururawat yang dilatih di seberang laut boleh diterima selepas Lembaga Jururawat kita berpuas hati dengan cara membuatkan satu peperiksaan ataupun apa jua boleh mereka daftar dengan Lembaga Jururawat kita. Jadi apa yang kita maksudkan ialah kita hendak mengelakkan daripada dipaksa menerima pendaftaran mereka itu secara automatic. Sebagai sebuah negara yang merdeka, sovereign state kita mempunyai kebebasan dan kedaulatan kita sendiri untuk menentukan peraturan dan sekatan dan tidak didictatekan oleh orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu juga telah menyatakan tentang kursus lanjutan yang tidak diberi ataupun jarang diberi kepada jururawat-jururawat kita. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa kursus lanjutan (refresher course) memang sentiasa diberi dari semasa ke semasa kerana memanglah menjadi dasar Kementerian Kesihatan ini meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan taraf perkhidmatan para jururawat dengan mengadakan apa yang kita panggil “continuing education”.

Beliau juga telah meminta supaya jururawat yang berpengalaman diletakkan di kawasan-kawasan yang terpencil terutama sekali di kawasan-kawasan yang menghadapi masalah komunikasi. Saya rasa ini memang sentiasa diambil perhatian tetapi kadangkala kita mengalami sedikit kesulitan dalam masalah ini, walau bagaimanapun kita mengambil perhatian atas cadangan ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh bahawa jururawat yang dilatih di seberang laut tidak diiktiraf dan tidak diterima berkhidmat di negara kita ini dan beliau telah menyatakan bahawa ini merupakan satu diskriminasi yang telah diamalkan oleh Kementerian kita dan ada di kalangan mereka telah balik ke United Kingdom ataupun tempat mereka berlatih. Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan tuduhan ini kerana kita ada bukti-bukti, bahkan dalam Parlimen ini saya telah memberi angka-angka, bilangan jururawat-jururawat yang telah

berlatih di seberang laut diterima masuk berkerja di dalam Kementerian Kesihatan ini. Yang penting kita mesti ingat Tuan Yang di-Pertua, ialah kita mempunyai sekolah latihan kita sendiri dan kita memberi keutamaan kepada jururawat-jururawat yang dilatih dalam negara kita oleh kerana mereka merupakan jururawat-jururawat yang boleh dikatakan sedang bekerja dengan pihak Kerajaan, mereka berlatih di bawah satu biasiswa atau scholarship. Begitu juga latihan-latihan yang diberi oleh sekolah-sekolah tempatan merupakan latihan-latihan yang sesuai untuk keperluan negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta supaya jururawat ini diterima dan diletakkan mereka itu ke luar bandar. Jikalau mereka sanggup berbuat demikian saya rasa ada baiknya juga tetapi apa yang berlaku mereka meminta kerja tetapi tidak mahu bertugas apabila kita letakkan mereka di kawasan luar bandar. Ini berlaku bukan sahaja di kalangan jururawat yang berlatih dari luar negeri bahkan juga jururawat yang berlatih di sini. Pernah jururawat-jururawat yang kelulusan dari seberang laut berjumpa saya meminta supaya mereka diterima bekerja dengan pihak Kerajaan. Saya pernah memberitahu mereka supaya meminta kerja di Sabah dan Sarawak kerana banyak vacancies di sana, akan tetapi apabila disebut Sabah dan Sarawak mereka tak mahu.

Cadangan Yang Berhormat bagi mengelakkan problem komunikasi supaya jururawat Cina merawat orang Cina dan Melayu merawat Melayu, saya rasa ini tidak praktikal dan tidak dapat diterima. Itulah sebabnya Kerajaan kita menggalakkan kita belajar Bahasa Malaysia dan adalah menjadi kewajipan kita sebagai warganegara Malaysia berusaha belajar Bahasa Malaysia supaya senang kita suku-suku kaum di negara ini menghubungi satu sama lain.

Mengenai pengawalan terhadap jururawat di klinik-klinik perebet dan di kilang-kilang, pada kebiasaannya jururawat itu menjalankan tugas-tugas di bawah kawalan dan arahan doktor-doktor dan di klinik perebet kecil yang ada di negara kita ini sebenarnya kebanyakan daripada mereka yang kita sebut "nurse" itu merupakan orang yang bukan terlatih (trained nurse) sungguhpun ada juga klinik-klinik yang menggajikan jururawat yang terlatih.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah menimbulkan masalah transfer atau pertukaran. Masalah transfer merupakan satu masalah yang betul-betul rumit. Sebagai dasar Kementerian kita, kita dengan sedaya upaya tidak mahu memisahkan keluarga itu, kalau dapat suami hendaklah bersama dengan isteri dan anak tetapi kadangkala perpisahan tidak dapat dielakkan, terutama sekali kalau seorang itu terpaksa ditransfer di satu tempat yang lain oleh kerana ianya naik pangkat. Cadangan beliau supaya cara mengatasinya, dengan mengadakan banyak hospital-hospital daerah adalah tidak praktikal dan realistik, kerana di satu masa mereka itu akan ditransfer juga bergantung dengan pangkat dan jawatan. Kalau umpamanya seorang nurse atau suster dilantik menjadi Principal Matron terpaksa dia pergi ke satu tempat di Ibu Pejabat. Kita ada mempunyai sebuah jawatankuasa khas untuk menimbangankan masalah pertukaran ini dan jikalau seorang itu tidak berpuas hati ianya ditukar dari satu tempat ke satu tempat yang lain, mereka boleh merayu kepada jawatankuasa ini dan jawatankuasa ini akan menimbangankan dengan sehalus-halusnya atas sebab-sebab mereka tidak sanggup menerima transfer itu dan akan membuat keputusan berasaskan kepada sebab-sebab yang dikemukakan. Kadangkala pertukaran tidak dapat dielakkan. Betul, memang ada banyak jururawat-jururawat dan kakitangan Kementerian Kesihatan menggunakan jasa baik ataupun pengaruh sama ada orang politik dan lain-lain lagi, ini kita ambil hitungan tetapi banyak kalanya kita tidak dapat melaksanakan permohonan ini demi kepentingan perkhidmatan kita.

Berkenaan dengan amaran tegas kepada mereka yang kurang sopan-santun, ini memang sentiasa dijalankan. Kalau kita ada menerima satu laporan yang spesifik ini kita kaji dan kalau didapati mereka itu bersalah kita mengambil tindakan disiplin terhadap mereka itu.

Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang kekurangan tempat tinggal yang sesuai kepada jururawat-jururawat terutama sekali di kawasan luar bandar. Ini kita penuh menyedari dan diambil perhatian oleh kita bahkan sekarang apabila kita membina sebuah hospital daerah, kita binakan sebagai sebuah kompleks cukup lengkap, dengan rumah-rumahnya walaupun kadangkala kita

tidak dapat memberi tempat kediaman kepada semua jururawat-jururawat ataupun kakitangan-kakitangan hospital tersebut.

Tentang nama di baju jururawat, Tuan Yang di-Pertua, memang ini merupakan sebahagian daripada uniform mereka, mereka sepatutnya memakai badge nama, supaya senang sahaja kita mengenal mereka. Kalau kita hendak komplek ataupun hendak memuji seorang nurse itu boleh kita tahu siapa namanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai latihan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti tadi saya rasa saya sudah jawab.

Tentang Lembaga Pelawat mereka adalah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan tujuan mengadakan Lembaga Pelawat ini supaya kita dapat satu pandangan yang bebas mengenai perjalanan ataupun pentadbiran hospital itu dan kita berharap Ahli-ahli Lembaga ini akan membuat recommendation yang menasabah dan baik demi kepentingan pengguna-pengguna hospital, dan demi kepentingan rakyat. Kalau ada kecuaiannya seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa catitan-catitan yang dicatatkan oleh mereka tidak diambil perhatian oleh pihak berkenaan tolonglah beritahu pihak Kementerian Kesihatan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Perkara-perkara yang saya tidak sentuh dalam gulungan saya, insya Allah saya akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DAGANGAN KOMODITI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.12 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Akta Dagangan Komoditi 1980 bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu bursa komoditi (commodity exchange), untuk mengawal perdagangan kontrak serahan hadapan komoditi (trading in commodity futures contracts) dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar yang utama bagi getah, kelapa sawit, timah, lada hitam dan kayutropika sedar bahawa pemasaran bahan-bahan utama ini di peringkat "futures trading" mestilah diwujudkan di dalam negara kita sendiri. Perniagaan dalam bidang "futures trading" ini lazimnya ditubuhkan di negara-negara maju seperti Amerika, United Kingdom, Negara-negara di Eropah, Jepun dan Australia, Malaysia adalah di antara negara membangun yang pertama dalam dunia ini yang telah mengambil langkah untuk menubuhkan satu pasaran "futures trading" ini. Segala perkembangan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu pusat pasaran komoditi dan juga pasaran kewangan yang terkenal di rantau ini.

Pada tahun-tahun yang lepas Kerajaan kita telah mengambil berbagai tindakan untuk menentukan bahawa bahan-bahan utama

pengeluaran negara kita akan dapat bertanding di pasaran antarabangsa dan juga untuk mendapatkan harga yang lumayan. Bagi maksud itu Kerajaan kita telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) Mengadakan penyelidikan dan pembangunan dengan tujuan untuk menambahkan lagi pengeluaran meningkatkan lagi mutu dan juga mencari pasaran yang lebih luas lagi di peringkat antarabangsa.
- (ii) Mengambil peranan yang aktif di forum-forum antarabangsa dengan tujuan untuk mengadakan harga yang stabil bagi bahan-bahan utama dan juga untuk mengurangkan lagi sekatan tariff dan non-tariff di kalangan negara-negara yang mengimpot bahan-bahan utama kita.
- (iii) Menggalakkan pemerosesan yang lebih tinggi bagi bahan-bahan utama dalam negara kita sendiri dan ini secara langsung akan dapat menambahkan lagi pendapatan negara kita.

Dalam melaksanakan ketiga-tiga program yang saya sebutkan tadi kita telah mencapai berbagai kejayaan. Untuk memperkukuhkan lagi segala kejayaan-kejayaan yang telah dicapai itu kita perlu mengambil tindakan untuk menubuhkan sebuah pasaran bahan utama di mana negara kita sebagai pengeluar yang terbesar dapat mengambil bahagian dalam menentukan harga bahan-bahan utama yang dikeluarkan oleh negara kita sendiri. Maka dengan tujuan itulah Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menubuhkan satu pasaran barangan yang moden di mana peniaga-peniaga dalam negara kita dan juga dari peringkat antarabangsa dapat mengambil bahagian dalam penentuan harga ataupun "price discovery processes" bagi kepentingan perkembangan ekonomi negara kita. Dengan tertubuhnya sebuah pasaran bahan-bahan utama yang moden maka ini dapat menggalakkan perkembangan pasaran kewangan dan ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat pasaran kewangan yang terkenal di rantau ini.

Rang Undang-undang Dagangan Komoditi 1980 ini adalah sangat perlu untuk mengadakan kawalan terhadap kegiatan perniagaan

barangan yang berbentuk "futures trading" dalam negara kita. Di samping membolehkan perdagangan kontrek serahan hadapan komoditi (commodity futures trading) berjalan dengan licin mengikut peraturan-peraturan yang tertentu, Rang Undang-undang ini akan juga memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengawal dan melindungi kepentingan awam dalam bidang futures trading ini.

Cadangan untuk menubuhkan sebuah bursa komoditi di mana perniagaan "futures" bagi minyak kelapa sawit boleh dijalankan telah pertama kali disyorkan dalam tahun 1974 oleh Dr Mark Powers seorang pakar dari Amerika yang telah ditugaskan untuk mengkaji pemasaran minyak kelapa sawit di negara ini, sejak itu Kerajaan telah menimbangkan perkara penubuhan bursa tersebut dengan teliti dan mengkaji beberapa bentuk dan sistem dagangan "futures" yang kini sedang berjalan di beberapa buah negara seperti di Amerika, Kanada, United Kingdom dan Australia. Satu kajian yang menyeluruh telah diadakan bagi menentukan supaya penubuhan bursa komoditi yang dicadangkan itu serta Rang Undang-undang yang akan diadakan mengenainya akan bukan saja dapat mengawal kegiatan-kegiatan dagangan "futures" tetapi juga ia akan dapat menarik penyertaan dari kalangan antarabangsa. Apa yang penting ialah sistem yang akan diwujudkan kelak mestilah diterima oleh peniaga-peniaga dan diyakini oleh masyarakat pedagang-pedagang "futures" dari dalam dan luar negeri. Selain daripada itu beberapa dasar mengenai kawalan pertukaran wang asing, garis-garis panduan pelaburan asing dan penyertaan syarikat-syarikat asing telah juga dikaji supaya penubuhan pasaran barangan itu serta perkembangan dagangan "futures" amnya akan sama-sama menyumbangkan terhadap pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru negara kita.

Untuk mengadakan satu kajian yang menyeluruh dari semua aspek tadi Kerajaan dalam tahun 1978 telah melantik Encik H. J. Wilson seorang pakar antarabangsa dalam bidang ini dan beliau telah membuat kajian dan memberi perakuan-perakuan tentang struktur dan organisasi Pasaran Barangan yang sesuai untuk negara ini. Perakuan-perakuan yang dibuat oleh pakar tersebut

telah dibincang dan diterima oleh Jawatankuasa Pemandu mengenai penubuhan bursa komoditi dalam negara iaitu Jawatankuasa Rundingan tertinggi yang mengandungi wakil-wakil dari semua agensi Kerajaan yang berkaitan dan juga wakil-wakil swasta yang terlibat. Seterusnya perakuan-perakuan tersebut telah diluluskan oleh Kabinet untuk dilaksanakan dengan seberapa segera. Segala persediaan bagi menubuhkan bursa komoditi adalah berpandukan secara amnya kepada perakuan-perakuan Laporan Wilson dan juga rundingan-rundingan yang telah diadakan di antara pihak Kerajaan dan swasta dan perkara-perkara penting adalah seperti berikut:

- (a) Penubuhan sebuah syarikat persendirian yang akan dinamakan Kuala Lumpur Commodity Exchange dengan ahlinya adalah terdiri daripada pedagang-pedagang, pengeluar, pengguna dan lain-lain kepentingan komoditi, Syarikat-syarikat yang menjadi ahli akan dikenakan bayaran masuk dan syarikat ini akan diuruskan oleh ahli-ahlinya sendiri seperti Pasaran Saham Kuala Lumpur.
- (b) Penubuhan sebuah "Clearing House" atau Pusat Penjelasan yang berasingan dan bebas akan ditubuhkan sebagai syarikat usahasama di antara International Commodity Clearing House dan tujuh Bank-bank Perniagaan Malaysia yang akan menjadi pemegang saham terbesar. Butir-butir lanjut mengenai usaha ini akan saya jelaskan kemudian.
- (c) Peranan Kerajaan adalah dalam soal-soal pengawasan dan galakan dagangan "futures" pada keseluruhannya dan untuk tujuan-tujuan tersebut kuasa-kuasa tertentu diberikan kepada Menteri berkenaan. Satu Majlis Dagangan Komoditi akan ditubuhkan untuk memberi nasihat kepada Menteri mengenai perkara-perkara yang mempunyai hubungan dengan "futures trading" dan seorang Pesuruhjaya Dagangan Komoditi serta Timbalannya juga akan dilantik untuk mengawasi "futures trading" ini mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang tertentu. Walau bagaimanapun Kerajaan akan menekankan falsafah kawalan sendiri atau "self-regulation"

oleh pihak swasta dalam mengendalikan urusan dagangan "commodity futures" ini.

Walaupun Kerajaan telah memutuskan supaya bursa komoditi Kuala Lumpur mengambil bentuk "berbagai bahan utama" atau "multi-commodity" tetapi pada permulaannya barangan pertama yang akan diniagakan atas bursa itu ialah minyak kelapa sawit dan barangan-barangan lain seperti timah, getah, kayu kayan, lada hitam dan lain-lain boleh diperniagakan dalam jangka masa yang sesuai setelah diadakan kajian-kajian lanjut dan peraturan-peraturan mengenainya dapat disediakan kelak.

Kelapa sawit telah didapati sesuai sebagai komoditi pertama yang akan diniagakan dan mempunyai potensi yang baik kerana terdapatnya minat yang begitu jelas dari kepentingan-kepentingan dalam dan juga luar negeri. Saya yakin sokongan dan penyertaan dari mereka akan menjadikan bursa komoditi Kuala Lumpur ini sebuah pasaran yang aktif. Tambahan pula kemudahan seperti "hedging" sangat diperlukan untuk peniaga-peniaga, pengilang-pengilang dan pengguna-pengguna minyak kelapa sawit di negara ini. Kemudahan di pasaran London dan Rotterdam sungguhpun telah wujud buat beberapa lama adalah terhad dan tidak begitu aktif lagi. Adalah didapati bahawa pihak perusahaan kelapa sawit juga sangat mengalu-alukan penubuhan bursa tersebut dan kini telah banyak syarikat-syarikat yang tumbuh dan bersedia untuk menyertai kegiatan bursa "futures" itu nanti. Minat yang sungguh menggalakkan ini jelas menunjukkan bahawa sebuah bursa komoditi sangat-sangatlah diperlukan di rantau ini.

Sementara menunggu kelulusan Akta ini kerja-kerja persediaan yang perlu untuk menubuhkan bursa yang dicadangkan itu telah dan sedang dijalankan oleh beberapa Pasukan Kerja dan Jawatankuasa di bawah Kementerian saya. Persediaan-persediaan ini termasuklah penggabungan Undang-undang kecil dan peraturan pasaran kelapa sawit, kontrak perniagaan hadapan kelapa sawit dan membuat persediaan yang perlu bagi penubuhan sebuah syarikat Kuala Lumpur Exchange Company dan juga Kuala Lumpur Clearing House. Rundingan-rundingan antara bank-bank di Malaysia dengan pihak International Commodities Clearing House, Australia bagi menubuhkan sebuah "Clearing

House” atau Pusat Penjelasan telahpun mencapai persetujuan di mana pihak bank-bank di Malaysia akan mengambil equiti 70% dan pihak International Commodities Clearing House sebanyak 30% dan mereka telah menandatangani satu perjanjian pada hari ini. Di samping itu rundingan-rundingan bagi menyediakan kemudahan fizikal pasaran barangan yang dirancangkan itu termasuklah soal-soal mengenai komputer, telefon dan telex dan juga ruang pejabat telah juga diadakan dan sedang berjalan dengan licin.

Selain dari usaha-usaha yang telah saya sebutkan tadi perlu juga saya nyatakan di sini bahawa tindakan-tindakan awal telah juga diambil untuk membolehkan bijih timah dan getah diperniagakan di “multi-commodity exchange” itu. Dua Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mempercepatkan lagi usaha-usaha persiapan tersebut. Jawatankuasa Timah telah ditugaskan untuk meneliti dan menyesuaikan perakuan-perakuan yang telah dikemukakan oleh Commodities Research Unit London mengenai kaedah-kaedah memperniagakan timah di bursa yang dicadangkan itu. Sementara itu pula Jawatankuasa Getah diberi tugas untuk mengkaji dengan teliti segala langkah-langkah yang perlu diambil

bagi menyesuaikan sistem perniagaan getah yang digunakan sekarang kepada sistem terbuka (open outcry system) yang akan diamalkan di bursa yang akan ditubuhkan itu. Oleh sebab getah dan timah mempunyai cara pemasarannya yang tersendiri pada masa sekarang ini asal penyesuaian dan integrasi dengan pasaran yang akan ditubuhkan kelak akan hanya dilaksanakan setelah mendapat persetujuan daripada semua sektor yang terlibat dalam bidang perniagaan getah dan timah.

Walaupun kita menerima hakikat bahawa sebuah bursa komoditi akan hanya berjaya jika mendapat penyertaan luas dari kepentingan antarabangsa dan oleh itu memerlukan dasar-dasar yang dapat menggalakkan sokongan mereka, Kerajaan tidak bertujuan mengabaikan matlamat-matlamat yang terkandung di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambong esok.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Jumaat, 28hb Mac, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.